

*Salam
Hijratul Rasul
1433^H*

&

*Selamat
Tahun Baru
2012*

Lapisan baru dibuka dengan pelbagai azam baru...

IKHLAS DARIPADA,



قَرْدَانِن مِّنْتَرِي بِنَسْرِك لَنْتَن
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

www.pmbk.gov.my

PENGERUSI, JAWATANKUASA PENASIHAT, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN DAN KAKITANGAN
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN BERSAMA ANAK SYARIKAT



MUHARRAM - RABIUL AWAL 1433 HIJRAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADDAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION

قَرْدَانِن مِّنْتَرِي بِنَسْرِك لَنْتَن

FOCUS

Kelantan, A Charitable State

PERSONALITY

Dato' Haji Omar Mohamed
Dato' Haji Husam Musa

DESTINATION

Lata Janggut

Charitable
STATE

NEGERI BERKEBAJIKAN



<http://www.pmbk.gov.my>

FREE ISSUES / PERCUMA

QIADDAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATED | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

10TH EDITION



بازر توؤورو

BAZAR TOK GURU



10% DISKAUN UNTUK
KAKITANGAN
KERAJAAN NEGERI



- * BATIK, KAIN TUDUNG, PAKAIAN MUSLIMAH
- * MAKANAN (BUDU, SAMBAL DAGING, KEROPOK, MAKANAN SEGERA)
- * HASIL SENI & KRAFTANGAN (EMAS, PERAK, UKIRAN KAYU)
- * PRODUK KOSMETIK DAN AKSESORI KECANTIKAN
- * LAIN-LAIN (ALAT TULIS, BUKU, MAJALAH)
- * MEDAN SELERA AKAN DIBUKA

REBUT SEGERA! PELUANG INI!

Lot-lot Kedai Untuk Dijual

TINGKAT 1
8' X 10' PER UNIT
RM 92,000⁰⁰

TINGKAT 2
8' X 10' PER UNIT
RM 84,000⁰⁰

TINGKAT 1 & TINGKAT 2 DIBUKA UNTUK SEWAAN



قَرْدَانِ مَنْتَرِي بَسْرِكَلَنْتَن
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

www.pmbk.gov.my

UNTUK KETERANGAN LANJUT,
SILA HUBUNGI: **09-747 4082**
013-907 3209
014-507 9001

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATED

قَدَان مَنَتَرِي بَسَرِ كَلَنْتَن

Ketua Editor

Ir Hj Mustafa Salleh

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Setiausaha Jawatankuasa Editorial

Sanusi Hj Othman

Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi

Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jawatankuasa Editor

Nik Aida Nik Ahmad @ Nik Mohamed

Pengurus Audit Dalaman
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Saifulazhar Mamat

Pengurus Operasi
Darul Digital Multimedia Solution Sdn Bhd

Penyelaras Editorial

Shariah Derahman

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pembantu Penyelaras Editorial

Siti Norazami Mohd Anwar

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Penulis

M Faqih

Penulis Bersama

Asqolani Mulhia | Atif Zayyad Idris

Muhammad Yusri Amin | Shariah Derahman

Nik Azman Nik Mustafa | Aslani M | Ahmad Fadhli Shaari

Salma Husain | Rossem | Pauzi Mohamed

Azahari Ab Rahman | Mohd Ezani Idris

Nurul Dayanna Norji | Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

Borhanuddin Ahmad | Dr Nik Aloesnila Nik Mohd Alwi

Jabatan Pemasaran, Kifaalah Sdn Bhd

Dicetak Oleh

Faris Ilham Niaga

5358-I, Jalan Telipot, 15150 Kota Bharu, Kelantan
Tel: +6017-9603151

Pereka Grafik & Layout

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pereka Bersama

Fathi Shafiq Ahd Suhami | Shariah Derahman

Jurugambar

Ahmad Nai'me Muhammad

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar Bersama

M Yarisman | Nazri Abdullah

Kharuddin | Mohd Fauzi Mohd Azmi

Tugas-tugas Khas

Mohd Ali Akbar Yusoff

Penolong Pegawai Khas Jabatan KPEK
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pengiklanan, Pemasaran & Promosi

Jabatan Komunikasi Korporat

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tel: +609-747 4082

Diterbitkan oleh

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai

15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Tel: +609-747 4082

Faks: +609-747 7815

Laman Sesawang: www.pmbk.gov.my

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

SENARAI EDARAN

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan | Urusetia Penerangan Negeri Kelantan | Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi | Syarikat swasta terpilih | Muzium Negeri | Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandaraya Islam | Syarikat-syarikat Swasta terpilih | Perhotelan dan Agensi-agensi Pelancongan | Kedutaan-kedutaan Malaysia terpilih dan Suruhanjaya Tinggi | Kedutaan-kedutaan Asing | Institut Pengajian Tinggi terpilih dan Majlis Pelajar-pelajar | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mana-mana bahagian di dalam majalah ini sama ada artikel, gambar dan isi kandungan dicetak tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak PMBK. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Semua material penerbitan yang dikirimkan kepada PMBK akan menjadi hak milik PMBK. Sebarang pertanyaan berkaitan editorial dan pengiklanan serta edaran perlu di alamatkan kepada PMBK. Sidang redaksi menyediakan hak-hak untuk pengedaran dan / atau menulis semula semua bahan menurut keperluan penggunaan penerbitan.

Minyak MESTIKA

MINYAK MESTIKA
CAP DAGANGAN

FOR MASSAGE

Traditionally used for relief of muscular pain, joint pain, sprain, stomach-ache, flatulence, bed-wetting and insect bites

FOR EXTERNAL USE

麥士迪加藥油
此藥油方用於緩解骨節疼痛、扭傷、肚痛、脹氣、尿床、蚊蟲咬傷。
只供外搽

INGREDIENTS
Herba Pandanus Olus 0.89g
Camphor 0.89g
Menthol 1.38g
Cham Maribus Purified 2.76g
Cham Eucalypti 4.17g
30 ML

KEEP OUT OF REACH OF CHILDREN

Minyak mestika, minyak gosok yang digunakan secara tradisional untuk melegakan sakit otot, sakit sendi, terseliuh, sakit perut, kembung perut, kanak-kanak kencing malam dan digigit serangga.



Pengilang:

CHE MAH & SONS SDN BHD (278832-A)

Lot 2959, Kg. Simpang Empat,

17000 Pasir Mas, Kelantan

Tel/ Faks: 09-794 3696

Pengedar:


MINYAK MESTIKA MARKETING SDN BHD (585176-M)

No. 5, Wisma MDT, Jalan Puteri Saadong,

16250 Wakaf Bharu, Kelantan

Tel: 09-719 1332 Faks: 09-719 9925

Boleh didapati di kedai-kedai runcit, toko jamu, kedai ubat cina, farmasi dan MYDIN



COVER PAGE:
CHARITABLE STATE
NEGERI BERKEBAJIKAN

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

قِرْدَانِ مَنْتَرِي بِنَسْرِكْ لَنْتِن

Kelantan is a blessed state in which the government takes responsibility on the welfare of the people. It is also a state governed by the leaders with integrity and *imaan*. The Chief Minister is confident in implementing the Islamic rules since back then and as such, the positive outcomes are witnessed today. For almost 21 years, Kelantan remains prosper and grateful with the blessings.

FOKUS

KELANTAN
NEGERI BERKEBAJIKAN

12

KELANTAN,
NEGERI
BERKEBAJIKAN

VARIASI

Konsep Negara Berkebaikan
dalam ISLAM

22

KONSEP
NEGARA
BERKEBAJIKAN

VARIASI

DASAR NEGERI BERKEBAJIKAN

28

DASAR NEGERI
BERKEBAJIKAN

VARIASI

AGENDA-AGENDA KERAJAAN NEGERI
KE ARAH MEREALISASIKAN
NEGERI BERKEBAJIKAN

30

AGENDA
NEGERI
BERKEBAJIKAN

VARIASI

USTAZ MAT
MENJIWAI KESUSAHAN RAKYAT

36

MENJIWAI
KESUSAHAN
RAKYAT

PEMIMPIN

DATO' HAJI OMAR
KEMAJUAN PERTAMA PINDAH
WANG KE BANK ISLAM

40

DATO' HAJI
OMAR MOHAMED

PEMIMPIN

HAJI
HUSAM
Arkitek 'Kelantan Negeri Berkebaikan'

43

DATO' HAJI
HUSAM MUSA

TOKOH

JASA AYAH SIN
TERPAHAT KUKUH
DI PONDOK TERUSAN

48

TUAN GURU
DATO' HAJI
HASHIM ABU BAKAR

HERITAGE

WAYANG KULIT
A new generation with strong character

52

WAYANG KULIT

DESTINATION

LATA JANGGUT
A PERFECT VACATION IN JELI

56

LATA JANGGUT

MAKANAN

KUIH 3 BERADIK
MULUT MENYEBUT HATI MENTASHOHQ

60

KUIH TIGA
BERADIK

**JENAMA
KELANTAN**

BUDU
KUNITA SRI KEMAYANG

64

BUDU

**KELANTAN
SANA-SINI**

Takaful Kifaalah Warga Emas
Pernayakal maulangan di setiap DUN

68

SKIM TAKAFUL
KIFAALAH

**INSPIRASI
KELANTAN**

PROF. MADYA DATO'
DR. MOHAMMAD AGUS YUSOFF

72

PROF. MADYA
DATO' DR.
MOHAMMAD
AGUS YUSOFF

FOKUS PMBK

KIFAALAH SDN BHD:
Bukti Kelantan Negeri Berkebaikan

76

KIFAALAH
SDN BHD

**AKTIVITI
PMBK**

Mejlis Perasmian Pembukaan
Butik Kesihatan & Kecantikan
Nutrifera

82

BUTIK
NUTRIFERA

**AKTIVITI
PMBK**

SAMBUTAN TAHUN BARU
PMBK 2011

84

SAMBUTAN
AIDILFITRI
PMBK 1432H

**AKTIVITI
PMBK**

HARI KELUARGA
PMBK 2011

85

HARI KELUARGA
PMBK 2011

**AKTIVITI
PMBK**

MAJLIS PERASMIAN KEMERIAHAN KUMBAHAN AWAM,
PERUMAHAN JPN PADANG TENDEK, PENGKALAN CHEPA
DAN HARI BERSAMA PELANGGAN

88

LOJI RAWATAN
KUMBAHAN AWAM
BARU

**AKTIVITI
PMBK**

Sehari di PANTAI SURI

90

KEMBARA
SILATURAHIM
PMBK

**TEROWONG
MASA**

TEROWONG MASA
Tong Tunnel
Dulu

92

JABATAN
KASTAM DIRAJA

**KELANTAN
ENCYCLOPEDIA**

KELANTAN
ENCYCLOPEDIA

94

KELANTAN
ENCYCLOPEDIA

Tahun 1990... Bermulanya Kelantan Negeri Berkebijakan ...

PERISTIWA



Pesuruhjaya PAS Kelantan merangkap Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, Tuan Guru (Dato' Bentara Setia) Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan, dengan persetujuan semua komponen Parti Angkatan Perpaduan Ummah - 23 Oktober 1990

BIODATA

- ~Nama : Nik Abdul Aziz bin Nik Mat
- ~Tarikh Lahir : 1931, Pulau Melaka.
- ~Isteri : Tuan Sabariah Tuan Ishak
- ~Bilangan anak : 10 orang
- ~Bintang Kehormat : S.J.M.K, K.M.N, J.P
- ~Pendidikan :
 - i) Universiti Deoband (Darul Ulum) India
 - ii) Universiti Al-Azhar, Mesir
 - Ijazah Sarjana Muda (M.A) Dalam Jurusan Kehakiman dan Perundangan Islam
- ~Mula memegang jawatan dalam politik: Tahun 1967
- ~Mula memegang jawatan Menteri Besar: 23 Oktober 1990



Langkah Pertama Tok Guru ke pejabatnya sebagai Menteri Besar Kelantan- Tahun 1990

اوتوسن ملايو 24 اكتوبر 1990



حاج نيك عزيز نيك مه

توه كورو نيك عزيز بنغ نمفوي 15 اورغ ادين براديق تله مندريكن رومهنشك دغن حاحه توان صبريه توان اسحاق كبرا 30 تاهون لفس دان حاصيل فركهوين ايت. مريك دكرنياكن 10 اورغ اتق. ليم للاكي دان ليم فرمفوان.
دوا درقد مريك تله مظبريكن رومهنشك مشكل بنغ لارين ماسيه بلاجر دسكوله منغه دان سكوله رنده سستارا بنغ بوغسر براوسيا ام تاهون.
انقن بنغ سولوغ، نيك نورعيني كيني برتوكس ساكني فنشرح دمكسب فركوروان دكوالا لمفور مشكل نيك غير منتتبه دوسر...

منترى بسر كلنتن كلیم

كوت چهارو 23 اكتوبر - كتواديهوان علماء فاس فوسه. حاج نيك عبدالعزيز نيك مه. 59 منجادي منترى بسر كلنتن بنغ كلیم. انكوران كجيان فارين برسام فارني سهاغه 46 دان برجاس بنغ برکابوغ دالم اشكاتن فرقادوان اوسه (اشكاتن) مرمفس تقوق فرنتاهن نكري درقد باريسن ناشيونل دالم فيليهتراي عموم احد لفس اشكاتن بنغ منغدوغني فاس. سهاغه 46. برجاس دان حم محليه فسورهجاي فاس كلنتن ايت منجادي منترى بسر برداسرکن کفد حقیقه هوا کلنتن مروفان کوبو نواة فاس دان فقواسان بسر کروسى ديوان اونداهن نكري ادون) بنغ منغدوغني 39 کروسى ايت.
حاج نيك عزيز. بنغ له دکئالي ساکني "توه کورو نيك عزيز" دلاهيرکن دکمفوغ فولو ملاک. کوبغ کران دکة سيني فد تاهون 1931. فرنه منتتبه علمو اکام دانديا سلوم مسروسکن فقاهتن کيونيرسيئي الازهر مصر.
برکلولسن عيم انه. دالم بيدغ شرعيه. حاج نيك عبدالعزيز. بنغ جوك اشکوت ديوان اونداهن نكري کاواسن سموة افي ايت فرنه برتوکس ساکني کاکيتاشن جاتن کماجوان مشارکه (کس) سلوم ملتقن جواتن انتوق برتديغ دالم فيليهتراي کچيل 1967 دکاواسن فارلین فقکالن جفا.
بليو صولا برتديغ دکروسى نكري سموة افي دالم فيليهتراي عموم 1986 سنله امغه فقکل منجادي اشکوت فارلین.

Keratan Akhbar Utusan Melayu (24 Oktober 1990) dalam tulisan Jawi sempena pelantikan Tok Guru sebagai Menteri Besar Kelantan.



Mutiara Kata

1. Sebagai manusia, perlu kita sedar bahawa kudrat kita terbatas. Mata kita ada batas untuk melihat, lalu kita guna teropong dan cermin mata. Telinga kita ada batas untuk mendengar, lalu kita guna telefon untuk mendengar suara yang jauh. Tenaga kita ada batas, kita gunakan alat-alat tertentu untuk mengangkat barangan yang berat. Demikianlah juga alam akhirat yang tidak dapat kita lihat dan rasai, lalu kita gunakan Al-Quran sebagai alat bantu untuk kita lihat, dengar dan rasa alam akhirat...

- Kuliah Pagi Jumaat di Medan Ilmu, 4 Februari 2011

2. Seorang yang bersolat akan memberikan salam kepada hamba-hamba Allah yang soleh di dalam tahiyatnya. Alangkah beruntungnya hamba Allah yang soleh, sering didoakan kesejahteraan oleh jutaan manusia yang bersolat saban waktu.. indah dan hebatnya Islam. Leraikanlah kekusutan hati dengan bersolat..

- Tazkirah selepas Solat Isyak di Majlis Ceramah Solidariti Bersama Kebangkitan Rakyat Timur Tengah di PUTIK, 6 Februari 2011

3. Islam yang sampai kepada kita umpama air yang telah mengalir selama 1400 tahun. Jika air yang asalnya jernih, mengalir begitu lama menyusuri bukit bukau sudah pasti dicemari dengan kelodak apabila tiba di muara sungai, dan untuk membersihkannya semula memerlukan penapis. Demikian juga Islam, untuk memahami Islam sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah SAW memerlukan penapis yang bersih. Penapis itulah para ulama yang ikhlas mengajarkan ilmu..

- Ucapan di Himpunan Awam Warga Kota Darul Naim pada 5 Mac 2011

4. Saya yakin, pihak-pihak yang galak menyerang dasar kerajaan negeri pada hari ini hanyalah sekadar mahu menarik perhatian umum sahaja sedangkan selama 20 tahun dasar-dasar ini diperkenalkan, ia diterima oleh semua pihak termasuklah golongan non-muslim di sini. Suara-suara ini hanyalah guruh dan petir di luar rumah, Insya-Allah guruh dan petir ini tidak menggoncangkan air di tempayan. Adatnnya, guruh petir habis berdentum, turunlah hujan yang menyejukkan insya-Allah.."

- Ucapan perasmian penutup Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan 2011 pada 17 Mac 2011 di Dewan Besar Balai Islam, Lundang

Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat



Nota Ketua Editor

AGAKNYA ramai yang masih ingat apabila pengurus-pengurus bank konvensional di Kota Bharu datang ke pejabat Menteri Besar pada awal tahun 1990-an. Seramai 11 orang menyatakan tidak senang dengan arahan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya pindahkan duit kerajaan ke Bank Islam. Kata Tok Guru, pengurus bank tersebut merungut panjang kerana terpaksa keluar-keluar wang daripada bank mereka. Amarahnya sampaikan mereka tidak sempat menjamah air yang disediakan.

Episod itu bermula setelah Menteri Besar mengarahkan Pegawai Kewangan Negeri ketika itu iaitu Dato' Mohd Yusof Hassan memindahkan wang ke Bank Islam. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan bagi mengelakkan bebanan riba terus berleluasa. Biar pun berdepan dengan seribu satu halangan, namun hari ini sistem kewangan Islam berjaya dimartabatkan kembali.

Ternyata usaha ke arah itu bukan perkara mudah tanpa ada kuasa politik di tangan. Sedangkan negara sudah lama menghalau penjajah, namun Islam masih gagal diletak pada kedudukannya. Persoalannya kerana apa? Jawapannya ada pada anda sendiri. Tanpa kuasa politik yang diberi oleh rakyat, sudah tentu segala usaha ke arah itu hanya sekadar menjadi cerita di kedai kopi dan di dalam kitab-kitab kuning sahaja.

Namun sekarang kita boleh lihat dan rasai sendiri, kuasa politik Islam berjaya mengembalikan negeri Kelantan sebagai negeri berkebajikan. Cerita Khalifah Umar Abdul Aziz memikul beras di waktu malam untuk dibahagikan kepada rakyat, dijelmakan dalam versi baru di bawah penguasaan ulama di bumi Serambi Mekah dengan Skim Al-It'aaam dan sebagainya.

Rakyat bumi Cik Siti Wan Kembang cukup bertuah. Bermula dari tanggal 1990 sehingga sekarang, pelbagai program dan aktiviti dijelmakan di atas paksi berkebajikan. Berkebajikan bukan sekadar membantu rakyat dari aspek material semata-mata, sebaliknya memandu mereka merebut ganjaran pahala di akhirat kelak.

Oleh itu bagi mengimbuai semula pencapaian Kelantan di bawah naungan Negeri Berkebajikan, QIADAH keluaran ini cuba memaparkan kembali kegemilangannya. Catatan lama sengaja dinukil semula bagi membolehkan ia menjadi renungan dan pedoman buat kita semua.

Apa yang baik menjadi teladan, apa yang kurang baik dijadikan sempadan.

Salam Hormat
Ir Haji Mustafa Salleh

KELANTAN

NEGERI BERKEBAJIKAN

Oleh Asqolani Mulhiq



KELANTAN bumi bertuah. Apakah dakwaan itu hanya sekadar manis di bibir atau mauduknya tidak lebih sekadar omongan kosong? Nah, hari ini ramai orang mahu mendabik dada menangan citra serupa. Kedah, Selangor dan Pulau Pinang juga teringin mewar-warkan keinginan yang sama.

Namun tidak sukar untuk menyukai kebenarannya. Lihat dan perhatikan apa yang ada di Kelantan sekarang. Satu demi satu polisi pentadbiran dirangka berteraskan prinsip berkeadilan. Segalanya bermula pada Oktober 1990 selepas hegemoni lama berteraskan bangsa ditukar.

Bahtera biru tua diwarnai semula oleh rakyat Kelantan dengan kilauan hijau dan kuning. Ternyata warna baru lebih menarik, ceria, bertenaga dan menawan.

Segala detik penjenamaan baru dimulakan pada tanggal 21 Oktober 1990, dirintis seorang lelaki berserban, lengkap berbaju Melayu dan bersamping. Beliau baru menduduki pejabat di

Blok 1, Kota Darulnaim menggantikan ketua kerajaan berpangkat Tan Sri.

Tatkala itu satu sejarah baru tercatat dalam lebaran dokumentasi negara, ketua pentadbir negeri bukan lagi lelaki berkot dan tali leher meleret. Tiada juga songkok hitam dan "bush jacket". Jauh sekali dengan gaya cerut setinggi yang mengeluarkan asap berkempul berbau cengkih atau tembakau darat.

Di sinilah asas segala permulaan, membawa Kelantan ke arah negeri berkeadilan. Berkeadilan bukan setakat teori pada helaian kertas akhbar, sebaliknya praktikal sekali.

Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Hakim bermaksud, "Ketua (penghulu) satu kaum itu ialah orang yang berkhidmat kepada mereka".

Menjadi seorang pemimpin ertinya seseorang itu sanggup berkhidmat untuk rakyat. Dalam konteks masyarakat madani garis panduan bagi pemimpin Islam antaranya mendidik rakyat



TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HAJI
NIK ABDUL AZIZ HJ NIK MAT
MENTERI BESAR KELANTAN

mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Selain itu takwa pemimpin mesti melebihi rakyat dan merencanakan program kebajikan untuk mereka. Dalam surah Ali Imran: 104 Allah berfirman yang bermaksud, "Hendaklah (wajiblah) ada di kalangan kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan (kebahagiaan)."

Ulama menjadi peneraju

Inilah citra kepemimpinan ulama di bawah teraju seorang lelaki berjanggut dan berserban. Tiada pemimpin berwatak sepertinya di seantaro dunia kecuali di Iran dan Sudan.

Berkeadilan membawa maksud, kerajaan mengambil tanggungjawab dalam rukun kehidupan dengan mengutamakan keperluan asas rakyat. Selain itu melengkapkan kemudahan termasuk tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan.

Paling utama menghapus atau mengurangkan bebanan rakyat. Islam melarang kerajaan atau pemerintah membebaskan rakyat dengan cukai yang tinggi. Seperti kata anggota parlimen Marang, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi

Awang, "negara berkeadilan bukan hanya hebat pencapaian ekonomi, sedangkan jiwa masyarakat kosong sehingga dihinggapi pelbagai penyakit sosial". Negara berkeadilan mestilah ditadbir oleh pemerintah yang berintegriti atau beriman. Selain itu bercirikan kerajaan yang wajib memberi pertolongan kepada rakyat secara adil tanpa mengira fahaman politik, ras dan kaum," katanya.

Apa yang dimahukan, kesejahteraan spiritual dengan akhlak yang dihubungkan dengan tali agama. Indeks kesejahteraan perlu mengambil kira persekitaran masyarakat beragama yang berbagai kaum dan kefahaman.

Negara berkeadilan juga melaksanakan undang-undang yang mampu mendidik rakyat, jauh sekali bersikap mendera. Berkeadilan juga digambarkan dengan sifat persaudaraan dan kejiranan yang berlumba-lumba melakukan kerja-kerja kebajikan. Inilah prinsip yang dijelaskan dalam kerangka negeri berkeadilan. Kemuncak kepada kerja-kerja berkeadilan apabila berjaya menegak amar makruf nahi mungkar.

"Kerja berkeadilan yang paling utama dilakukan oleh Angkatan Perpaduan Ummah selepas diberi mandat pada Pilihan Raya Umum 1990 iaitu keberanian Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat mengarahkan Pegawai Kewangan Negeri memindahkan wang kerajaan negeri ke Bank Islam.

"Langkah yang diambil itu bukan mudah. Malah pada peringkat awal juga dicurigai pegawai kerana belum pernah berlaku dalam sejarah negara.

"Mereka datang berjumpa dengan Menteri Besar menzahirkan bantahan terhadap tindakan kerajaan negeri memindahkan wang daripada bank mereka ke Bank Islam. Namun, Tok Guru Nik Aziz tetap bertegas. Beliau menyebut tidak mahu memikul bebanan di akhirat kelak kerana membiarkan unsur riba terus membelenggu rakyat," kata bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, Dato' Omar Mohamad.

Ternyata langkah yang diambil oleh Menteri Besar Kelantan berjaya membuka lembaran baru sejarah ekonomi negara. Dari situlah sistem perbankan Islam seperti yang ada di negara ini sekarang dirintis. Lebih membanggakan lagi apabila institusi kewangan yang bukan dimiliki orang bukan Islam juga memperkenalkan perbankan Islam.

Kata Omar lagi kerajaan Kelantan merintis program-program berkebakikan biar pun usia baru setahun jagung. Kerangkanya bukan perkara baru kerana sudah lama tersaji dalam Al-Quran dan Hadis. Apa yang berlaku sebelum ini pemimpin Islam tidak mahu menggali khaza-

nah itu. Mereka asyik dan terikut-ikut dengan dasar sekular, sedangkan ia jelmaan akal manusia daripada acuan barat. Sedangkan silap dan salah peraturan hasil cetusan akal manusia ada di mana-mana.

Membangun Bersama Islam

Kerajaan Kelantan sejak tahun 1990 sehingga sekarang mencetus segala polisi berpaksi kepada kerangka Membangun Bersama Islam. Segala panduan pentadbiran bermula di platform itu.

Sebenarnya apakah yang dinamakan sebagai kebajikan atau disebut juga kesejahteraan. Dalam istilah Inggeris disebut sebagai *welfare*. Maka gagasannya tidak jauh daripada maksud *Welfare State* atau negeri kebajikan.

Menteri Besar sejak dari awal lagi memandu jentera pentadbiran Kelantan dengan resepi berciri kebajikan. Tindakan pertama membebaskan rakyat daripada elemen-elemen sekular yang lebih berkiblatkan keduniaan.

"Semua pemimpin mampu melaksanakan pembangunan untuk faedah rakyat. Pemimpin bertanggungjawab membina jalan raya, sekolah, hospital, pasar dan banyak lagi kemudahan lain. Malah di negara komunis pembangunan kebendaan lebih hebat berbanding di tempat kita. Sesiapa sahaja yang menjadi pemimpin itulah sebahagian tugasnya. Begitu juga kalau Orang Asli menjadi pemimpin, perkara yang sama dilakukan".

"Apakah itu sudah memadai, sedangkan tugas yang lebih penting ialah membawa rakyat tidak sesat dalam kehidupan di dunia sehingga akhirat," kata Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

Baginya kejayaan sepanjang lebih 20 tahun mentadbir Kelantan apabila rakyat semakin faham mengenai agama. Lebih-lebih lagi orang bukan Islam mulai mengerti keindahan Islam.

"Kalau dahulu apabila disebut perjuangan Islam, mereka takut dan rimas. Ini kerana pelbagai gambaran negatif dilabelkan terhadap Islam. Namun hasil penerangan secara berterusan sejak 20 tahun lalu akhirnya mereka mulai faham," katanya lagi.

Bertitik tolak dari situ beberapa perubahan

awal dilakukan dengan mengambil kira acuan agama. Antaranya mengharam pusat-pusat perjudian dan mengawal penjualan arak. Kedai gunting rambut dipastikan tidak menerima pelanggan berlainan jantina.

Hiburan melampau dikawal dengan Enakmen Kawalan Hiburan 1998. Pekerja wanita di pasar raya-pasar raya yang beragama Islam dipastikan menutup aurat dan wanita bukan Islam mestilah berpakaian sopan.

Perubahan yang dilakukan ke arah emansipasi bagi memartabatkan wanita di Kelantan adalah mereka dilarang menjadi bahan pelaris semata-mata bagi menjaja produk yang boleh menghasilkan keuntungan berganda buat kapitalis.


Golongan wanita diberi hak sewajarnya sebagaimana digariskan oleh agama. Peraturan pemakaian menutup aurat dimasukkan dalam syarat premis perniagaan.

Mana-mana premis yang berdegil membiarkan pekerja wanita Islam tidak menutup aurat dikenakan tindakan. Peraturannya ada di bawah Undang-Undang Kecil Perniagaan dan Perindustrian. Kompaun penalti pula sebanyak RM500.

Namun Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Takiyuddin Hassan menjelaskan pilihan pertama pihak berkuasa tempatan ialah memberi nasihat. Selain itu melaksanakan kempen kesedaran melalui sepanduk, iklan dan risalah. Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan juga melaksanakan kempen menutup aurat. Inilah yang dinamakan sebagai asas negeri berkebakikan.

Bermula dengan penggubalan peraturan, hari ini suasana harmonis mulai kelihatan di Kelantan. Wanita-wanita Melayu semakin kurang mempamerkan keghairahan berpakaian sehingga menjolok mata. Begitu juga paparan papan iklan gergasi di tepi-tepi jalan dipastikan hanya mempamerkan wajah wanita yang menutup aurat. Tiada lagi gambar yang mendorong kepada nafsu serakah dibiarkan mencuit pandangan awam.

"Inilah konsep kebajikan sebenar dalam Islam. Apabila wanita diberi hak dan dijaga dengan batasan agama, gejala-gejala kurang sihat dapat dikendalikan," kata Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Kelantan (BBC), Ustaz Abdullah Ya'kob.



Dasar Berkebijakan sejak tahun 1990

Melanjutkan bicara mengenai negeri berkebijakan, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan, Dato' Husam Musa memberitahu dasar berkebijakan bertapak di Kelantan sejak tahun 1990 lagi.

Berkebijakan bukan sekadar welfare state. Sebaliknya ia lebih jauh daripada itu. Berkebijakan menjadi lengkap apabila digauli dengan unsur keprihatinan, cakna, caring dan perkongsian.

"Berkebijakan bagi seseorang pemimpin politik apabila sedia mendengar masalah dan keluhan rakyat. Pemimpin yang tidak ada protokol dan mudah ditemui".

"Seperti Tuan Guru Nik Abdul Aziz di rumahnya 'no gate no guard'. Selain itu nasihat yang baik kepada rakyat, tazkirah agama, jimat-cermat dalam pengurusan kewangan dan membantu golongan lemah dan susah," kata Hj Husam yang juga ADUN Salor.

Pelbagai skim dan bantuan telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi merealisasikan negeri berkebijakan. (Sila rujuk artikel seterusnya untuk mengetahui dengan lebih lanjut).

Sebenarnya banyak lagi program bagi menggambarkan Kelantan benar-benar negeri berkebijakan. Sepanjang lebih 21 tahun di bawah teraju kepimpinan ulama kesejahteraan kehidupan rakyat Kelantan jelas terpancar. Tidak salah lagi untuk dinobatkan Kelantan sebagai Negeri Berkebijakan.




Projek Ladang Rakyat

Statistik Pembahagian Dividen Ladang Rakyat (Julai 2006 hingga Mei 2011)

Jajahan	1990 – 2000 (hektar)	2001 – 2010 (hektar)	Jumlah
Kota Bharu	1,466	2,491	3,957
Kuala Krai	5,589	5,631	11,220
Pasir Mas	5,546	1,812	7,358
Tanah Merah	7,165	5,581	12,746
Pasir Puteh	4,788	1,694	6,482
Machang	2,152	746	2,898
Bachok	3,920	2,091	6,011
Tumpat	1,094	755	1,849
Gua Musang	6,184	1,957	8,141
Jeli	4,049	4,212	8,261
JUMLAH	41,953	26,970	68,923

Sumber Pejabat Tanah dan Galian Kelantan

KELANTAN A CHARITABLE STATE



KELANTAN is a blessed land. Is the statement hearsay or fact? Such recognition has been given to Kelantan and other states would desire to receive such acknowledgement too, including Kedah, Selangor and Penang.

But it is rather easy to evaluate the statement as we observe the current situation in Kelantan. More and more administrative policy are formulated and drafted based on the welfare principle. Things have started to change since 1990 when the hegemony which was based on race changed.

The re-branding of Kelantan began in October 21st, 1990 and the bright yellow and green colours appear to be more attractive, cheerful, energetic and charming. The turbaned man, dressed in a complete baju Melayu occupied the office at Block 1 of Kota Darulnaim to govern Kelantan.

Since then a history was made. The state administrative leader is no longer a man wearing a

blazer and a tie. The man is neither wearing black songkok nor bush jacket. Additionally, one will never smell tobacco or cigarette smoke from him.

That was the day, the beginning of becoming a charitable state. It was not only written on paper as a theory, but everything was done practically.

Instead, it was the day that the smell of welfare filled the air. This day marked the day in which Kelantan began the move towards welfare reform. As narrated by Hakim R.A, Prophet Muhammad SAW said, "The leader of a race is the one who works devotedly to them".

Being a leader means a person would sacrifice himself to serve the people and give the best to the society. The basic guideline as an Islamic leader in a Madani society is to educate the people to achieve happiness in the world and Hereafter.



In addition, leaders must be more pious than the community and plan for the welfare program of the society. Allah says in Ali Imran:104, And let there be [arising] from you a nation inviting to [all that is] good, enjoining what is right and forbidding what is wrong, and those will be the successful.

Ulama' as an anchor

This is the image of ulama' leadership, a bearded and turbaned men. One will never find such a leadership image except in Iran or Sudan.

Moving in line with welfare means the government will be responsible to focus on the basic necessities in life. These include, but not limited to, providing homes, health benefits and education services to all levels of society.

The most important is to eliminate or at least lessen the burden of the people. Islam forbids the government from burdening the people with high taxes. Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang, the Member of Parliament of Marang once said, "A charitable state does not only cater to ensure great economy achievement but also work to curb social issues. A state should be governed by a leader with integrity and *imaan*. Additionally, the government has a duty to help the people fairly regardless of political affiliation, race and ethnicity".

Hence, the important thing is a spiritual well-being or *akhlaq*. Doing welfare activities should take into account the society's different religions and ethnic groups.

A charitable state should implement the laws that can educate the people, and not to abuse. Engaging in welfare also describes the nature of kinship and neighborhood which are competing to do charitable works. This is the principle embodied in the framework of the welfare state which is to achieve *amal ma'aruf nahi munkar* or do good deeds and do not even get close to evil deeds.

"The first and most important charity works carried out by Angkatan Perpaduan Ummah led by the courageous Chief Minister, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru Nik Aziz) after the mandate in the 1990 general election was to instruct the State Financial officer to state government's money to Bank Islam.

"The steps taken were not easy. Even at an early stage is also suspect because officials have never occurred in our history.

According to the former Speaker of the Legislative Assembly of the State of Kelantan, Dato' Mohamad Omar, "it wasn't an easy task, the officers were all skeptical as it has never happened in Malaysia before. Nevertheless, Tok Guru Nik Aziz was very confident about the

Islamic rules and the episode took place. The first negative feedbacks came from the bank managers around Kota Bharu. They came to see him to object the decision. However, he argued that he did not want to be accounted or witness people suffering in the Hereafter if he allowed *riba* as a result of depositing money in the conventional banking system.

Tok Guru Nik Aziz has achieved a tremendous success with the difficult yet worthwhile decision to migrate from the conventional to the Islamic banking system as described earlier. Since then, the interest to embrace the Islamic banking systems has grown across the major banks in Malaysia, including those owned by the non-Muslims.

Omar also stated that the Kelantan government has been actively engaged in the charity programs that include employing the Islamic banking systems since then. It should be noted that these activities are not something new rather, they have been mentioned in the Quran and Hadith. The one that is lacking is only the negligence of the previous leaders as a result of ignorance.

Developing with Islam

Since 1990, the Kelantan government has employed the framework of "Developing with Islam" in all its administrative work. As such, everything is carried out based on that platform. So, what is the actual meaning of charitable as adopted by Kelantan? As defined by the Britannica Online Encyclopedia, the welfare state is a "concept of government in which the state plays a key role in the protection and promotion of the

economic and social well-being of its citizens. It is based on the principles of equality of opportunity, equitable distribution of wealth, and public responsibility for those unable to avail themselves of the minimal provisions for a good life. The general term may cover a variety of forms of economic and social organization."

Being the Chief Minister of Kelantan, Tok Guru Nik Aziz has administrated the Kelantan government based on the welfare policies. To combat the influences of worldly matters on people's mundane tasks, the first action taken by Tok Guru was to free people from the secular way in leading their life.

According to Tok Guru, leaders should be able to plan for a development that will benefit everyone. He emphasized that a responsible leader must provide basic and necessary facilities including roads, schools, hospitals and markets. He argued that everyone may play a role as a leader including the Orang Asli. On the other hand, Tok Guru reminded us that being responsible has no limitation but such responsibility must be carried out in line with the Islamic teaching.

He deliberates that his best achievement for the past 20 years of governance is the more Islamic knowledge people has gained. Additionally, he is happy that more non-Muslims can understand and tolerate the beauty of Islam.

"Previously, when we mentioned about Islamic *jihad*, everyone, both Muslims and non-Muslims appeared to be afraid and anxious. Over the previous years, general misconceptions about Islam were increased, and negative connotations about Islam were at all the time high. However,





my continuous explanations of the beauty of Islam for the past 20 years have cleared up such fallacies" he added.

Since then, a few changes have taken place, having Islam as the guidance. Gambling centres have been closed down while the selling of liquor has been controlled. Additionally, saloon and barbers are expected to operate based on gender.

The Entertainment Control Enactment 1998 is employed to control extreme and excessive entertainment. Muslim female workers at supermarkets have to cover their *aurah* and non-Muslims must wear proper, descent attires.

The Kelantan government enhances the dignity of the women by prohibiting the advertising agencies from employing women to become models for profit-making.

Women are also given the rights they deserve as outlined by Islam. The rule of wearing covered clothes was included in the business premise regulations.

Those refuse to abide by the law by allowing their female workers to uncover their *aurah* will be compound RM500 as stated in the Commerce and Industrial Law.

Nevertheless the Chairman of Local Government, Tourism and Cultural Committee, Dato' Takiyuddin Hassan emphasized that the municipal council would offer advice to such business premises owner prior to issuing compound. Additionally, the council implement awareness campaigns via banners, advertisements and pamphlets. The secretariat of Women Development, Family and Health also plays a role in doing campaign works on covering *aurah*. Such actions illustrate Kelantan as a charitable state.

Starting with the law-making exercises, today we can see the difference. The Malay females are better in choosing their style of clothing. All billboards are now graced with only properly covered female Muslims.

Since then, the influences of the rules on the women's outfits can be seen. They appear to be more decent in their dress. The billboards only display women whose *aurah* are covered. According to the Chairman of Government Supporters Club of Kelantan (BBC), Ustaz Abdullah Ya'kob, "This the actual concept of welfare in Islam. When the women are given their rights and being taken care based on religion, the social issues can be prevented".

The charitable principle since 1990

On the issue of the charitable state, the Chairman of Economic Planning, Finance and Welfare Committee, Dato' Husam Musa stated that the principle of welfare has been employed in Kelantan since 1990.

"It is more than just being a welfare state because it involves sensitivity, caring and sharing. A charitable state political leader should be able to listen to their people's problems; he is approachable without protocol."

"Tuan Guru Nik Abdul Aziz has 'no gate no guard' policy at home. He offers advices and *tazkirah*, which include actions to be taken in dealing with financial management as well as in helping the poor and needy," Dato' Husam added.

There are so much to mention about the programmes that may reflect Kelantan as a real charitable state. For almost 21 years under the Ulama' leadership, one cannot describe the gratitude of being a Kelantanese. Undoubtedly, Kelantan is genuinely a charitable state.

SYNOPSIS

Kelantan is a blessed state in which the government takes responsibility on the welfare of the people. It is also a state governed by the leaders with integrity and *imaan*. The Chief Minister is confident in implementing the Islamic rules since back then and as such, the positive outcomes are witnessed today. For almost 21 years, Kelantan remains prosper and grateful with the blessings.

Konsep Negara Berkeadilan dalam ISLAM

Oleh Borhanuddin Ahmad dan Muhammad Yusri Amin

“Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi”. (Surah Al-'Araf: 96)

Islam diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW membicarakan soal iman dan amal. Iman merupakan aqidah (kepercayaan) iaitu asas tertegak syariat Islamiyah. Lantas keimanan ada aqidah. Amal pula merupakan syariat bagi segala cabang dan rantingnya sebagai ledakan kemantapan iman seseorang.

Iman, amal, aqidah dan syariat kesemuanya berkait rapat di antara satu sama lain. Al-Quran seringkali berbicara tentang kepentingan iman, syariat dan amal. Bahkan, Islam agama yang lengkap menjamin kerahmatan buat seluruh alam melangkaui sempadan bangsa, agama dan warna kulit.

Keadilan yang mendasari setiap pemerintahan Islam adalah terjamin kerana Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Adil. Al-Quran seringkali memperkatakan tentang iman, syariat, amal, para anbiya' dan Rasul-Nya.

Sifat Berkeadilan juga merupakan sifat Allah Yang Maha Kuasa. Nama Allah SWT iaitu Ar-Rahman (Pemurah) dan Ar-Rahim (Penyayang) menunjukkan bagaimana Allah Yang Maha Kuasa menunjukkan contoh terulung dalam konsep berkeadilan.

Namun, kefahaman negara berkeadilan hari ini tidak mudah difahami kerana masyarakat terperangkap dengan pemikiran yang divedok dari Barat. Justeru dilema pemikiran mengagungkan Barat perlu dibebaskan. Inilah sebenarnya peperangan minda (ghazwul fikri) dalam aspek beriman kepada perkara ghaib.

Konsep Berkeadilan

Konsep menunjuk kategori atau kelas daripada suatu entiti. Konsep bererti suatu gagasan relatif sempurna dan bermakna. Negara pula merujuk kepada suatu daerah atau wilayah di mana terdapat pemerintahan

yang mengatur termasuk ekonomi, politik, sosial, budaya, pertahanan dan keamanan. Di dalam suatu negara minimal terdapat unsur-unsur negara seperti rakyat, wilayah, pemerintah yang berdaulat serta diakui negara lain.

Menurut sarjana Indonesia, Galang Setyandi Pradipto Al-Ayyubi Hadiningrat, syarat terbentuknya negara harus melengkapi empat syarat tersebut. Negara pastinya memiliki rakyat. Ini jelas tanpa rakyat, maka negara berkenaan tiada tujuan yang jelas. Negara pula mesti memiliki pemerintahan yang berdaulat.

Menurut Roger F. Soltau, negara adalah alat atau wewenang yang mengatur atau mengendalikan persoalan bersama atas nama masyarakat. Manakala Georg Jellinek pula berpendapat negara merupakan organisasi kekuasaan dari kelompok manusia yang telah berdiam di suatu wilayah tertentu. Prof R Djokosoetono berpendapat, negara merupakan suatu organisasi manusia atau kumpulan manusia yang berada di bawah suatu pemerintahan yang sama.

Manakala berkeadilan pula membawa erti berimannya seseorang kepada Allah SWT, hari akhirat, malaikat, Kitab-kitab dan nabi-nabi. Masyarakat mengenali keadilan apabila mereka menderma harta yang disayangi. Sedangkan dalam Islam keadilan termasuk memerdekakan hamba abdi, menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan janji dan bersabar. Mereka daripada golongan beriman dan membuat keadilan serta muttaqin (Surah Al-Baqarah:177).

Rasulullah SAW pernah ditanya tentang erti keadilan dan dosa, lalu baginda menjawab, **“keadilan itu budi pekerti yang indah manakala dosa pula perbuatan menyesatkan manusia. Berkeadilan bererti mengangkat nilai-nilai leluhur kehidupan. Dan keadilan merangkumi keadilan sosial, emosi, budaya dan kemasyarakatan”.**

Menurut Kitab Bahr Al-Mazi, keadilan ialah baiknya peragai, manakala dosa bermaksud

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

apa yang dirasakan tidak sedap dalam hati, bahkan benci melihatnya. Berkeadilan dalam Daulah Islam bererti bertanggungjawab ke atas keselamatan, kesihatan dan pendidikan rakyat yang berkaitan pemeliharaan rakyat (Muttafaq 'alaih). Oleh itu, Islam agama yang mementingkan kedamaian orang lain, kemanusiaan, kesejahteraan, as-Sodaqah' dan 'ighaadah al-malhuf'.

Dalam surah Al-Hajj, ayat 77, Allah berfirman yang bermaksud: “Buatlah perkara baik, mudah-mudahan kamu akan memperoleh kejayaan.” Surah Al-Imran, ayat 115 pula yang bermaksud: “Dan apa juga keadilan yang mereka lakukan tidak akan dinafikan.”

Isu Negara Berkeadilan

Persoalannya, apakah Negara Berkeadilan itu sama dengan 'welfare state'? Jawapannya tidak sama seperti yang dijelaskan tentang konsep bernegara. Adalah menjadi isu yang dipolemikkan apabila timbul usaha menggantikan konsep Negara Berkeadilan dengan Negara Keadilan yang dicanangkan pemerintah sekular.

Sebenarnya konsep Negara Berkeadilan memberi penekanan terhadap pengagihan ekonomi yang adil kepada seluruh rakyat, di samping pemimpin negara itu berakhlak berbanding dengan Negara Keadilan. Dengan konsep Negara Berkeadilan, ia akan mendorong minat pelabur kerana keyakinan terhadap pengurusan ekonomi negara yang bebas rasuah, tidak ada salah guna kuasa serta berintegriti menurut Islam.

Bahkan cukai pungutan negara berdasarkan perkembangan semasa. Konsep Negara Berkeadilan mengambil kira kepentingan semua rakyat tanpa membezakan darjat dan kaum termasuk Melayu, Cina, India dan sebagainya. Negara Berkeadilan bukan menjadikan rakyat yang kaya bertambah kaya, rasuah berleluasa dan penindasan terhadap golongan miskin.

Negara Berkeadilan bererti kerajaan tidak mengamalkan rasuah atau penyelewengan kuasa serta kekayaan negara dikembalikan kepada rakyat. Bukan lagi dikaut untuk memperkayakan pemimpin, ahli keluarga dan kroni.

Keadilan era kegemilangan Islam

Kewujudan Baitul Mal menjadi 'dana berkeadilan' yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan masyarakat. Baitul Mal berperanan sebagai medium negara Islam dan ekonomi keadilan. Ahli ekonomi Islam Dia' al-Din Al-Rayes berkata, “pentadbiran Baitul Mal pada awal sejarah kerajaan Islam begitu menonjol kepentingannya biar pun kemasukan hasil negara tidak begitu banyak”.

Pemimpin Negara Berkeadilan saling mengukuhkan antara Muslim dengan bukan Muslim secara harmoni. Asas tindakannya tidak terkeluar dari garis panduan Al-Quran dan As-Sunnah. Interaktiviti baginda SAW dan sahabat adalah dalam suasana harmoni dan ini menjelaskan tujuan kehidupan bagi umat Islam berinteraksi adalah sebagai bekalan untuk akhirat.

Muslim beriman dan beramal soleh melakukan apa yang disuruh dan menahan apa yang ditegah oleh Allah SWT. Ini menggambarkan hubungan rapat pemerintahan dalam Negara Berkeadilan. Fungsi negara yang diperintah orang yang beriman dan beramal soleh ternyata mampu mewujudkan suasana kondusif.

Secara kolektifnya, semua pihak memainkan peranan dalam menyalurkan fikiran, perasaan dan kegiatan fizikal untuk menegak makruf dan mencegah mungkar. Bagi golongan mukminin, Nabi Muhammad SAW dijadikan panduan untuk mencapai kesempurnaan kehidupan di dunia dan akhirat.

Model Negara Berkeadilan

Negara Berkeadilan mahu membebaskan rakyat daripada belenggu riba dalam semua aktiviti ekonomi. Bahkan rakyat diajak bergiat dalam aktiviti ekonomi tanpa penipuan, tiada monopoli, tanpa rasuah, kronisme dan nepotisme. Selain itu menghapuskan jurang antara golongan kaya dengan golongan miskin. Pengagihan kekayaan adalah secara adil.

Di situ juga terbentuknya masyarakat seimbang, berakhlak mulia dan penyayang disamping menyemarakkan pembangunan insan secara menyeluruh. Penekanan juga diutamakan terhadap polisi pertahanan, dasar luar negara, kesihatan, pendidikan, wanita, belia, kebudayaan, pelancongan, kemudahan awam dan dasar penerangan.

Memacu pembangunan Islam dalam melaksanakan konsep Negara Berkeadilan, Kelantan sejak 21 tahun lalu membuktikan berjaya mencerna banyak program dan aktiviti bertasarkan kebajikan.

Malah, pasak dasar Membangun Bersama Islam di bawah kepimpinan ulama meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II pada Oktober 1993 menjadi kemuncak kepada aspek berkeadilan.

Ini kerana Islam mengajar pemerintah lebih cakna terhadap rakyat, tidak membazir, menjauhi rasuah dan menjaga khazanah negeri dengan saksama. Selain itu adanya peraturan di bawah Enakmen Kawalan Hiburan Negeri 1998 menjadi benteng bagi menghalau elemen-elemen yang boleh merosakkan maruah iman.

Pelbagai agenda telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi melestarikan hasrat negeri berkeadilan yang bakal menjadi pemangkin kecemerlangan rakyat tidak kira agama, bangsa dan fahaman politik. Di antara agenda yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri ialah:

-Skim Takaful Kifaalah warga emas (rakyat Kelantan berumur 60 tahun ke atas tanpa mengira jantina, keturunan, bangsa dan agama diberi sumbangan kepada wasi sebanyak RM1,500 apabila meninggal dunia).

-Dinar dan Dirham Kelantan (menggalakkan penggunaan mata wang Islam).

-Pembangunan Ladang Rakyat (meningkatkan sosio-ekonomi rakyat dan negeri melalui perancangan pembangunan tanah yang dilaksanakan dengan terkawal dan terancang).

-Mengasingkan akaun halal dan haram (melakukan pemindahan akaun simpanan tetap kerajaan daripada sistem perbankan riba kepada perbankan Islam).

-Al-Rahn (Pajak Gadai Islam / pinjaman secara Islam kepada kakitangan kerajaan).

-Tabung Amanah Tok Kenali (memacu program pembangunan insan, mengutamakan golongan dhaif dan membantu penduduk miskin).

-Tidak mengeluarkan lesen premis pusat hiburan.

-Pengawalan kedai gunting bagi mengelak-

kan wanita menggunting rambut lelaki dan sebaliknya.

-Kaunter pembayaran berasingan untuk lelaki dan wanita di pasar-pasar raya.

-Pengasingan tempat duduk wanita dan lelaki dalam majlis rasmi.

-Pusat rawatan An-Nisa' (bagi memastikan ibu-ibu bersalin dengan doktor perempuan dan kakitangan perempuan menyambut kelahiran bayi).

Maka tidak salah lagi jika Kelantan dinobatkan sebagai model Negeri Berkeadilan.

Perbezaan konsep kebajikan

Negara Berkeadilan adalah model bernegara sebagaimana yang diiktibarkan daripada Al-Quran dan As-Sunnah berasaskan *Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur* yang bermaksud Negara yang sejahtera dan mendapat keampunan Allah Yang Maha Pengampun.

Justeru, bingkai Negara Berkeadilan ialah *Ubuldiyyah* yang bermaksud pengabdian manusia kepada pencipta-Nya bagi mencapai kejayaan yang hakiki di dunia hingga akhirat. Berasaskan kerangka ini jelas Negara Berkeadilan diterajui kepimpinan yang amanah berpaksikan prinsip keadilan dan ihsan. Apa yang dimaksudkan dengan keadilan ialah apabila kepimpinan menyemarakkan budaya berlumba-lumba berbuat kebajikan dan saling bekerjasama ke arah kejayaan.

Sedangkan negara kebajikan (Welfare State) ialah negara di mana kerajaan mempunyai



Pusat Perubatan An-Nisa'



Ar-Rahn Wakaf Bharu



Ar-Rahn Kota Bharu



Kaunter pembayaran berasingan untuk lelaki dan wanita



Bank Islam cawangan Kota Bharu

tanggungjawab memberi bantuan lahiriah kepada rakyat. Kerajaan menyediakan perkhidmatan kebajikan bersifat luaran sahaja. Banyak negara terkenal dengan konsep kebajikan seperti Scandinavia, Denmark, Finland, Iceland, Sweden dan Norway. Selain itu, ada beberapa buah negara membelanjakan sejumlah pendapatan yang banyak untuk kebajikan rakyat antaranya Perancis, Jerman dan Belgium.

Oleh sebab itulah negara berkenaan mengenakan cukai yang tinggi untuk membiayai program kebajikan rakyat. Rakyat hanya dipastikan segala keperluan asas disediakan sehingga akhirnya melahirkan masyarakat yang sangat bergantung kepada kerajaan dan malas untuk bekerja.

Malah, dasar mengenakan cukai yang tinggi dilihat merampas hak pemilikan persendirian dan menggalakkan masyarakat menjadi kurang berdaya saing. Inilah kefahaman negara kebajikan yang jauh lebih sempit berbanding konsep Negara Berkeadilan. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Az-Zalzalah:7, yang bermaksud, "Sesiapa yang mengerjakan amal kebajikan (apa-apa kebaikan) walau seberat zarah sekalipun, nescaya dia akan dapat melihatnya."

Ciri-ciri Negara Berkeadilan

Al-Quran dan As-Sunnah memberikan gambaran yang jelas tentang kebajikan yang diterjemahkan daripada perkataan *al-bir* dan *al-khair*. Konsep kebajikan yang dijelaskan oleh Islam tidak terhad kepada pemberian wang ringgit dan sumbangan khidmat masyarakat semata-mata.

Apa yang lebih penting ialah pengagihan kek ekonomi kepada masyarakat secara saksama. Kaedah pembahagiannya menepati golongan sasaran. Pelaksanaannya mesti bersifat berkeadilan, beriman dan berakhlak.

Negara berkeadilan juga semestinya menganjurkan *amar makruf nahi mungkar*. Mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran hendaklah dibenam dalam setiap jiwa individu. Kesimpulannya sesebuah negara menjadi Negara Berkeadilan apabila pemimpin mempunyai ciri-ciri asas iaitu mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat makruf dan mencegah perbuatan mungkar, dan asas itu telah lama berakar umbi di bumi Serambi Mekah.



Pengasingan tempat duduk antara lelaki & wanita

Rujukan:

- Hadis Riwayat Bukhari
- Hadis-Hadis Politik, (1994) Negara Islam Berasaskan Hadis, Dewan Muslimat Sdn Bhd
- Negara Islam, (2003) Parti Islam SeMalaysia (PAS)
- Kelantan Menerajui Perubahan, (2007) Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan
- Galang Setyardi Pradipto Al-Ayyubi Hadiningrat Xx
- Ucapan Dasar Presiden PAS pada Mukhtar Tahunan PAS Ke-57
- Wikipedia, Indonesia
- Woodruff (1987)
- Kamus Dewan, DBP 1992
- Organisasi.Org Komunitas dan Perpustakaan Online Indonesia
- Aqidah Islamiyyah, (1994) Syed Sabiq, Pustaka Aman Press Sdn Bhd
- Konvensyen Malaysia Negara Berkeadilan, 10 September 2011, Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat
- Sistem Masyarakat Islam Dalam Al-Quran dan As-Sunnah, Dr Yusoff Al-Qardhawi



(904346 A)
TEAN SIONG SDN. BHD.
 Sabrina Court, Suite 8, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, Kelantan.
 Tel: 09-741 6999 Faks: 09-741 6990
 E-mel : teansiong@hotmail.com

100% SARANG BURUNG WALIT

TANPA BAHAN PENGAWET

TANPA BAHAN PELUNTUR

TANPA BAHAN PEWARNA



- Khidmat Pakar Perunding bagi Rumah Burung Walit
 - Jual - Beli Sarang Burung Walit
 - Menjual Peralatan Burung Walit
 - Menyediakan kursus pemprosesan Sarang Burung Walit
 - Penjualan Produk Sarang Burung Walit
 - Mengeksport Sarang Burung Walit ke Luar Negara
- | | |
|-------------|-------------|
| ✓ Hong Kong | ✓ Singapura |
| ✓ Taiwan | ✓ China |



Ar-Rahnu Agrobank



Menawarkan...

- Pembiayaan sehingga **70%*** dari nilai emas!!!
- Upah simpan serendah **RM0.50*** sebulan!
- Emas anda dijamin selamat



* Tertakluk kepada syarat dan peraturan. Semua maklumat tepat pada masa percetakan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.agrobank.com.my

Contact Centre:
1-300-88-2476



www.facebook.com/Agrobank



www.agrobank.com.my

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)



DASAR NEGERI BERKEBAJIKAN

Oleh Aslani M

AL-RAHMAN (Yang Maha Pemurah) dan Al-Rahim (Yang Maha Mengasihani). Tidakkah dua nama Allah itu dirujuk sebagai Yang Maha Berkebakjikan. Malah, mengikut prinsip *Maqasid Syariah*, Negara Berkebakjikan daripada perspektif Islam ialah membekalkan rakyat dengan keperluan asasi (dharudiah).

Asasnya lima perkara iaitu agama, nyawa, maruah, keturunan dan harta. Bertitik tolak dari situlah Negara Berkebakjikan dicetus kerana Islam menjamin rakyat selamat di dunia dan akhirat. Ini berbeza dengan negara kebajikan yang hanya membekalkan manusia dengan kebendaan. Sedangkan Islam juga menuntut dijaga agama, nyawa, maruah dan keturunan.

Sejarah Islam membuktikan pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah merupakan konsep Negara Berkebakjikan pertama dalam sejarah Islam. Baginda mengamalkan kebebasan agama seperti termaktub dalam Perlembagaan Madinah. Asas-asas itu kemudian dilebarkan di zaman pemerintahan Saidina Umar Al-Khattab di mana empayar Islam semakin terbentang

luas dengan mengutamakan aspek kebajikan rakyat.

Begitu juga zaman Khalifah Umar Abdul Aziz menggunakan pendekatan menegakkan *sunnah*, menghapus *bida'ah* dan mengagihkan kekayaan. Umar Abdul Aziz merangkumkan pendekatan Negara Berkebakjikan dan Negara Islam. Masyhurnya dengan kisah khalifah memikul guni gandum pada waktu malam. Umar Abdul Aziz berjalan malam untuk melihat kehidupan rakyat. Kisahnya sungguh mengujakan.

Sedangkan aspek kebajikan dalam tamadun Barat bermula pada tahun 1942 apabila Laporan William Beveridge diguna pakai sebagai dasar negara semasa pemerintahan Clement Attlee di United Kingdom.

Polisinya dikenali sebagai insurans sosial, di mana rakyat diberi perlindungan sosial. Rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan akan dibantu kerajaan. Warga emas pula diberi pencen bagi menyara kehidupan di hari tua.

Lima tuntutan asas kerajaan di bawah Parti Buruh ketika itu ialah menyelesaikan masalah perumahan, pendidikan, makanan, sosial dan perubatan. Di Amerika Syarikat pula, dasar kebajikan diterjemahkan dalam program keselamatan sosial. Sedangkan pendekatan berkebakjikan sudah ada dalam Islam sejak lebih 1,400 tahun lampau. Model Negara Islam Madinah menjadi asasnya.


Malah di Kelantan ia bermula sejak dekad ke-19 apabila dimasyhurkan dengan gelaran Serambi Mekah. Ada elemen berkebakjikan sehingga gelaran itu disinonimkan kepada Kelantan dan Aceh, Indonesia.

Ia berakar umbi dengan kegigihan ulama berdakwah, antaranya dalam susur-galur ulama zaman lampau yang terkenal di Kelantan iaitu Tok Pulai Condong. Beliau merupakan ulama Melayu terkemuka di Nusantara yang bertanggungjawab menyebarkan syiar Islam.

Nama sebenarnya ialah Abdul Samad Faqih dilahirkan pada tahun 1792 iaitu ketika pemerintahan Long Yunus (1762-1794). Beliau mendalami ilmu agama di Makkah. Sekembalinya dari Mekah pada tahun 1820, Tok Pulai Condong membuka Kampung Bilal Talib, Pulai Chondong. Beliau membina sebuah surau berhampiran sebatang pokok pulai di kampung itu.

Bermula dari situlah pelajar dari pelusuk nusantara antaranya Kampar, Sumatera, Kemboja, Patani, Terengganu dan negeri lain di Semenanjung berguru dengannya. Sumbangannya berjaya mengubah corak kehidupan masyarakat Kelantan ketika itu, daripada jahil kepada berilmu dan patuh terhadap perintah Allah.

Maka tidak hairanlah Kelantan dikenali ramai sebagai Serambi Mekah. Gelaran itu kekal sehingga ke hari ini. Malah, Kelantan di bawah kepimpinan ulama sejak tahun 1990 terus menjulang gelaran Serambi Mekah.



Elemen-elemen berkebakjikan yang pernah subur di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz kini mekar di Kelantan, bumi Serambi Mekah. Bukan sahaja agama yang dibajai, sebaliknya nyawa, maruah dan keturunan terus dipertahankan. Inilah dasar negeri berkebakjikan yang dipertahankan di Kelantan sehingga melewati 21 tahun.

"Ya Allah, jadikanlah Kelantan negeri beragama, tempat istirehat orang-orang miskin dan memerlukan. Jadikanlah baginya benteng yang kukuh, mempunyai kehormatan, kekuatan dan kedaulatan".

(Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat).

AGENDA-AGENDA KERAJAAN NEGERI KE ARAH MEREALISASIKAN NEGERI BERKEBAJIKAN

Oleh Aslani M

Bagi melihat dengan lebih dekat aspek berkebijakan dari aspek fizikal yang kini semakin subur di Kelantan, dipaparkan sebagaimana di bawah:

1. Tabung Serambi Mekah

Latar belakang

- Lebih dikenali sebagai Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim. Mula ditubuh secara rasmi pada Februari 1991 di bawah Seksyen 9(1) dan 9(3) Akta Acara Kewangan 1957 (1972). Pada 21 Ramadhan 1411H (6 April 1991) majlis pelancarannya diadakan di Balai Islam, Lundang disempurnakan oleh Menteri Besar Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Matlamat

- Membangunkan individu dan orang ramai khususnya golongan miskin lagi daif, penduduk ditimpa malapetaka, bencana alam, penyakit kronik dan lain-lain tanpa mengira agama, kaum dan ideologi politik. Selain itu bagi menampung kos pembinaan projek sosio-ekonomi untuk faedah rakyat.

Objektif Penubuhan

- Membantu golongan miskin yang daif seperti membaiki rumah orang tua, daif, miskin dan uzur.
- Membantu menampung pelaksanaan projek-projek yang rosak akibat bencana alam seperti hakisan pantai, hakisan tebing sungai, kebakaran, banjir dan lain-lain.

2. Skim Takaful Kifaalah Warga Emas

Latar belakang

- Ia dilancarkan pada 7 Feb 2007 oleh Menteri Besar. Skim ini dikendalikan oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) melalui anak syarikat iaitu Kifaalah Sdn Bhd.
- Merupakan manifestasi keprihatinan kerajaan negeri yang diterjemahkan menerusi Bajet Sejahtera 2007.
- Mendapat kerjasama syarikat Takaful Malaysia Berhad. Kerajaan negeri memperuntuk sebanyak RM3 juta pada peringkat awal bagi memberi perlindungan kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas.
- Merupakan skim khairat kematian, di mana warga emas yang meninggal dunia menerima manfaat sebanyak RM1,500. Wasi menerima manfaat sebanyak RM500 daripada jumlah itu pada hari kematian.
- Pembayaran pertama dilakukan pada 29 Mac 2007, di mana seramai 366 wasi menerima manfaat skim ini. (Sila rujuk artikel di muka surat 68-70 dan 76-79 untuk maklumat lanjut).

3. Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn)

Latar belakang

- Mengambil kira keperluan kredit jangka pendek yang mendesak menyebabkan penduduk miskin memilih pajak gadai konvensional bagi mendapat wang segera. Sistem digunakan berteraskan riba. Namun, Kelantan di bawah pimpinan ulama mahu membebaskan rakyat dari belenggu riba. Maka pada tahun 1992, lahirlah Ar-Rahn yang pertama seumpamanya di Malaysia. Bermula dari situ, Ar-Rahn kini mempunyai cawangan di seluruh negara.

Pengurusan

- Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melalui anak syarikatnya, Permodalan Kelantan Berhad (PKB) mewujudkan Ar-Rahn sebagai institusi gadaian Islam terawal di Malaysia dalam memenuhi tuntutan syarak.

Keistimewaan Ar-Rahn

-Sistem yang mematuhi syariat Islam
-Melepaskan umat Islam daripada dosa riba
-Hutang tanpa faedah
-Kadar upah simpan barang yang amat berpatutan
-Penggadai dimaklumkan sebelum gadaian dilelong
-Penggadai diberi jaminan mendapat kembali wang lebihan selepas ditolak hutang, upah dan kos lelongan.

Cawangan

- | | |
|----------------|-------------------|
| 1. Kota Bharu | 10. Tanah Merah |
| 2. Pasir Mas | 11. Kuala Lumpur |
| 3. Tumpat | 12. Kajang |
| 4. Bachok | 13. Bentong |
| 5. Pasir Puteh | 14. Raub |
| 6. Machang | 15. Kuantan |
| 7. Kuala Krai | 16. Alor Setar |
| 8. Gua Musang | 17. Sungai Petani |
| 9. Jeli | 18. Kangar |



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

4. Tabung Amanah Tok Kenali

Latar belakang

- Tabung Amanah Tok Kenali (TATOK) ditubuh dan dipersetujui kerajaan negeri melalui kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan. Mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 1992 menerusi Enakmen No. 8 tahun 1992.

Matlamat

- Membolehkan kerajaan negeri menabung sejumlah wang tidak kurang daripada 10% wang pampasan diterima di bawah perjanjian di antara kerajaan negeri dan Tenaga Nasional Berhad berkaitan projek Hidroelektrik Pergau, Jeli.
- Penggunaan wang bagi melaksanakan program pembangunan insan yang dimanfaatkan rakyat.

Objektif

- Menjalankan program dan projek pembangunan Islam bagi meningkatkan syiar Islam dan melahirkan insan yang bertakwa selaras Dasar Membangun Bersama Islam.
- Membantu dan menolong rakyat yang cemerlang dalam pendidikan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah atau lebih tinggi di IPTA/IPTS dalam dan luar negeri.
- Memberi bantuan untuk meningkatkan taraf pendidikan sekolah-sekolah agama di Kelantan.

Program

- Pentadbiran, perkhidmatan dan pengurusan
- Pembangunan penyelidikan
- Program kebajikan
- Program pembangunan komuniti dan khidmat masyarakat
- Program bina ummah



5. Kerja lima hari seminggu

Latar belakang

- Kelantan negeri pertama di negara ini memperkenalkan pelaksanaan bekerja lima hari seminggu bermula pada 1 Januari 1996.
- Harapan Menteri Besar ialah cuti hari Jumaat diisi dengan menghadiri majlis-majlis ilmu agama yang banyak terdapat di Kelantan. Manakala cuti hari Sabtu pula dimanfaatkan untuk bersama keluarga dan menziarahi ibu-bapa dan melaksanakan tugas rutin lain di rumah.

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Falsafah

- Cuti sehari setengah yang diamalkan sejak sekian lama disifatkan Tuan Guru Nik Abdul Aziz tidak memadai. Ini dilihat kepada prestasi kakitangan awam agak merosot kerana banyak urusan keluarga tidak selesai. Lagi pun hari bekerja separuh hari tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan banyak urusan kerajaan tergendala.

Halangan

- Pada peringkat awal pelaksanaan mendapat kritikan hebat daripada pemimpin kerajaan Pusat. Bagaimanapun beberapa tahun kemudian, kerajaan Pusat melaksanakan cuti dua hari pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan selepas melihat kejayaan pelaksanaan cuti dua hari di Kelantan. Tidak lama selepas itu kerajaan Pusat mengumumkan cuti dua hari seminggu seperti diamalkan di Serambi Mekah. (Ternyata idea dicetus kepimpinan ulama ditiru bulat-bulat kerajaan Persekutuan).

6. Pekerja wanita Islam menutup aurat

- Bermula pada akhir tahun 1990 peraturan baru diperkenalkan kerajaan Kelantan melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu arahan menutup aurat bagi pekerja wanita Islam dan berpakaian sopan bagi wanita bukan Islam.
- Peraturan tersebut selaras dengan Undang-undang Kecil Trade Perniagaan MPKB-BRI 1986 (pindaan 2002). Pelanggaran peraturan tersebut membolehkan PBT mengenakan kompaun sehingga RM500 atau tidak menyambung lesen premis perniagaan.
- Antara pelanggarannya termasuk tidak memakai tudung, memakai kemeja-T berlengan pendek dan ketat serta berseluar panjang ketat. Bagaimanapun PBT di Kelantan memilih kaedah menasihati terlebih dahulu dan mengadakan kursus-kursus kesedaran terhadap tuntutan agama, sebelum tindakan saman dikenakan.

Kesan

- Bermula dari situ pekerja-pekerja wanita di pasar raya-pasar raya di Kelantan mulai menutup aurat dan tidak lagi mendedah sebahagian anggota tubuh seperti sebelumnya. Tiada lagi pekerja wanita Islam yang berpakaian terbelah di sana-sini.
- Malah peraturan juga dikuatkuasakan bagi iklan komersial yang memaparkan gambar wanita.



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

7. Tutup premis judi

Latar belakang

- Berlainan ketika berada di bumi Cik Siti Wan Kembang apabila tidak kelihatan premis-premis perjudian termasuk Sport Toto, Loteri dan Magnum seperti terdapat di bandar-bandar lain di luar Kelantan.
- Premis perjudian yang pernah diberi kebenaran oleh kerajaan Barisan Nasional tidak lagi dikeluarkan lesen bermula pada tahun 1991.
- Tidak lagi lelaki Melayu dan bukan Melayu beratur di kaunter Sport Toto seperti di negeri lain untuk membeli tiket judi.
- Peraturan baru itu turut disokong masyarakat bukan Islam. Pernah seorang wanita Cina memberitahu Menteri Besar, rumahtangganya aman kerana suami tidak lagi berjudi seperti kelazimannya.

Halangan

- Bagaimanapun peraturan yang diperkenalkan di Kelantan tidak disenangi pemimpin MCA apabila membawa kes tersebut ke mahkamah.
- Selain itu kerajaan negeri juga mengawal premis penjualan arak dengan mengenakan kuota tertentu berdasar keperluan masyarakat bukan Islam sahaja.

8. Cuti bersalin 60 hari

- Kelantan negeri pertama memperkenalkan cuti bersalin 60 hari bagi membolehkan kakitangan wanita mendapat rehat sepenuhnya selepas melahirkan anak.
- Peraturan itu dikuatkuasa pada awal 1990-an, biar pun negeri lain masih lagi mengamalkan cuti bersalin 42 hari.
- Bagaimanapun cuti bersalin dua bulan akhirnya ditiru kerajaan Pusat apabila turut mencontohi model yang dilaksanakan di Kelantan.
- Kerajaan negeri juga memberi kelepasan cuti seminggu kepada kakitangan lelaki bagi menjaga isteri bersalin.
- Kelantan juga masih mengkaji cuti *iddah* bagi kakitangan wanita yang kematian suami.

9. Peraturan rumah tiga bilik

Latar belakang

- Kerajaan negeri mewajibkan peraturan rumah tiga bilik bagi setiap projek perumahan yang dibina selepas tahun 1990.
- Mana-mana pemaju yang gagal mengikut syarat ditetapkan, tidak mendapat kelulusan pelan oleh pihak berkuasa tempatan.
- Peraturan itu diperkenalkan bagi memberi keselesaan



kepada keluarga yang mempunyai bilangan anak ramai. Anak-anak perempuan dan anak lelaki diasingkan di bilik berlainan.

Objektif

- Menyediakan rumah kos rendah yang selesa dengan tiga bilik untuk golongan fakir dan miskin.

10. Rumah Dhu'afat

- Kerajaan negeri juga memperkenalkan rumah Dhu'afat mulai tahun 2007, di mana sebanyak 90 buah dibina untuk orang miskin di seluruh negeri setahun.
- Sebanyak RM2.6 juta disediakan bagi menjayakan program berkenaan. Kos setiap rumah sekitar RM28,000.

11. Gerbang Az-Ziwaaj

- Perkahwinan boleh menyelesaikan banyak isu sosial, terutama jenayah seks dan kelahiran anak luar nikah.
- Oleh itu, mulai tahun ini skim Gerbang Az-Ziwaaj disediakan bagi membantu pasangan kurang mampu melangsungkan perkahwinan. Bagi tahun hadapan sebanyak RM1.5 juta lagi diperuntukkan bagi menjayakan program berkenaan.
- Setiap pasangan diberi sumbangan sebanyak RM1,000 bagi menyediakan wang hantaran.

12. Skim Al-It'aam

- Memenuhi keperluan pemakanan menjadi satu beban bagi keluarga miskin dan fakir dengan bilangan anggota keluarga besar. Bagi memenuhi kewajipan itu kerajaan negeri mengambil langkah memberi bantuan beras percuma kepada penduduk dhaif dan miskin.
- Peruntukan sebanyak RM1.5 juta disediakan pada bajet tahun lepas.
- Program bantuan beras percuma dimulakan pada Februari 2011. Seramai 100 keluarga miskin dipilih daripada setiap kawasan DUN pada peringkat awal.
- Kemudian mulai Julai 2011 ditambah menjadi 180 orang di setiap DUN. Setiap penerima mendapat 10kg beras gred *super* tempatan. Penduduk miskin diambil daripada senarai eTegar yang dilaksanakan kerajaan negeri melalui bncian Pejabat Tanah Jajahan.



13. Program Ladang Rakyat

- Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan diwujudkan bermatlamat serampang tiga mata iaitu:

- Membasmi kemiskinan
- Meningkatkan ekonomi negeri
- Menyelesaikan masalah teroka haram di tanah kerajaan

- Perbadanan membangunkan ladang-ladang kelapa sawit dan pendapatan yang dijana disalurkan terus kepada rakyat.
- Pemilihan peserta daripada kalangan mereka yang berpendapatan kurang daripada RM530 sebulan.
- Sehingga kini seramai 4,800 rakyat miskin termasuk 248 penduduk Orang Asli menerima dividen sebanyak RM200 sebulan. Sebanyak RM40 juta dibayar kepada penerima berkenaan sehingga akhir tahun 2010.

14. Jihad Ternak

Peserta

Sejumlah RM2.55 juta diperuntukkan untuk program penternakan kambing baka Jamnapari.

Di bawah program Jihad Ternak seramai 225 peserta dari seluruh Kelantan dipilih. Ia berkonsep mentor dan mentee. Setiap mentor menjaga lima mentee.

Objektif

Input lain yang diberi:

- Melaksanakan sunnah Junjungan Rasul SAW.
- Meningkatkan pendapatan rakyat terutama golongan sasaran iaitu belia menganggur, armalah, fakir miskin dan penternak kecil-kecilan.
- Meningkatkan pengeluaran susu dan daging untuk keperluan pasaran tempatan.

- Baka – 5 ekor kambing betina bunting jenis Jamnapari
- Kandang
- Benih rumput dan kacang
- Latihan dan motivasi
- Wang tunai RM500

15. Dinar Emas

- Kelantan Golden Trade (salah satu anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan) ditubuhkan bagi mengembalikan kegemilangan penggunaan mata wang emas Dinar dan perak Dirham. Ia mula dilancarkan pada 12 Ogos 2010.

Latar belakang

- Kerajaan Negeri melalui Permodalan Kelantan Berhad melancarkan Emas Dinar Kelantan (EDK) pada 20 September 2006.
- Sehingga April 2007 penjualan EDK telah hampir mencapai RM800,000 dengan jumlah unit terjual sebanyak 3,050 unit.
- Emas Dinar Kelantan dikeluarkan dalam tiga saiz iaitu:

- 4.25gram (satu Dinar)
- 2.12 gram (setengah Dinar)
- 1.06 gram (suku Dinar)

**Ketulenan emasnya adalah 91.7 peratus.

Objektif

- Sebagai pelaburan dalam bentuk simpanan nilai yang selamat daripada kesan inflasi dan riba.



16. Baitul Taubah

- Pusat pemulihan penagihan dadah dan akhlak berasaskan kaedah pemulihan Islam di Selising, Pasir Puteh.
- Program pemulihan berpandukan kaifiat-kaifiat yang mustajab memabitkan pemulihan rohani dan spiritual Islam.
- Amalan-amalan dalam program inabah antaranya solat, mandi malam dan zikir. Solat adalah teras program dan diselia rapi termasuk amalan solat sunat.
- Mandi malam sebagai simbolik kepada tujuan menyucikan tubuh serta jiwa bagi mengadap Allah. Ia juga dinamakan sebagai mandi taubat.
- Bekas Pusat Pemulihan Dadah Kebangsaan (Pusat Serenti) Agensi Dadah Kebangsaan di Jeram Pasu di Pasir Puteh kini dijadikan tapak Baitul Taubah.



17. Tabung Belia Niaga dan Siswazah Tani

- Pada belanjawan 2007 peruntukan sebanyak RM1.7 juta disediakan bagi membantu belia dan siswazah berdikari.
- Modal yang digunakan berbentuk modal teroka.
- Kerajaan Kelantan memberi bantuan modal antara RM1,000 sehingga maksimum RM50,000.
- Kerajaan negeri mengenalpasti sektor-sektor yang berdaya maju seperti perniagaan, pertanian, penterakan dan *aquaculture*.

Objektif

- Melahirkan golongan muda yang mampu berdikari.

18. Baja Subsidi

- Pada tahun 2012 kerajaan memperuntukkan RM2 juta bagi penyediaan subsidi baja padi kepada petani.
- Selain itu sejumlah RM2.3 juta diperuntuk bagi menyediakan prasarana pertanian.
- Program pembangunan tanah terbiar diberi penekanan utama untuk memulihkan tanah-tanah terbiar di seluruh Kelantan dengan tanaman padi, tembikai, sayur-sayuran, buah-buahan dan kelapa.
- Sejak 2005 hingga 2010 kawasan seluas 2,137 hektar tanah terbiar dipulihkan meliputi 679 hektar ditanam padi dan 1,458 hektar tanaman lain.
- Bagi tahun 2010 seluas 417 hektar lagi dipulihkan iaitu 159 hektar (padi) dan 338 hektar tanaman lain. Bagi tahun 2011 pula seluas 700 hektar lagi tanah terbiar dipulihkan.
- Pada tahun 2010 pengeluaran padi di Kelantan dianggarkan sebanyak 350,000 metrik tan yang mencapai tahap sara diri 121 peratus.

19. Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK)

- PPWK ditubuhkan di semua DUN pada pertengahan tahun 2007. Tujuannya untuk menyediakan bengkel kemahiran jahitan mengikut sukatan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) selaras dengan program Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan.

Objektif

- Memberi latihan kemahiran jahitan kepada golongan sasaran iaitu beliawanis, armalah dan surirumah di kalangan penduduk miskin.
- Setiap tahun diadakan majlis graduasi dengan memberi anugerah kepada pelatih yang berjaya.
- Sehingga kini ramai bekas pelatih PPWK berjaya membuka kedai jahit sendiri.



20. Kemudahan paip sambungan

- Peruntukan khas sebanyak RM4 juta disediakan tahun 2012 bagi memasang paip sambungan dari saluran utama di kampung-kampung bagi membekal air bersih.
- Selain itu loji-loji baru masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada awal tahun hadapan dan akan meningkatkan kapasiti pengeluaran bekalan air di seluruh negeri.
- Isu bekalan air bukan hanya berlaku di Kelantan semata-mata, sebaliknya ia masalah global. Bekalan air merupakan tanggung jawab sosial yang memerlukan kos yang tinggi.
- Kelantan diberi kemudahan pinjaman mudah yang lewat oleh kerajaan Pusat berbanding negeri-negeri lain sehingga berlaku masalah tekanan rendah di beberapa tempat.

21. Bantuan Armalah dan Anak Yatim

- Pada 2007 kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM4 juta iaitu RM2 juta untuk armalah dan RM2 juta (anak yatim).
- Golongan armalah diberikan bantuan dalam bentuk *one-off* atau projek sosio-ekonomi.
- Lazimnya bantuan ini disampaikan pada bulan Ramadhan iaitu menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.
- Manakala Bantuan Orang Kelainan Upaya (OKU) meliputi:
 - a) Cacat anggota asal atau kemalangan
 - b) *Down syndrome*
 - c) Kusta
 - d) *Stroke* hingga hilang upaya mencari nafkah.
- Bantuan meliputi kos perubatan untuk rekahan bibir dan lelangit, bantuan tunai *one-off*, kerusi roda, motosikal roda tiga, kaki palsu, bantuan pelajaran bagi anak cacat yang berjaya dan lain-lain.

* info:

ASAS NEGARA BERKEBAJIKAN

1. Kerajaan beramanah, adil dan bersih.
2. Masyarakat penyayang, aman & bersatu.
3. Ekonomi mampan, seimbang & saksama.
4. Pendidikan berkualiti, berdaya saing dan boleh capai.
5. Perkhidmatan kesihatan cekap, berkualiti dan boleh capai.
6. Kebajikan langsung, menyeluruh dan mesra rakyat.
7. Keluarga harmoni, bahagia dan bermoral.
8. Belia, pekerja produktif, berdaya saing dan terbela.
9. Kemudahan prasarana berkualiti, cekap dan bertaraf dunia.
10. Alam sekitar segar, terpelihara dan lestari.

AnF

Holidays

SDN. BHD (SSM[™]633509U)
KPL / LN. 3937

HOTLINE: 019-919 4404 09-748 8600

No. 5515D, Tingkat 1, Wakaf Siku, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim, Malaysia
Tel: +609-748 8600 | Fax: +609 748 9600 | E-mail: anf@streamyx.com, anf.holidays@yahoo.com
Web: www.anfholidays.com.my | Blog: http://anf.kotabharu.blogspot.com, http://pakejmelancong.com

facebook ANF HOLIDAYS SDN BHD



Special Promotion!

UMRAH & ZIARAH 2012

HOTEL RESERVATION
AMIRA HOTEL
MECCA (250 - 350M)
RM150.00 /BILIK
(DOUBLE/TRIPLE/QUAD)

**UMRAH
PACKAGE**
DARI
RM4,590.00

OTHER SERVICES

- MEETING & SEMINAR (MICE)
- TRANSPORTATION
- VISA SERVICES
- HOTEL RESERVATION



20 seat

AnF Holidays
also provide
**BUS FOR
RENTAL**



40 seat

GROUND

BEIJING: RATES FROM
RM155.00/PAX

TIANJIN BEIJING: RATES FROM
RM185.00/PAX

HO CHI MINH CITY: RATES FROM
RM501.00/PAX

PACKAGE

PHUKET: RATES FROM
RM690.00/PAX

BEIJING: RATES FROM
RM2,990.00/PAX

HO CHI MINH - CU CHI TUNNEL: RATES FROM
RM1,490.00/PAX

JAKARTA - BANDUNG: RATES FROM
RM1,009.00/PAX

GHUANGZHOU: RATES FROM
RM2,300.00/PAX

KUNMING - LIJIANG - DALI: RATES FROM
RM3,650.00/PAX

DOMESTIC
MALAYSIA AIRLINES
AIR ASIA
FIREFLY

TICKETING

INTERNATIONAL From **KUALA LUMPUR**
EUROPE rates from RM 1,580.00 (Kuwait Airways)
SAIGON rates from RM 107.00 (Vietnam Airlines)
CHINA rates from RM 450.00 (China Airlines)
JAKARTA rates from RM 219.00 (Malaysia Airlines)
MEDAN rates from RM 11.00 (Malaysia Airlines)
JAPAN rates from RM 375.00 (Malaysia Airlines)
KOREA rates from RM 455.00 (Malaysia Airlines)

Vietnam

China

Taiwan

Bandung

Korea

USTAZ MAT

MENJIWAI KESUSAHAN RAKYAT

Perwatakannya cukup sederhana, tidak ada protokol yang menjadi penghalang biar pun mempunyai kedudukan tinggi dalam kerajaan. Jauh sekali mahu menggunakan kedudukan bagi mengubah kehidupan keluarga.

Rumahnya masih lama, cuma dibesarkan sedikit sepadan dengan bilangan anak seramai 12 orang. Tiada halaman luas atau lengkap dengan deretan pokok bunga dan palma. Rumah jenis kayu dikedirikan begitu. Di satu penjuru disediakan ruang yang agak luas lengkap dengan kerusi membolehkan tetamu bersantai. Di ruang itu juga ada disediakan

tea pot dan bekas memuatkan pelbagai pek perasa minuman segera.

"Pek perisa itu dibeli penghulu dan ditinggalkan di situ. Terdapat bermacam-macam jenis perasa minuman. Nescafe, kopi, milo, teh dan macam-macam ramuan segera disediakan mereka. Tetamu yang datang boleh memilih sendiri pek yang mereka suka," kata Dato' Haji Ahmad Yakob.

Bagi orang lain, kedudukan sebagai orang nombor dua dalam pentadbiran kerajaan, tentunya ramai pembantu rumah disediakan. Maklumlah posisi sebagai Timbalan Menteri Besar. Namun berlainan dengan Dato' Ahmad, kedatangan tetamu dilayannya sendiri.

Inilah kelebihan yang ada padanya yang lebih mesra dengan panggilan Ustaz Mat. Kedudukannya sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan tidak merubah kehidupan lamanya. Rumahnya terletak di Alor Pasir, tidak jauh dari stesen kereta api Wakaf Bharu, Tumpat. Berdekatan rumahnya ada sebuah masjid mukim. Kadang-kadang beliau menjadi imam di masjid tersebut.

Bagi penduduk tempatan yang sudah biasa dengan Ustaz Mat, tidak hairan lagi apabila Timbalan Menteri Besar itu memandu sendiri kereta ketika bertemu rakyat. Bukan lagi perkara asing apabila Ustaz Mat memandu Pajero ABX 6900 jenis lama keluar masuk kampung.

Kesibukan antara tugas Timbalan Menteri Besar, wakil rakyat dan bapa menyebabkan masa lapangnya menjadi sempit. Dalam banyak keadaan kebelakangan ini beliau sering diminta menggantikan Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat menghadiri sesuatu program atau mesyuarat ekoran daripada keadaan kesihatan Tok Guru yang agak kurang menentu.

Maka tidak hairanlah temujanji dengan wakil QIADAH sentiasa berubah. Namun pada 24 Zulkaedah lalu kami terpaksa mencuri sedikit masa menemubualnya ketika Ustaz Mat menghadiri program Cakna Rakyat di Kem Latihan Kok Keli, Tumpat.

Kehadiran orang ramai dengan kenderaan berderetan di kiri kanan jalan sepanjang kem tersebut sudah mampu menggambarkan siapa Ustaz Mat di hati rakyat. Seawal jam 9 pagi program sudah bermula. Kehadiran ramai penduduk membuatkan Ustaz Mat, isteri, Datin Siti Zabidah Abdul Hamid dan petugas Majlis Tindakan DUN (MTD) Pasir Pekan seperti tidak menang tangan.

Kadang-kadang Ustaz Mat bertindak sebagai pengerusi majlis, mengumumkan sesuatu kepada orang ramai yang hadir.

"Saya hendak umumkan, orang ramai yang hadir pada majlis ini boleh mendaftar di kaunter Tabung Haji untuk membuka akaun. Tuan puan hanya perlu pergi ke kaunter Tabung Haji dan duit deposit pendaftaran saya akan tanggung," ujarnya. Tiba-tiba meluru orang ramai ke tempat pembesar suara selepas beliau berucap merasmikan program berkenaan.

Begitulah aksinya. Senyuman menguntum tidak lekang dari bibirnya. Melayan ribuan rakyat yang hadir bersama anak-anak kecil bukan perkara mudah. Semuanya itu menggambarkan Ustaz Mat seorang pemimpin dalam sebuah negeri berkebajikan.

Dasar Berkebajikan

Bercakap mengenai konsep negeri berkebajikan bagi Ustaz Mat berlainan berbanding dengan negeri kebajikan. Ini kerana kata beliau kebajikan lebih pentingkan "development state".

"Sebagai salah seorang anggota pentadbiran kerajaan negeri, saya dan rakan-rakan merancang program berkebajikan yang berkonsep kesinambungan dunia sehingga akhirat," katanya memulakan hujah bagi mentafsirkan konsep negara berkebajikan.

Mengikut pandangan Islam, berkebajikan meliputi dua unsur iaitu keilmuan dan arahan. Contohnya semasa Nabi Adam dan Hawa berada dalam syurga, ada arahan daripada Allah SWT supaya mereka menjauhi pokok khuldi.

Menghuraikan lanjut kata Ustaz Mat, apabila ilmu tidak dipatuhi Nabi Adam dan Hawa mendekati juga pokok khuldi, lantas Allah SWT mengarahkan mereka dikeluarkan daripada syurga.

Kesibukan golongan muslimat menyediakan makanan di ruang khas di tempat temubual hari itu tidak menghalang Ustaz Mat terus melontar pandangan. Suasana agak hingar. Suara dari pembesar suara juga menerjah masuk.



"Kebajikan juga membawa maksud mencegah umat Islam daripada perkara-perkara mungkar. Pembalasan apabila melaksanakan program berkebajikan ialah ganjaran syurga di akhirat kelak.

"Dalam konteks berkebajikan, kerajaan tidak boleh mengenakan cukai yang tinggi sehingga membebankan rakyat. Cukai tinggi menyebabkan berlaku kenaikan kos hidup".

"Kerajaan juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas yang sempurna kepada rakyat. Sebab itulah dalam Islam, berkebajikan meliputi dua persoalan pokok iaitu unsur keimanan dan kemudahan fizikal," bicaranya lagi.



Malah katanya negara berkebajikan bukan sekadar "Welfare State", namun merangkumi konsep yang lebih luas. Misalnya dalam pembinaan masjid kerajaan negeri turut melibatkan rakyat bagi membolehkan mereka menanam saham untuk turut membinanya.

Baginya berkebajikan pertama yang dijelmakan oleh kerajaan negeri selepas menang pada Pilihan Raya Umum 1990 iaitu memindahkan wang kepada Bank Islam. Begitu juga dengan kewujudan Tabung Serambi Mekah berjaya mendidik masyarakat untuk sama-sama menderma bagi membantu rakyat yang ditimpa kesusahan.



Oleh M Faqih
Foto Ahmad Nai'me Muhammad



"Semangat menderma terus subur. Ramai korporat anak Kelantan menjadi penyumbang tetap Tabung Serambi Mekah. Hasil sumbangan mereka dapat membantu penduduk yang ditimpa bencana alam seperti banjir, ribut, kebakaran dan kemalangan," ujarnya.

Ditanya apa kejayaan besar diraih dengan polisi berkebijakan sepanjang 21 tahun di bawah ulama, Timbalan Menteri Besar yakin usaha memartabatkan pendidikan Islam memberi kesan cukup besar.

Hari ini lepasan sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan ramai mengisi jawatan profesional dalam pelbagai bidang. Kelebihan yang ada pada mereka menguasai Al-Quran dan ilmu-ilmu agama.

Pembangunan Tanah

Selain tugas sebagai Timbalan Menteri Besar, Ustaz Mat juga mengetuai Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Pembangunan Tanah dan Wilayah.

Menghurai lanjut bidang tugasnya itu kata beliau, sehingga akhir tahun lepas hampir 70,000 permohonan hak milik tanah diluluskan oleh kerajaan negeri.

apabila lebih suku juta rakyat mendapat manfaat kelulusan hak milik tanah terbabit.

"Sejak tahun 1990 sehingga tahun lepas, hampir 70,000 permohonan hak milik tanah diluluskan oleh kerajaan negeri. Kalau purata setiap keluarga mempunyai lima ahli bermakna 350,000 rakyat Kelantan mendapat manfaat kelulusan hak milik tanah.

Tanah merupakan aset paling berharga kerana sebahagian rakyat Kelantan bergantung kepada hasil pertanian sebagai sumber rezeki," ujarnya. Kata seorang pegawai kerajaan, kesungguhan kerajaan negeri menyelesaikan permohonan hak milik tanah rakyat merupakan aspek berkebijakan paling utama.

Bercerita lanjut mengenai bidang tugasnya itu, Ustaz Mat memberitahu sepanjang tahun lepas permohonan hak milik tanah diterima sebanyak 5,375 dan 4,223 daripada permohonan itu sudah diluluskan. Purata permohonan hak milik tanah diterima kerajaan negeri setiap tahun adalah antara 4,000 hingga 7,000.

Terbaru pada 28 September lalu majlis penyampaian surat hak milik tanah dan bantuan sosial diadakan di Dataran Pasar Kuala Balah, Jeli. Di

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

majlis itu seramai 200 orang penduduk menerima geran hak milik tanah.

Sejak tahun 1990 sehingga tahun lepas, sebanyak 8,261 permohonan tanah diluluskan di Jeli iaitu ketiga terbanyak selepas Tanah Merah dan Kuala Krai. "Jumlah kelulusan hak milik tanah itu menggambarkan kerajaan negeri cakna terhadap nasib rakyat terutamanya menyelesaikan masalah pemilikan tanah".

"Malah setiap kali mesyuarat Exco kerajaan negeri, banyak fail permohonan tanah diangkat untuk mendapat kelulusan. Namun malangnya tidak ramai yang tahu kesungguhan kerajaan negeri," ujarnya. Biar pun berkelulusan dalam bidang agama, namun Ustaz Mat berkemampuan bercakap mengenai pembangunan tanah.

Aspek berkebijakan tidak berhenti setakat itu, ujarnya lagi. Sebaliknya sehingga kini Kelantan masih mengekalkan cukai hasil tanah antara yang terendah di negara ini.

Ini secara jelas mengiyakan konsep berkebijakan yang diwar-warkan. Kerajaan negeri seakan tidak rela membiarkan cukai tinggi membebaskan rakyat.

Ditanya mengenai pungutan hasil tanah pula, Ustaz Mat memberitahu tahun lepas sebanyak RM26.4 juta berjaya dipungut iaitu 78.3 peratus daripada sasaran ditetapkan. Dan sehingga Ogos tahun ini, hasil tanah yang dikutip adalah sebanyak RM27.5 juta iaitu 78.1 peratus daripada sasarannya iaitu RM35.2 juta.

Selain itu, kerajaan negeri turut memastikan masyarakat Orang Asli memiliki tanah sendiri untuk aktiviti bercucuk tanam, membina penempatan dan projek komersial.

Pada tahun 2009, kerajaan negeri membuat keputusan merizabkan semua kawasan tanah Orang Asli. Timbalan Menteri Besar juga memberitahu tanah-tanah yang dirizabkan kepada masyarakat Orang Asli akan diusahakan secara komersial bagi mendatangkan pulangan secara bulanan kepada mereka.

Penjelasan itu memberi makna, berkebijakan merangkumi seluruh lapisan rakyat. Program berkebijakan juga dapat dibuktikan apabila sehingga kini seramai 4,800 rakyat miskin mendapat dividen bulanan program berkebijakan yang dikendalikan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat.

Rakyat miskin diberi dividen bulanan sebanyak RM200 tanpa perlu mereka bersusah payah bekerja di ladang.

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Turut menerima manfaat tersebut seramai 248 penduduk Orang Asli.

Dan sehingga akhir Ogos 2011 sebanyak RM45 juta diperuntukan bagi membayar dividen kepada peserta terbabit. Ditanya berkebijakan kepada penjawat awam, kata Ustaz Mat mereka disediakan pinjaman tanpa dikenakan sebarang faedah. Ketua Jajahan turut disediakan Proton Perdana V6. Selain itu pelbagai lagi kemudahan lain disediakan.

Berkebijakan sebagai wakil rakyat

Ustaz Mat juga juga tidak lokek untuk berkongsi pengalaman sebagai wakil rakyat bagi mencernakan konsep berkebijakan. Pendekatan digunakan menziarahi rakyat tanpa mengira masa dan ketika.

"Amalan turun ke bawah saya gembangkan bersama isteri. Setiap hari Jumaat dan Sabtu, MTD Pasir Pekan akan menyusun program bersama rakyat. Penghulu dan ketua-ketua cawangan turut sama.

"Saya juga bergilir-gilir menyampaikan khutbah Jumaat di 11 masjid yang terdapat di Dun Pasir Pekan. Kalau pada hari bekerja saya gunakan peluang sebelah malam menziarahi rakyat," tambahnya.

Kesungguhan Ustaz Mat jelas kelihatan apabila beliau menamakan program ziarah dengan singkatan TURBAH, yakni Turun Ke Bawah. Bagi kumpulan muslimat, program TURBAH diketuai isterinya sendiri.

"Amalan ziarah dan bertanya khabar rakyat sudah menjadi sebahagian kerja wakil rakyat kita. Cuma saya berharap ia dapat dipertingkatkan lagi," ujarnya mengakhiri pertemuan singkat di Kem Kok Keli.



DATO' HAJI OMAR

KEBAJIKAN PERTAMA PINDAH

WANG KE BANK ISLAM

Oleh M Faqih
Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Raut wajahnya agak serius, namun mudah melemparkan senyuman. Kedua belah tangannya cepat dihulur apabila bertemu dengan orang yang dikenalnya. Kadang-kadang sebelah tangannya mengosok belakang orang yang ditemui. Kelihatan kemesraan yang dipamerkan. Ia bukan sekadar lakonan, namun itulah sifat semulajadi yang ada pada dirinya.

Maka tidak hairanlah sehingga sekarang sudah enam penggal beliau bergelar wakil rakyat. Kerjayanya sebagai seorang pemimpin bermula pada tahun 1986 apabila menang di kawasan



Dewan Undangan Negeri (DUN) Perupok, Bachok.

Apa rahsia di sebalik keupayaan Dato' Haji Omar Mohamed sehingga kini masih bergelar wakil rakyat? Tanpa bersembunyi dan ragu-ragu beliau mendedahkan rahsianya "mesti ada sifat berkebjakan".

Usianya sekarang meniti tahun ke-67. Hanya ada beberapa pemimpin yang bergelar wakil rakyat seusia dengannya di Kelantan. Tidak ramai yang mampu bertahan dalam tempoh yang begitu lama. Antaranya Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat dan anggota parlimen Pengkalan Chepa, Dato' Abdul Halim Abdul Rahman. Wakil rakyat yang ada sekarang kebanyakannya muncul selepas era 1990-an.

Inilah kelebihan yang ada pada Dato' Haji Omar. Lebih mesra dengan panggilan Haji Omar. Sebelum bergelar wakil rakyat beliau sudah menyediakan ruang khas untuk memudahkan orang ramai datang menemuinya. Ketika itu beliau juga Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan.

"Saya ada pejabat pusat khidmat sebelum menang pada Pilihan Raya Umum 1986 lagi. Pejabat disediakan untuk keselesaan orang ramai yang datang.

"Saya lebih suka jadikan ruang kecil di hadapan rumah sebagai pejabat. Di dalam rumah maklumlah ada anak-anak dan isteri. Saya tidak mahu tetamu datang terganggu dengan kehadiran mereka," ujarnya ketika ditemui wakil QIADAH baru-baru ini.

Rumahnya terletak di tepi pantai, hanya dipisahkan oleh tembok batu dengan air laut. Tiada sempadan yang memisahkan rumahnya dengan jiran. Pagar tidak ada seperti rumah wakil rakyat lain. Kediannya masih kekal dengan binaan kayu dan bukannya banglo bertingkat.

Biar pun sudah lebih 25 tahun beliau bergelar Yang Berhormat, namun kehidupannya juga tidak jauh berbeza. Rumah Haji Omar yang ada sekarang tidak

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

banyak berubah berbanding selepas menang Pilihan Raya Umum tahun 1986.

Warisan perjuangan ayah

Haji Omar dilahirkan di Bachok pada 31 Mac 1945. Darah perjuangan yang mengalir dalam tubuhnya diwarisi daripada Haji Mohamad Awang iaitu ayahnya sendiri. Ayahnya seorang tukang rumah yang pernah berjasa menyiapkan pejabat PAS Bachok. Bangunan itu masih kekal berhampiran Pantai Irama sehingga sekarang. Ketika hayatnya, Haji Mohamad merupakan seorang aktivis parti Islam setempat.

Isterinya, Hajah Halijah Ramli. Seorang lagi anak Haji Mohamad juga pernah bergelar wakil rakyat. Hajah Kalthum Ahmad, adik-beradik sebapa dengan Haji Omar pernah menjadi wakil rakyat di DUN Mengkebang, Kuala Krai selama dua penggal.

Cuma mereka agak berbeza dari segi ideologi perjuangan. Kalthum bertanding di atas tiket Semangat 46 pada tahun 1990 dan 1995. Dan anak kepada Kalthum, Azizuddin Hussin juga pernah menang di DUN Mengkebang pada Pilihan Raya Umum 2004 di atas tiket Barisan Nasional (BN).

Beliau mempunyai kelulusan Sarjana Muda dan telah menamatkan pengajian di bidang Sarjana Lengkap dalam bidang sosial dan politik di Universitas Ibn Khaldun.

Ketika itu beliau bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri Bachok Tengah. Bermula dari situlah bakat kepimpinan mulai dicungkil. Baginya segala bermula untuk menyampaikan mesej Islam. Itulah gerak kerja berkebjakan pada praktikalnya. Biar pun tidak menang dalam Pilihan Raya, namun usaha menyampaikan dakwah kepada masyarakat diteruskan oleh Haji Omar.

"Dakwah masyarakat kepada politik Islam adalah amalan berkebjakan yang paling mulia. Jauh mengatasi perkara lain. Ini kerana apabila rakyat faham mengenai Islam, mereka tidak lagi sesat dalam perjuangan".

"Kerja berkebjakan lebih bermakna apabila seseorang itu sanggup bertanding dalam pilihan raya biar pun berdepan kekalahan. Usaha berdakwah dan berjuang perlu seiring," ujarnya dengan nada agak tegas.

Hasil perkongsian hidupnya dengan Datin Fatimah Zakaria, mereka dikurniakan lima orang anak, namun seorang daripadanya meninggal dunia. Namun minat anak-anaknya berlainan. Mereka tetap berada di belakang perjuangan ayah. Ada yang memilih be-

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

PEMIMPIN

kerja sendiri dan bertugas sebagai penjawat awam.

Aktivis parti

"Saya masih ingat lagi pada tahun 1978, saya memiliki kereta jenis Mazda dengan nombor pendaftaran NM 5662. Bonet kereta itu terpaksa diikat dengan dawai. Kalau tidak bonetnya terbuka. "Namun jasa Mazda itu cukup besar. Pernah saya menghantar anak-anak penduduk kampung yang berjaya melanjutkan pelajaran ke USM di Pulau Pinang dan UPM di Serdang, Selangor".



“Saya pandu sendiri. Saya tidak dapat memberi bantuan lain kecuali menghantar mereka ketika mula-mula hendak masuk universiti. Hari ini pelajar tersebut menjadi orang yang berjaya,” tambahnya.

Hasil istiqamah dengan perjuangan dan mengamalkan konsep berkebajikan sejak awal lagi membuatkan Haji Omar mudah dikenali. Sikap mesra yang dipamerkan memudahkan Haji Omar dijulang rakyat sebagai Yang Berhormat. Beliau menang dengan majoriti 132 undi mengatasi calon BN, Cikgu Nor pada tahun 1986.

Pada Pilihan Raya Umum 1990, kemenangan yang diraihnya adalah lebih besar. Kejayaan ketika itu tercatat dalam sejarah negara apabila PAS bersama Semangat 46, Hamim dan Berjasa menang kesemua 39 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Kemenangan gabungan tersebut yang dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah berjaya membentuk kerajaan baru di Kelantan. Haji Omar dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri pertama.

“Biar pun tidak ada pengalaman sebagai Speaker, namun pengalaman sebagai Timbalan Pengerusi Tetap PAS Pusat dapat digunakan bagi mengendalikan mesyuarat.

“Mesyuarat di DUN dan parti tidak jauh berbeza. Bermula dari situlah pengalaman baru ditimba,” ujar Haji Omar mengingati kisah-kisah lama.

Setelah sepenggal menduduki kerusi Speaker, selepas Pilihan Raya Umum 1995 beliau dilantik pula sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO). Beliau diberi amanah mem-pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Desa. Ketika itu rutin hariannya berubah apabila setiap hari terpaksa berulang-alik dari Bachok ke Kota Darulnaim.

Segala perancangan dan pembangunan pertanian di Kelantan adalah di bawah kendaliannya. Beliau juga mencetus usaha menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Setelah itu, bidang pertanian terus dipacu. Gelaran Kelantan sebagai negeri pertanian diperkasa. Usaha meningkatkan hasil pertanian digembelngkan.

Bagaimanapun menjelang Pilihan Raya Umum 2004, Haji Omar jatuh sakit. Sakit di bahagian saraf belakang menyebabkan beliau tidak dapat berjalan. Dua bulan beliau terlantar di hospital serta di rumah

dengan menjalani pelbagai rawatan. Biar pun terlantar sakit namun populariti Haji Omar di mata masyarakat tidak pernah surut.

Namanya tetap menjadi sebutan. Pada Pilihan Raya Umum 2004, beliau sekali lagi dicalonkan. Akibat sakit belum reda menyebabkan beliau tidak dapat hadir pada hari penamaan calon. Namun, Haji Omar tetap menjadi pilihan pengundi. Biar pun masih belum dapat berjalan dengan sempurna, rakyat yakin Haji Omar mampu berkhidmat untuk mereka. Sikap caknanya mudah melekat di hati penduduk.

Ketika majlis angkat sumpah sebagai anggota DUN, Haji Omar terpaksa diusung dan dipapah. Biar pun masih uzur dan tidak dapat berjalan, namun tanggungjawab sebagai wakil rakyat tidak diabaikan.

Maka tidak hairanlah pada Pilihan Raya Umum 2008 sekali lagi namanya dicalonkan. Pada PRU tersebut beliau menewaskan calon Menteri Besar BN yang diwar-warkan ketika itu iaitu Dato’ Dr Awang Adek Hussin. Kini beliau memegang jawatan Yang DiPertua PAS Kawasan Bachok.

Di antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah:

- Ketua Penerangan PAS Pusat
- Jawatankuasa Agung PAS
- Timbalan Pesuruhjaya PAS Negeri
- Ketua Penerangan PAS Negeri Kelantan

Negeri Berkebajikan

Bercakap mengenai Negeri Berkebajikan Haji Omar menjelaskan bahawa kerajaan negeri sudah melaksanakannya sejak awal tahun 1990 lagi. Beliau masih ingat kebajikan pertama yang dilakukan oleh Menteri Besar iaitu memindahkan wang simpanan kerajaan dari bank konvensional kepada Bank Islam.

Kemudian, menukar nama Pantai Cinta Berahi (PCB) kepada Pantai Cahaya Bulan. Tabung Serambi Mekah juga diwujudkan bagi membantu rakyat yang ditimpa musibah.

“Kemuncak kepada konsep negeri berke-bajikan ialah apabila persidangan DUN meluluskan rang undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) pada November 1993. Biar pun hukum hudud tidak dapat dilaksanakan, namun sebahagiannya sudah dilaksanakan mengikut kemampuan yang ada pada kerajaan negeri,”

ujarnya mengakhiri temubual pada hari itu.

HAJI HUSAM

Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan

Oleh Salma Husain



SEBUT sahaja namanya pasti ramai yang kenal. Bagi sesetengah pihak mereka membayangkan beliau antara pemimpin masa hadapan. Bukan lagi sekadar pemimpin di peringkat negeri, sebaliknya mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan nama-nama besar lain di peringkat nasional.

Mengapa keterujaan begitu sangat terhadapnya? Ada pihak berhujah kerana idealismenya. Ada kepetahan berhujah dengan sulaman ayat-ayat Al-Quran. Anehnya beliau bukan lulusan pengajian agama seperti ustaz-ustaz lain, sebaliknya memiliki Sarjana Muda dalam disiplin ilmu ekonomi.

Namun semuanya itu bukan perkara aneh apabila ada usaha dan ketabahan. Inilah paparan awal tokoh pemimpin yang diketengahkan Qiadah keluaran ini.

Dato’ Haji Husam Musa yang lebih senang dengan panggilan Haji Husam dilahirkan di Kampung Kota, Kota Bharu pada tanggal 14 Oktober 1959. Ayahnya Haji Musa seorang guru Al-Quran yang dikenali ramai di Kampung Kota.


Haji Husam mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Kota pada tahun 1965 sehingga 1971. Kemudian meneruskan pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Sultan Ismail pada tahun 1972 – 1975.

Setahun selepas itu beliau mendapat tawaran belajar di Maktab Sultan Ismail (SIC), sebuah sekolah aliran Inggeris yang merupakan antara sekolah bertaraf elit di Kelantan.

Banyak nama besar dalam pelbagai bidang di negara ini dilahirkan dari SIC. Maka tidak hairanlah Haji Husam juga mendapat kedudukan tinggi bermula di SIC.

Kecemerlangan dalam pelajaran membolehkan beliau mendapat tempat di Universiti Malaya pada tahun 1980. Di universiti namanya semakin dikenali. Ketokohnya sebagai seorang pemimpin mulai terserlah.

Biar pun tidak berkawan seperti mahasiswa lain, namun karismanya sudah mulai berputik. Selepas menamatkan pengajian Haji Husam tidak seperti anak muda lain yang memilih kerjaya besar dalam



Sesungguhnya, keberkatan daripada Allah SWT hanya akan diperolehi apabila penduduk di sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT

kerajaan. Beliau tidak berminat untuk memakai tali leher dan berkot seperti anak muda lain. Sebaliknya minat dan cintanya mendalam terhadap perjuangan Islam. Balik dari Kuala Lumpur beliau memilih untuk berkhidmat dengan PAS. Kerjayanya ketika itu sebagai tenaga sukarelawan di Pejabat Perhubungan PAS Kelantan.

"Saya selalu bonceng motosikal dengan Haji Husam apabila ada program di mana sahaja di Kota Bharu. Ke mana hendak pergi motosikallah yang digunakan. Maklumlah tidak ada kereta seperti orang lain," ujar Zainal Abidin Hussin, rakan lama Haji Husam.

Beliau sekarang bertugas sebagai pegawai penyelidik di Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan. Zainal antara rakan lama Haji Husam yang sama-sama merasai pahit getir sebelum PAS mampu bertapak kukuh di Kelantan seperti hari ini.

Di samping mengutip pengalaman berharga dalam setiap perjuangan, Haji Husam melebarkan lagi ilmunya bagi menguasai bahasa Arab. Ekoran daripada itu, beliau mengambil keputusan mengikuti kursus bahasa Al-Quran tersebut di Jordan. Pada tahun 1987, beliau dan isteri bertolak ke Jordan. Setahun merantau Haji Husam mampu menguasai bahasa Arab hasil kesungguhannya.

Selepas kembali ke bumi Serambi Mekah, Haji Husam meneruskan karier lamanya bagi melebarkan dakwah Islam ke seluruh kampung di Kelantan. Kerjaya politiknya semakin sibuk menjelang Pilihan Raya Umum tahun 1990. Gelombang politik negara semakin membahang ketika itu apabila UMNO berpecah dua sehingga lahirnya Parti Melayu Semangat 46 dan UMNO Baru.

Kerajaan baru berjaya membentuk kuasa di Kelantan. Gabungan PAS, Parti Melayu Semangat 46, Hamim dan Berjasa bergabung di bawah Angkatan Perpaduan Ummah. Hasil kemenangan itu Haji Husam dilantik sebagai Setiausaha Akhbar Menteri Besar pada tahun 1990 hingga 1993. Kemudian dinaikkan pangkat kepada Setiausaha Politik, Menteri Besar pada tahun 1993 - 1999.

Pada Pilihan Raya Umum 1999, beliau dicalonkan di parlimen Kubang Kerian, dan bermula dari situlah karier dalam politik semakin menyerlah. Haji Husam menduduki kerusi anggota parlimen Kubang Kerian pada tahun 1999 - 2004. Kini, beliau diamanahkan pula sebagai anggota Exco kerajaan negeri selepas menang di DUN Kijang pada tahun 2004 dan DUN Salor pada tahun 2008.

Idealisme berkebijakan

Usia pentadbiran kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan ulama masuk tahun ke 21 tahun pada 21 Oktober lalu. Sepanjang tempoh itu, usaha kerajaan negeri melaksanakan program berkebijakan mulai menampakkan hasilnya.

Walaupun sumber kewangan yang agak terbatas, namun konsep kebajikan tetap menjadi agenda utama kerajaan khususnya dalam membantu golongan marhain atau mereka yang memerlukan ihsan. Konsep kebajikan yang diterjemahkan ialah membantu sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan tanpa mengira agama, kaum dan fahaman politik.



Malah tema Belanjawan Kelantan 2012 'Kesejahteraan Bersama Keberkatan' juga membuktikan kerajaan negeri benar-benar melaksanakan konsep kebajikan dalam pentadbirannya. Pada masa yang sama mengharapkan keberkatan dalam setiap program yang dilaksanakan untuk rakyat.

"Jika tidak pelaburan yang dikeluarkan beratus juta ringgit setiap tahun tiada ertinya," ujar Haji Husam pada satu pertemuan di pejabatnya di Kota Darulnaim. Tema itu kata Haji Husam menggambarkan hasrat kerajaan negeri untuk berbelanja secara bijaksana dan berhemat dengan bermatlamatkan kesejahteraan rakyat Kelantan keseluruhannya.

Haji Husam yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan mengupas lanjut, apa yang penting segala gerak kerja dalam berbelanja tidak melanggar syariat Allah SWT bagi mendapat keberkatan.

Kerajaan Kelantan yang ditadbir menurut acuan Islam sebenarnya telah lama menjalankan tanggungjawab kebajikan kepada rakyat di pelbagai peringkat. Golongan dhaif, miskin, orang kurang upaya, anak yatim, armalah dan warga emas serta mereka yang memerlukan bantuan diberi perhatian. Haji Husam memberitahu, golongan terbahit mendapat sumbangan daripada kerajaan negeri sama ada berupa peruntukan kewangan, peralatan atau rumah Dhuafat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri.

Menurutnya, antara program kebajikan yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri untuk kesejahteraan rakyat ialah Ladang Rakyat, Skim Takaful Kifalah, Skim al-It'am, Az-Ziwaaj dan banyak lagi. Di samping itu program kebajikan seperti menaik taraf jalan kampung dan jalan-jalan pertanian di seluruh negeri ini.

"Ini termasuk sebanyak RM12 juta diperuntukkan bagi pembinaan dan menaik taraf jalan-jalan kampung, RM4 juta untuk jalan-jalan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, dan RM500 ribu untuk penyelenggaraan jalan pertanian," ujarnya mengulas konsep berkebijakan dalam bajet Kelantan 2012. Selain itu pembinaan jalan di kawasan industri, penyelenggaraan longkang dan parit di pekan-pekan.

Katanya, apa yang penting setiap program kebajikan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk rakyat dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Matlamatnya diharap dapat merubah taraf ekonomi rakyat. Ketika ditanya apakah konsep kebajikan yang dipertanyakan itu menyamai amalan di negara Komunis, beliau dengan tegas menolak tanggapan tersebut.

Menurutnya berkebijakan adalah amalan dalam Islam, malah agama Islam itu sendiri menonjolkan konsep kehidupan yang begitu lengkap sehingga semua isu kebajikan dan berkebijakan telah 'dimodelkan' oleh Islam sebelum ideologi-ideologi lain membuat penilaian mereka. "Yang pertama penjelasan istilah 'fakir dan miskin' terlebih dahulu telah diperjelaskan oleh Islam sebelum 'miskin tegar' dicituskan oleh ideologi di barat.

"Di mana fakir adalah kategori bawah berbanding miskin yang tidak mempunyai apa-apa, tetapi miskin ada punca atau sumber kewangan namun tidak mencukupi untuk menyara kehidupan," ujarnya.

Haji Husam turut menjelaskan bagaimana Islam itu sendiri memberi arahan amalan zakat dan bersedekah, di mana setiap orang secara peribadi wajib berkebijakan seperti dalam Surah Dhuha, Allah meminta anak-anak yatim, orang-orang yang meminta jangan dihalang untuk dibantu.

Beliau yang juga Naib Presiden PAS berkata, ayat berkenaan cukup membuktikan tanggungjawab membantu mereka yang memerlukan sejak awal lagi. Semuanya itu terdapat dalam ajaran Islam, malah agama suci tersebut berdiri sendiri dan tidak menumpang ideologi lain.

Dasar Islam kena mengambil berat, memberi perlindungan kepada armalah dan orang tua, orang kurang upaya sebelum Barat 'mengusulkan' golongan berkenaan perlu dibantu.

"Dalam sejarah Islam, golongan OKU diberi bantuan bukan sahaja dari sudut sumber kewangan, sebaliknya spritualnya juga. Ini termasuk mengambil wuduk bagi

mereka yang cacat anggota atau memimpin mereka yang cacat penglihatan untuk ke masjid. Bantuan spiritual mengenai ibadat sejak awal lagi telah diamalkan dalam Islam, bahkan dalam sejarah sendiri telah menceritakan bagaimana umat Islam menyediakan wakaf untuk binatang liar untuk berlindung di waktu musim dingin," ujarnya.

Katanya, ketika tiada makanan malah semua kawasan hutan diliputi salji, ada wakaf disediakan untuk binatang-binatang berkenaan berlindung, di samping sumber makanan. Wakaf turut disediakan untuk membeli makanan kepada binatang di hutan.

Pada masa yang sama, wakaf juga turut disediakan untuk pesakit mental. Dalam Islam juga turut mengajar umatnya bertanggungjawab terhadap jiran masing-masing, di mana mengambil peranan sekiranya seseorang itu tidur dalam kekenyangan, sedangkan jirannya tidur dalam kelaparan, dia tidak dianggap sebagai orang beriman.

"Ini semua cukup membuktikan Islam tidak pernah meniru apa-apa bentuk atau ideologi yang lain di dunia ini," tambahnya. Pada masa yang sama Haji Husam turut menafikan konsep kebajikan yang diamalkan serupa dengan apa yang dilakukan oleh UMNO dan BN.

"Ada beberapa langkah bantuan yang dilaksanakan BN, tetapi konsep berkebakjikan yang sebenar bermaksud berkongsi kesusahan dan berkongsi kekayaan secara bersama.

"Namun apa yang berlaku kini ada jurang antara orang yang kaya khususnya pemimpin dengan rakyat, khususnya yang miskin," kata beliau agak panjang lebar. Hujahnya lagi terdapat perbezaan antara kumpulan yang menerima permit import (AP) daripada kerajaan dan kumpulan yang begitu daif walaupun negara kita mempunyai kekayaan sumber petroleum.

"Dalam kes ini kerajaan Kelantan tidak dibayar royalti minyak walaupun kita ada hak di sisi perundangan dan dokumen perjanjian. Ini bermakna kerajaan Pusat yang didokongi UMNO dan BN tidak berkebakjikan kerana menafikan hak rakyat Kelantan, malah ia satu tindakan tidak berperikemanusiaan dan tidak adil bahkan zalim".

"Jadi mana bukti yang kita telah meniru mereka?" soal beliau. Kunci kata akhirnya, berkebakjikan mesti bertunjangkan adil dan saksama.



KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)
Sultan Ismail Petra International Islamic College
[IPTSO7010 (JPS) 5195/IPTS/1007]
Ilmu • taqwa • progresif

Tel : 09-7129 386 / 09-7129 387
Faks : 09-7129 444
Laman Web : www.kias.edu.my
E-mel : admin@kias.edu.my

Dapatkan Borang Di Pejabat:
KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)
Peti Surat 68, Nilam Puri,
15730 Kota Bharu, Kelantan



IJAZAH (4+0)

- IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN KEPUJIAN (PA 10596)
- IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH DENGAN KEPUJIAN (PA 10609)

SIJIL

- SIJIL PENGAJIAN ISLAM

MENGAPA MESTI KIAS

- Kurikulum berteraskan sumber wahyu
- Semua program diluluskan oleh MQA dan diiktiraf JPA
- Tenaga pengurusan yang profesional
- Tenaga akademik yang beribawa
- Kadar yuran pengajian terendah
- Pinjaman PTPTN & YAKIN diuruskan
- Hubungan akademik dengan tempatan & luar negara
- Lokasi strategik "Zon Ilmu Serambi Mekah"
- Medium Bahasa Arab
- Lulusan KIAS berjaya menjawat jawatan di institusi kerajaan dan swasta



DIPLOMA

- USULUDDIN (A 9178)
- AL-SYARIAH (A 9179)
- AL-DAKWAH WAL QIADAH (A 9180)
- BAHASA ARAB (A 6798)
- KEWANGAN ISLAM (PA 10175)
- QIRAAT & TARANUM (PA 9599)
- TAHFIZ AL-QURAN (PA 10090)

SYARAT KEMASUKAN

- IJAZAH**
- Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); atau
 - Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM); atau
 - Kelulusan yang selaraf dan diperakui oleh KUIN
- DIPLOMA**
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat 3 kepujian; dan
 - Lulus Bahasa Arab Komunikasi atau Bahasa Arab Tinggi (kecuali bagi Diploma Qiraat & Taranum dan Tahfiz Al-Quran tidak disyaratkan); atau
 - Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau yang setera
- SIJIL**
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV) dengan mendapat 1 kepujian; atau
 - Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia

TEMPOH PENGAJIAN

- IJAZAH - 8 Semester
- DIPLOMA - 6 Semester
- SIJIL - Diakui setaraf dengan STPM oleh JPA untuk tujuan lanjutan

PELUANG MENYAMBUNG PENGAJIAN

- DALAM NEGERI**
- Layak menyambung pengajian ke mana-mana IPTA dalam negeri di bidang berkaitan
- LUAR NEGERA**
- Universiti-universiti Di Jordan (Al-Baith, Al-Yarmouk, Al-Hasyimiah, Al-Urduniah)
 - Universiti Cairo
 - Universiti-universiti di Morocco.
 - Institusi Agama Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin, Jambi, Indonesia
 - Institusi Agama Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia.
 - Institusi Agama Islam Negeri Imam, Bonjol, Padang, Indonesia.
 - Institusi Agama Islam Negeri Raden, Intan, Lampung, Indonesia.



permohonan secara online : www.kias.edu.my

Diiktiraf oleh:

Percetakan ZULRAHIM
Sendirian Berhad

SMART PRINTING & CREATIVE DESIGN

Email: prczulrahim@yahoo.com.my

Lot 1811, Bangunan KPKB, Kg. Paya Rambai, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Tel: 019-9976513, 019-9194514, 019-9566514



Pelajar pondok dan penduduk tempatan mengikuti program ilmu di masjid

JASA AYAH SIN TERPAHAT KUKUH DI PONDOK TERUSAN

Oleh Rossem
Foto M Yarisman & Kharuddin

KELANTAN secocok dengan nama timangannya iaitu Serambi Mekah. Bumi bertuah tempat yang melahirkan ramai ulama, silih berganti sejak dahulu hingga sekarang. Mereka ahli dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk fiqah, tauhid, tasawuf, falak bahkan siasah Islamiah.

Nama-nama seperti Tok Pulai Chondong (1792-1873), Tuan Tabal (1840-1890), Tok Wan Ali Kutan (1820-1913), Tok Kenali (1870-1933), Haji Abdullah Tahir Bunut Payong (1897-1961) dan Tok Khurasan cukup dikenali ramai. Mereka merupakan ulama besar yang melengkapkan Kelantan sebagai Serambi Mekah.

Nama-nama itu tercatat dalam lembaran sejarah antara tokoh ilmuan Islam yang membebaskan umat Islam di rantau ini daripada 'buta ilmu' kepada celik agama.

Ulama-ulama terbabit menabur bakti di pondok tradisional. Anak-anak muridnya datang dari seluruh Kelantan. Ada juga berdagang dari Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei dan Kemboja. Sistem

pembelajaran yang digunapakai ketika itu menggunakan kaedah menadah kitab.

Setelah tamat pengajian, pelajar akan pulang kekampung halaman. Ada di kalangan mereka dilantik sebagai imam masjid dan guru-guru agama. Bermula dari situlah nama Serambi Mekah terus harum sehingga melewati sempadan Nusantara.

Sama seperti ketika awal kedatangan Islam. Gerakan dakwah digerak pedagang Arab yang berdagang di kepulauan nusantara. Ada juga Pak Sheikh berkahwin dengan wanita tempatan. Bermula dari situlah syiar Islam semakin berkembang di Tanah Melayu. Agama fitrah itu mudah tersebar setelah raja-raja Melayu menganut agama Islam.

Bertitik tolak dari situlah Islam terus berkembang di Tanah Melayu. Islam juga menjalar ke Kelantan. Bukti wang syiling emas Dinar ditemui di Kota Kubang Labu bertarikh 577 Hijrah bersamaan 1181 Masihi menggambarkan Islam sudah lama bertapak di Serambi Mekah.



Tuan Guru Dato' Hashim Abu Bakar

Sejak detik itulah Islam semakin berkembang. Malah Masjid Muhammadi yang terletak di tebing Sungai Kelantan menjadi tumpuan pelajar dari seluruh nusantara. Mereka datang menimba ilmu. Ini menjadikan Kelantan tambah subur dengan perkembangan syiar Islam.

Salah seorang ulama pondok yang cukup dikenali di Kelantan ialah Tuan Guru Dato' Haji Hashim Abu Bakar atau lebih akrab dengan panggilan Ayah Sin.



Keadaan Pondok pada masa dahulu



Kawasan sekitar pondok sudah jauh berubah berbanding peringkat awal penubuhannya



Bangunan asrama lima tingkat menempatkan pelajar lelaki

TOKOH / ULAMA

Beliau dikatakan generasi akhir ulama pondok tersohor di Kelantan.

Beliau mewarisi Pondok Terusan, Pasir Tumboh dekat Kota Bharu selepas pengasas pondok tersebut meninggal dunia. Sejak di bawah kepimpinannya pondok tersebut terus berkembang. Ia seiring dengan dasar kerajaan negeri di bawah kepimpinan ulama dengan slogan Membangun Bersama Islam.

Ayah Sin dilahirkan pada tahun 1920, di Kampung Pantai Johor, Alor Setar, Kedah. Salasilahnya dari keluarga ulama terkenal. Ayahnya berasal dari Patani, Thailand berhijrah ke Kedah dan berkahwin dengan wanita tempatan.



Bangunan masjid Pondok Terusan setinggi tiga tingkat

Pondok Terusan, Pasir Tumboh

Madrasah Ad-Diniah Bakriah atau nama popularnya Pondok Terusan, Pasir Tumboh dibuka pada tahun 1953 oleh dua orang ulama bersaudara iaitu Tok Guru Haji Mustafa Abu Bakar dan adiknya Haji Abdul Aziz. Ketika itu Ayah Sin baru menyambung sentri di pesantren tersebut.

Minat beliau kepada pengajian Islam secara tradisional menjadikan dirinya sinonim dengan pondok Pasir Tumboh. Kebetulan pula Ayah Sin mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Tok Guru Abdul Aziz atau nama akrabnya, Tok Guru Ayah Jik, iaitu status adik ipar.

Menurut hierarki Pondok Terusan, Ayah Sin merupakan murid paling kanan antara ribuan murid ketika itu. Selepas Tok Guru Ayah Jik meninggal dunia, maka kepimpinan pesantren Pasir Tumboh diserahkan kepada Ayah Sin pada tahun 1987.

Di bawah terajunya, banyak perubahan dilakukan terutamanya membangunkan prasarana pondok. Masjid dibesarkan, asrama-asrama moden setinggi lima tingkat didirikan. Lengkap dengan kantin, kedai runcit dan lain-lain kemudahan, menggantikan

rumah-rumah kecil berbentuk pondok kayu yang sudah usang dan tidak teratur. Kebajikan pelajar juga tidak pernah dilupakan.

Hari ini, siapa pun yang berkunjung ke Pondok Terusan akan terpegun melihat perubahannya. Struktur fizikal pondok jauh berbeza berbanding sebelumnya.

Meskipun sekolah-sekolah aliran agama dibangunkan di setiap daerah dan kota menggunakan sistem pembelajaran moden, namun kaedah pembelajaran agama secara tradisional di pondok tradisional kekal dipertahan sehingga sekarang. Inilah jasa Ayah Sin.

Hari ini terdapat seramai 500 pelajar daripada seluruh Malaysia dan luar negara di Pondok Terusan. Terdapat pelajar yang berasal dari Patani dan Kemboja.

Di samping itu ratusan lagi pelajar dewasa mengikuti pengajian secara tidak formal. Warga emas juga menjadikan pondok itu sebagai kediaman mereka ketika di penghujung usia.

Pondok Terusan adalah antara pondok besar yang masih bertahan di Kelantan hingga sekarang. Selain itu Pondok Lubuk Tapah di Pasir Mas dan Pondok Sungai Durian di Kuala Krai.

Pondok-pondok berkenaan bernaung di bawah Persatuan Pondok Kelantan yang berdaftar dengan Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB). PPPB mendapat suntikan modal awal daripada kerajaan negeri sebagai dana bagi memajukan pembangunan institusi pondok tradisional di Kelantan.



Pejabat pentadbiran Pondok Terusan, Pasir Tumboh

PPPB berada di bawah teraju Ayah Sin sehingga akhir usianya. Ketika hayatnya juga Ayah Sin sering menjadi rujukan bagi merungkai persoalan mengenai agama. Sifat warak dan alim yang ada pada dirinya menjadikan Pondok Terusan didatangi orang ramai silih berganti. Ayah Sin menjadi tempat mengadu. Ayah Sin juga tempat mereka meminta pertolongan.

Biar pun usianya dimamah waktu, Ayah Sin acap kali dijemput mengetuai solat hajat perdana yang dianjurkan oleh kerajaan negeri di Stadium Sultan Muhammad Ke IV. Walaupun keuzuran, beliau tidak sanggup menghampakan permintaan orang ramai.

Di padang bola dalam stadium beliau sering berganding bahu dengan Tok Guru Haji Abdullah Yusof dari Lubuk Tapah. Namun Tok Guru Haji Lah lebih awal dipanggil mengadap Ilahi.

Jasa Ayah Sin dalam gerakan dakwah Islam di negara ini bukanlah sedikit. Usahanya mempertahankan institusi pondok tradisional sehingga mampu berdiri sama tinggi dengan institusi pengajian Islam lain, melayakkan Ayah Sin dianugerahkan sebagai Tokoh Hijratul Rasul 1428H peringkat Negeri Kelantan.

Jasa dan sumbangannya turut mendapat pengiktirafan dari Istana Kelantan. Pada tahun 2010, KDYMM Sultan Muhammad V berkenan menganugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato' kepada Ayah Sin.



Perjalanan terakhir Ayah Sin

Biar pun tunjuk ajar Ayah Sin masih diperlukan, namun tiada satu jiwa pun akan kekal. Sampai waktu, tidak boleh ditangguhkan walau sesaat. Insan yang bernyawa akan kembali menemui Pencipta-Nya.

Maka pada tanggal 30 Ogos 2011, jam 1.15 petang, di saat umat Islam merayakan Hari Raya Aidilfitri, ulama tersohor itu kembali ke rahmatullah ketika usianya mencecah 91 tahun.

Ayah Sin meninggal dunia di rumahnya di Madrasah Ad-Diniah Bakriah Pasir Tumboh akibat sakit tua. Beliau juga sudah agak lama terlantar sakit.

Hari ini perjuangan Ayah Sin diwarisi oleh lima orang anaknya. Selain itu ribuan anak muridnya bertebaran di segenap pelusuk rantau. Di tangan mereka Islam terus mekar.



Solat jenazah ke atas Ayah Sin



Tuan Guru Nik Abdul Aziz menziarahi Ayah Sin ketika terlantar sakit

WAYANG KULIT

A new generation with Ulama' Characters

By Muhammad Yusri Amin
Photo by Ahmad Na'ime Muhammad

Located at the east coast of Peninsular Malaysia, Kota Bharu is the capital city of Kelantan. It is famous for its arts and culture for years which include but not limited to the *wayang kulit*, *makyong*, *menora*, *dikir barat* and *Main Puteri*. Prior to implementing the *syariah* law as the basis for all the cultural performances, the elements of *khurafat*, *syirik*, idol worship and gender mixing were evident.

These have been there for quite some time. However, when the current government began to administer the state, underlying the beauty of the arts and culture as seen in Kelantan since then is the *syariah* law.

Needless to say, under the Islamic leadership by the current Kelantan government the matters of sins, rewards, *halal* and *haram* become important. These are among the features of devoted Muslims to portray the love and devotion to Allah.

Not everyone was happy with such Islamic rules imposed on every walk of life back then. *Makyong*,

menora and *main puteri's* activists were outraged, and so were the UMNO leaders who attacked the state government. Everyone was furious and failed to understand the reason behind it, i.e. to free the public from the sins as a result of *syirik* and/or idol worship activities. The state government has, since then, adopted the Al-Qur'an and As-Sunnah as the basic principles of governing and developing with Islam, which are based on the elements of *Ubudiyyah*, *Itqan* and *Mas'uliyah*.

The Principle of State Culture was drafted in line with the rules of art and culture in Islam to achieve *mardhatillah*.

Entertainment Control and

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Entertainment Venues Enactment 1998 were enforced after they were tabled at the State Legislative Assembly meeting. All activities and doings which were against *syara'* were eliminated and replaced with those in line with the Islamic values.

For example, separate seating for male and female audiences were implemented. Additionally, female adults are prohibited from being the subject of 'viewing' by males. Elaborating on the matter, the Chairman of Local Government, Tourism and Cultural Committee, Dato' Takiyuddin Hassan explained that there were the elements of worshipping, spells and incantations in the show of *Wayang Kulit* and *Main Puteri*.

Both of these cultural activities often made use of the elements that were against the *syariah* including the elements of worshipping and myths. *Wayang Kulit* was first performed at the Palace's Courtyard during the reign of Malay kings. It is believed to be introduced in Malaysia approximately 300-400 years ago.

Kelantan Chief Minister, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat commented that, "stories illustrated by the *wayang kulit* and *makyong* shows have been myths. They were neither facts nor realities. The scripts were not meant to motivate people, they were purely entertainment".

The State Government Mufti also confirmed that the




makyong and *main puteri* shows are against the *syariah*. Therefore when the Islamic laws were implemented, Takiyuddin said, "when there is no worshipping, without incantations and spells, the shows are clean". The old version of the wayang kulit presented Hanuman Kera Putih and Raja Serama, both are fictional characters.

On the other hand, the new, current version of the wayang kulit show is free from any *khurafat* or myths elements. Takiyuddin added that, "The new version of wayang kulit has no element against *syariah*. Instead, it is enhanced with motivational stories and even to give some extra values to the audiences. Tok Dalang should try to change the direction of the story and use the plots based on the Islamic figures and Malay warriors to replace the mythology".

He reinstated the idea of employing the storylines that encompass the old Malay warriors and Malay religious figures, for instance Tok Kenali, Tok Janggut and Pahlawan Mat Kilau.

Explaining further on the Entertainment Control and Entertainment Venues Enactment 1998, Takiyuddin said any amendments on the traditional cultural and entertainment performances have to be in line with that enactment.



When asked about the reason behind the declining of the traditional wayang kulit performances, he said that the present society is more committed to their religion rather than entertainment.

Wayang Dewan

The new version of wayang kulit activist, Nik Mat Ludin, 60 (Pak Nik) from Kampung Kemasin, Bachok is convinced that the performances of wayang kulit can be continued by teaching the arts to the new generation. He argues that his art technique is different from the other Tok Dalangs because of his ability to mould the performance according to the current situation.

"The new version of wayang kulit tells stories about popular icons and current issues. My characters, i.e, Said and Long, are very compelling as message conveyors," he added.

Pak Nik is very popular with his creations of new generation's wayang kulit entitled *Hidup Sesat Dalam Perjalanan* (Lost in the Journey of Life). The story is about a poor family without a fixed income job. However, the family is blessed with a gift from Allah, a daughter named Siti Karimah. Although she is from the poor family, Siti Karimah is enrolled in a school. She stays in the school dormitory and returns home every weekend.

One day Karimah does not return home and disappears from the dormitory. Both parents were looking for her everywhere they could but she is not found. During the search, the father met Wak Yoh, Samad, Said and Aten. He asked for their favor in helping him searching for his daughter.

Without thinking of any monetary rewards, they help with the search. At the end, the daughter is found in an indecent clothing. She is brought home to her family by these four men. Karimah repents and asks for forgiveness from her parents. She promises not to do it ever again.

Pak Nik performs wayang kulit based on stories relevant to the current issues. He admits that he started performing the wayang kulit when he was 9 years old.

Dato' A.Aziz Deraman, an ex-Director of Dewan Bahasa Pustaka (DBP) named the new version of wayang kulit as Wayang Dewan. This is in line with the suggestion of the state government that does not allow a perfectly formed human character to be casted in the wayang kulit show.

Pak Nik told us that the new version of wayang kulit has received enormous support from the audience with 2,000 to 4,000 pax per show. The most current performance was during the Karnival Halal Pantai Irama, Bachok in June 2011.

The wayang kulit show does not only attract the local



adults but also the young generations who were impressed with the new version. There are three groups of wayang kulit in Kelantan namely Kumpulan Wayang Kulit Seri Wang, Kumpulan Wayang Kulit Seri Machang and Kumpulan Wayang Kulit Anak Tuah, with members aged eight to fifteen years old.

It actually depends on the Tok Dalang to tweak the current issues and present it in a fresh and logical manner during the wayang kulit show. Regardless one's excuses, the old wayang kulit version has clearly been influenced by some bad elements.

Wayang Kulit Kemboja

It is reported that the oldest wayang kulit was originated from Cambodia and Thailand. During the show, Tok Dalang would stand beside each person holding a bunch of Ramayana characters above their heads measured at 4 ft tall.

They dance horizontally behind 20 ft x 8 ft wide screen. It was a giant wayang kulit, especially designed for Royalties' performance. It is believed that the art of the performance was created to entertain Khmer King of Angkor during the 10th and 11th centuries. Wayang kulit was made from calfskin and not taller than 2 ft.

The instruments used to accompany the performance was flute (main instrument), *gendang ibu*, *gendang anak*, *gedombak ibu* and *gedombak anak*, *kesi*, *geduk ibu*, *geduk anak*, *canang* and *gong*. Among the favorite songs played were Bertabuh, Perang, Seri Rama, Kabar Manja, Buluh Seruas and Pandan Wangli.

SYNOPSIS

Kelantan is very proud with its art and culture. Wayang kulit has been known to be one of the best legacies of our ancestors. In line with the fresh sets of Islamic laws and regulations, wayang kulit continues to captivate and fascinate the audience with *syariah* compliance elements and a tweak of current issues, attracting not only adults but also the younger generations.

25 pax (1 foc)

Potongan Khas RM150 kepada ahli KOHILAL BERHAD

Pakej UMRAH bersama YASKIN

PENERBANGAN TERUS MAS (KUL - MED/JED)

TARIKH	LALUAN	MASA	HARGA PAKEJ (RM)			
			± 500 METER	± 380 METER	± 250 METER	± 100 METER
FEB 2012						
04/02 - 14/02	KUL- JED	11 HARI	4770.00	5500.00	5950.00	7250.00
18/02 - 29/02		12 HARI	4990.00			
MAC 2012 (CUTI SEKOLAH)						
06/03 - 16/03	KUL- JED	11 HARI	5250.00	5650.00	6250.00	7250.00
08/03 - 17/03		YAMAN	10 HARI	5250.00	5650.00	6250.00
APRIL 2012						
23/04 - 04/05	KUL- JED	12 HARI	4990.00	5500.00	5950.00	7250.00
MEI 2012						
12/05 - 23/05	KUL- JED	12 HARI	4990.00	5550.00	5950.00	7250.00
24/05 - 04/06		A. DHABI	12 HARI	4990.00	5550.00	5950.00
29/05 - 08/06	KUL- JED	11 HARI	5550.00	5950.00	6250.00	7250.00
MEI 2012 (CUTI SEKOLAH)						
27/05 - 07/06	KUL- JED	12 HARI	5550.00	5950.00	6250.00	7250.00
29/05 - 08/06		KUL- JED	11 HARI			
JUN 2012						
29/06 - 10/07	KUL- JED	12 HARI	4990.00	5500.00	5950.00	7250.00
JULAI 2012						
02/07 - 14/07	KUL- JED	13 HARI	4990.00	5500.00	5950.00	7250.00
JULAI 2012 (AWAL RAMADHAN 1433)						
26/07 - 05/08	KUL-MED	11 HARI	5980.00			
20/07 - 31/07	KUL-MED	12 HARI		6280.00	6990.00	
JULAI 2012 (PERTENGAHAN RAMADHAN 1433)						
31/07 - 10/08	KUL- JED	11 HARI	6480.00			
OGOS 2012 (AKHIR RAMADHAN 1433)						
10/08 - 18/08	KUL-MED	09 HARI	6990.00	<ul style="list-style-type: none"> • Hari Raya di Malaysia • Puasa6 di Makkah •Tawaf Selesa • Kucup Hajarul Aswad (Insyallah) 		
10/08 - 20/08		11 HARI				
10/08 - 21/08		12 HARI				
10/08 - 26/08		17 HARI				
OGOS 2012 (AKHIR RAMADHAN 1433 / CUTI SEKOLAH)						
16/08 - 27/08	KUL-MED	12 HARI	5290.00	<ul style="list-style-type: none"> • Puasa 6 di Makkah • Khatam Quran di Madinah • Tawaf selesa • Kucup Hajarul Aswad (Insyallah) 		

UMRAH DAN ZIARAH

21/05-04/06	MASJID AQSA	15HARI	6990.00	<ul style="list-style-type: none"> • Solat di Masjidil Aqsa • 1 malam di Baitul Maqdis • Melihat kesan-kesan Isra' & Mikraj • Maqam Nabi Suib • Laut Mati
18/07-22/08	AMMAN	36HARI	8950.00	<ul style="list-style-type: none"> • Maqam Nabi Suib • Laut Mati
08/03-18/03	CAIRO - ISK	11HARI	5990.00	<ul style="list-style-type: none"> • Ziarah maqam Imam Syafie • Masjid Al-Azhar • Bazar Al Khalili • Piramid
25/05-08/06		15HARI	6550.00	
18/07-18/08		32HARI	8990.00	



Pendaftaran dibuka sekarang!!

DEPOSIT HANYA RM 250.00 SAHAJA

Yaskin

BAS PERSIARAN

Untuk Pakej dan lawatan dalam negeri

Sila hubungi:

Hj. Wan Masnadi • 013-337 9559

Hj. Wan Hassan • 013-333 3615

Kpt (B) Wira Md. Nor • 012-793 0294

Hamid Mohamad • 013-906 2595

Pejabat • 09-744 3136 / 741 2657

1433 H / 2012 M

Untuk Maklumat Lanjut Sila Hubungi :

- Syarikat Pelancungan Yaskin Sdn Bhd.**
(KPL/LN : 2259/169926-W).
Lot 195-A, Tkt. 1, Jln. Bayam, 15200 K. Bharu, Kelantan.
Tel: 609-744 3136, 609-741 2650/51/52
Fax: 609-7486585
• Ust. Hj. Wan Hassan Wan Othman 013-333 3615
• Ust. Hj. Arifin Mat Hassan 013-932 1426
- Syarikat Pelancungan Yaskin Sdn. Bhd.**
(KPL/LN : 2259/2) - Cawangan.
SA20-1-A, Lorong Pandan Pertama 3, Pandan Utama, 68000 Ampang, Selangor.
Tel: 603-9200 1623 / 603-9200 2623
Fax: 603-9200 6623
• Hj. Wan Isham Wan Hassan 019-664 1664
• Hj. Wan Muhd Muaz Wan Hassan 019-452 1323
- Syarikat Pelancungan Yaskin Sdn. Bhd.**
(KPL/LN : 1479) - Cawangan.
202-Tingkat 2, Wisma KOKITAB, Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel: 609-631 7900 Fax: 609-631 6900
• Hj. Wan Masnadi Wan Hassan 013-337 9559
• Hj. Razali Mat Yunos 019-927 4547
• Hj. Juhaida Othman 012-949 1385
- Cawangan Thailand**
Tel: 0 0668 3132 4299, 0 0667 3612 2100
• Hj. Wan Abdullah (Sg. Golok) 013-995 3411
• Ust. Qosim (Bangkok) 0 0668 4967 7460
- Usahasama dengan Maslin Travel & Management**
• Hj. Azlin Mohamed 013-339 9797
- Perhubungan Makkah**
• Hj. Khairuddin Hj. Musa 00966-50454 8103
- Muassasah Bahauddin - Wakil Al Zuhdi**

* Jadual penerbangan, tarikh, harga dan pakej tertakluk kepada perubahan semasa tanpa sebarang notis.

PENGINAPAN

MAKKAH - Al-Bustan (250 m) / Zam-zam (100 m) @ setaraf (Mistalah)
- Al-Rawabi (380 m) / Al-Asel (500 m) @ setaraf (Syiah Amir)

MADINAH - Bahaudin (150 m) / Saha Safr (150 m) / Mukhtara Alami (250 m)
Dar Iman Grand (250 m) / Ar-Rawabi (380 m) @ setaraf.

* Penginapan 4 - 5 orang sebilik
* Penginapan 2 atau 3 orang sebilik - boleh diuruskan / tambahan kos.

PELUANG MELAKSANAKAN SEDEQAQ DAN QURBAN DI TANAH SUCI:

- Qurban - Ayyumul Tasyrik (Tanah Mina & Tanah Haram)**
 - Kadar RM500.00 - RM700.00
 - Binatang qurban dari kibas, lembu & unta
 - Kadar termasuk khidmat
- Menyediakan iftar di bulan Ramadhan**
 - Kadar RM50.00
 - Pek iftar mengandungi 500g tamar, sekotak susu, air buah, epal dan sekeping kek/roti
 - Kadar termasuk khidmat
- Sedeqah jariah di masjid & musolla di sekitar Tanah Haram.**
 - Kadar RM50.00 - RM100.00
 - RM10.00 untuk asnaf
 - Dan RM10.00 untuk Pusat Tahfiz Muaz bin Jabal, Taman Guru, Kota Bharu, Kelantan
 - Kadar termasuk khidmat

TAWARAN ISTIMEWA!

1. Harga Tiket Sahaja	RM3550.00 (Low) RM3650.00 (High)
2. Tiket + Visa + Bas (Round Trip)	RM3990.00 (Low) RM4190.00 (High)
3. 25 pax (1 foc)	(25 + 1)

*Tertakluk kepada perubahan semasa sila hubungi:
03-9200 2623 (KL)



LATA JANGGUT

A PERFECT VACATION IN JELI

By Attif Zayyad Idris
Photo by Ahmad Nai'me Muhammad

Previously, no one favoured Jeli. People would definitely shake their heads when 'Jeli' was mentioned. Teachers who were posted at schools in Jeli were perceived as being sentenced to prison. Some teachers argued that teaching in Jeli was similar to teaching at remote schools in Sabah or Sarawak.

Well, there are some truths to that fact. There was no road access to Jeli. To reach Jeli, people have to travel along Pergau River, Kuala Krai by boats made from bamboo.

Today, everything has changed. Since the completion of Tanah Merah-Gerik road access via Jeli, the small town is developing rapidly. We can now reach Jeli from Kota Bharu by cars only within an hour and a half.

Jeli is one of the 10 districts in Kelantan. It is viewed as the door to the state of Cik Siti Wan Kembang. Located approximately 98km from Kota Bharu, Jeli-Dabong road links Jeli to South Kelantan.

To the north of Jeli is Thailand border, to the east is Tanah Merah while to the west is Perak. This strategic location supports rapid development in Kelantan including two higher institutions campuses, i.e. Universiti Malaysia Kelantan and Politeknik Jeli.

Jeli is located between 90 to 500 metres above the sea level. Four rivers flow through Jeli namely Pergau River, Renyut River, Suda River and Balah River. Because 82% of Jeli is surrounded by mountains, it produces topography that lent itself perfectly to the formation of some spectacular waterfalls.

Hence one of the beautiful attractions in this area is the scenic view of water spilling over the sheer rock cliff. The magnificent, unique flora and fauna in Jeli forms part of its unique ecosystem and much of this beautiful nature has never been touched. Majority of people in Jeli work in the agricultural sectors. They work as rubber tappers, farmers at fruits orchards, vegetables farms while some engage in small businesses.



Women are also involved in various kinds of businesses, and there are many products produced by the small scale, cottage industries. However, the main attraction in Jeli remains its beautiful surroundings.



One of the attractive travelling destinations at Jeli is Lata Janggut Waterfall. It is situated about 4 km from the Long River and Rual River junction and 7km from the Jeli town.

The tarmac roads from the Sungai Long junction provide easy access to Lata Janggut Waterfall. This scenic area, perfect for picnics and vacation was developed by Jeli District Office, an agency under the Ministry of Tourism Malaysia and Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Jeli District Council also played its role to manage the area by organizing communal work activities to clean the area.

Near Lata Janggut Waterfall is an Orang Asli village which is situated at Rual River and a primary school at Long River. The picturesque view of the fruit orchards and rubber estates along the way will fascinate passersby.

One of the pioneers of Kampung Janggut, Wan Minah Wan Hamat, 85, has a story about the waterfall in Lata Janggut. She claimed, "According to the oldfolks, when Malaya was occupied by the Japanese Lata Janggut was the residence of the famous Kelantan warrior, Tok Janggut.

Because the waterfall area was the place he spends his time in isolation, it was believed that the waterfall was named after him."

The amazing scenery of Lata Janggut is wonderful. It has charmed many eco-tourists from all over the world to appreciate its tranquillity and serenity. Lata Janggut becomes the attraction during weekends or holidays in which the silence is replaced by the sounds of happiness and joy. This indirectly boosts the economy of the locals as it creates business opportunities.

Although it is located quite far from the town, various facilities have been built, one of which is a safe swimming area, strategically located for all. However, one still needs to be very careful especially after the rain ceases as the water may flow robustly.



The very relaxing scenery with a fresh breeze to fill the air and crystal clear water of the 3-storeys Lata Janggut Waterfall will definitely make the visitors want to stay longer and will keep the first-time visitors amazed for long and long time.

SYNOPSIS

Located in a serene and beautiful location of Jeli, Lata Janggut has been dubbed as one of the most amazing waterfalls in Malaysia. The charming surrounding promotes the visits by the eco-tourists from all over the world. It is believed that this place was once the main residence of the famous Kelantan warrior, Tok Janggut. Jeli is now fast becoming an attractive travelling destination with many businesses blooming around the town.

The other facilities include toilets, wakaf, surau and pathways for jungle trekking activities. Jeli District Council, in collaboration with the Ministry of Tourism Malaysia has also provided camping areas and ample parking spaces for visitors.

Up above the waterfall lays the untouched tropical forest with huge unique, flat rocks. These flat rocks are perfect as resting spots or visitors may sit on them to munch foods after the swim.



JALA MAS - ISLAM BERIAS

Nekek moyang watan negeri Cik Siti Wan Kembang mendidik sahsiah anak negeri dengan memperkenalkan resepi kuih Jala Mas yang lemak manis berwarna gemilang bak sepuhan emas. Ia disediakan menggunakan 20 biji kuning telur itik yang dipukul sehati kemudian diisikan ke dalam kelongsong tirus bermuncung halus simbolik arca kesantunan wanita bangsawan negeri Serambi Mekah ini.

Adunan kelongsong berisi kuning telur yang sudah kembang bersepuh warna keemasan bauran kesumba kuning diurai ke dalam air 1kg gula yang mendidih dengan cara menekan kelongsong dan membiarkan ia keluar seperti tali-tali emas yang berjuraian. Didihan air gula berisi simpulan daun pandan menebarkan aroma yang menggamamkan itulah arca wangian iman selepas Islam sempurna diamalkan. Sesudah masak, juraian tali-temali emas yang sekali pandang seumpama jala itu pun diangkat dan ditos.

Oleh sebab ia kelihatan seperti jala, maka nama jala mas diasosiasikan dengan kuih yang sangat eksklusif dihidangkan terutama di majlis kera-



maian yang istimewa seperti sajian dalam upacara peminangan, perkahwinan atau santapan beradab mengikut tradisi kebudayaan Melayu bahari dan kontemporari, warna kuning keemasan dikhaskan bagi golongan raja-raja sahaja. Ini disebabkan cara pembuatannya yang cerewet dan hanya menggunakan kuning telur menyebabkan kos yang tinggi. Telur itik menjadi bahan utama dalam penyediaan resepi ini kerana ia mempunyai saiz kuning telur yang lebih besar berbanding telur ayam.

KUIH 3 BERADIK

MULUT MENYEBUT HATI MENTASHDIQ

Oleh Zanazanzaly

AKAL budi orang-orang Melayu-Islam zaman bahari sehingga kini memang bestari. Majas tersirat dan pengajaran tersurat amat dititik-berat dalam setiap tindak dan gerak hatta dalam penyediaan menu makanan harian atau hidangan majlis keramaian. Maka, bermulalah resepi kuih tiga beradik yang mentaukid perihal

rukun agama iaitu keyakinan hati (Iman), kepatuhan anggota lahir (Islam), keindahan akhlak dan ketinggian budi pekerti (Ihsan) yang saling kait-mengait di mana mulut menyebut serentak dengan kalbu mentashdiq yakni membenarkan sebutan lisan. Perhatikan bagaimana resepi kuih tiga beradik ini dihasilkan.



BUAH TANJUNG - IMAN MENGGUNUNG

sediakan sebiji mangkuk, masukkan telur dan sedikit tepung beras, percikkan sedikit kesumba kuning. Uli dengan tiga jari dan bentukkan seperti buah tanjung yang bundar di bawah, tirus di hujung. Didihkan pula 1kg gula pasir bersama dua cawan air, 2 helai daun pandan disimpul dan 5 kuntum bunga cengkih ditabur sebagai pembangkit aroma yang menggiur.

Sebagaimana resepi adik-beradik kembarnya Jala Mas, kuih Buah Tanjung juga dihasilkan dengan cara pukul 10 biji kuning telur itik hingga kembang, 2 helai daun pandan dan 5 kuntum bunga cengkih. Campur 100gm tepung beras dengan 50gm tepung pulut dan goreng tanpa minyak. Angkat dan sejukkan kemudian

Setelah kelihatan setengah pekat air gula wangi tadi, siramkan ke atas buah-buah tanjung yang berwarna kuning keemasan. Nah, lihatlah aura seri kemilau iman bergemerlapan apabila ia sempurna ditaukidkan simbolik daripada air gula yang telah pun meresap ke dalam jasad buah-buah tanjung. Angkat satu per satu buah-buah tanjung iman menggungung itu dan hidangkan dalam pinggan peradaban bangsa.



Islam sangat menekankan jimat-cermat justeru membazir itu amalan syaitan. Maka, untuk mengelakkan pembaziran baki putih telur itu digunakan pula untuk menyediakan sajian menu ketiga iaitu kuih Seri Itik yang popular di Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu. Ia merupakan sejenis kuih yang diperbuat menggunakan putih telur dan disira panas dalam air gula. Ia dibentuk bertemppek-temppek seperti sisa buangan itik, menurut cita rasa pembuatnya.

Lazimnya Seri Itik dibuat serentak dengan kuih Jala Mas atau Buah Tanjung kerana kedua-dua kuih tersebut menggunakan kuning telur, sementara Seri Itik menggunakan putih telur yang telah diasingkan daripada kuning telur. Selepas pengasingan, putih telur itu akan disira dengan cara dimasak bersama air gula pekat dengan dituang sedikit demi sedikit bagi menghasilkan bentuk akhir.

Normalnya, Seri Itik tidak dibentuk dalam acuan tertentu kerana ia berperanan sebagai kuih sampingan kepada penyediaan kuih lain. Ia juga tidak banyak dijual secara meluas kerana pembuatannya bergantung kepada ada atau tidak putih telur baki daripada penyediaan kuih Jala Mas atau Buah Tanjung.

Meskipun Seri Itik ini kurang diminati di kalangan golongan muda kerana rasanya yang terlalu manis dan dikatakan mempunyai kan-

dungan kolesterol tinggi yang boleh mendatangkan kesan kurang baik bagi kesihatan, namun ia tetap menjadi juadah persembahan sampingan bersama Jala Mas dan Buah Tanjung demi menggambarkan keseimbangan dalam amalan seharian yang dipercayai jika elok puncanya maka moleklah hasilnya.

Oleh itu, kesesuaian dan "kena pada gaya" menjadikan sesuatu yang biasa-biasa sahaja malah tidak disukai majoriti boleh bertukar kepada benda yang sangat luar biasa jika diberi sedikit sentuhan kreativiti dan suai-padanan yang signifikan dan relevan contohnya ketiga-tiga hidangan yang manis tadi amatlah menambat selera seandainya dijadikan pemanis mulut hidangan petang disajikan dengan air teh tawar untuk menyeimbangkan rasa sebagaimana keseimbangan amalan dan kepercayaan serta keyakinan kita terhadap tiga perkara tunjang aqidah iaitu Islam, iman dan ihsan.



PUSAT PERUBATAN AN-NISA'

Kini Bukan Untuk Wanita Sahaja

Pusat Perubatan An-Nisa' yang berpengalaman melebihi 15 tahun mengorak langkah lebih jauh dengan memperkenalkan perkhidmatan baru. Kini Pusat Perubatan An-Nisa' bukan sahaja dikhususkan kepada wanita dan kanak-kanak sahaja, malah seisi keluarga boleh mendapatkan rawatan di sini.

KLINIK PAKAR NEFROLOGI
PUSAT HEMODIALISIS
KLINIK PAKAR MATA
KLINIK PAKAR ENT (TELINGA, HIDUNG, TEKAK)
KLINIK PAKAR PEMBEDAHAN AM
KLINIK KESIHATAN KELUARGA DAN REPRODUKTIF
KLINIK SAKIT TUAN
KLINIK PAKAR SAKIT PUAN
KLINIK PAKAR KANAK-KANAK

"Hospital Mesra Ibadah"

Simpanan Tabung Mesra

Simpanan sebelum rawatan serendah RM 50

"Simpan dahulu, Senang Kemudian"



PUSAT PERUBATAN AN-NISA'
JALAN SULTAN IBRAHIM
15050 KOTA BHARU
KELANTAN
 TEL: 09 741 4444 FAKS : 09 741 4443
 EMAIL : info@annisa.com.my
 laman sesawang : www.annisa.com.my

BUDU

KUNITA SRI KEMAYANG



Oleh Nik Azman Nik Mustafa

BUDU sudah terlalu sinonim dengan rakyat Kelantan. Ia seumpama simbolisme bagi mengenali rakyat negeri Serambi Mekah. Kalau anda sedang menikmati hidangan di mana-mana restoran di Kuala Lumpur, kalau ada pelanggan yang membuat pesanan budu, sah dia anak Kelantan.

Itu pengenalan ringkas siapa yang berasal dari Kelantan. Namun, hari ini tidak semestinya mereka yang menempah budu di restoran, berasal dari Serambi Mekah. Kadang-kadang ada orang Perak, Johor, Melaka dan atau mana-mana negeri sudah boleh dicap sebagai pencandu budu.

Inilah satu-satunya produk berasal dari negeri Cik Siti Wan Kembang yang sudah tersebar ke merata penjuru alam. Lebih membanggakan lagi ada rakan-rakan menceritakan bahawa budu sudah menjadi hidangan biasa di Kaherah, London dan New York.

Tidak sukar mencari budu kalau di situ ada anak-anak Kelantan yang berhijrah. Kaherah atau mana-mana bandar di Mesir, perasa yang berwarna kelabu, agak kehitaman atau ada yang nampak kemerahan lebih mudah didapati kerana ramai anak Kelantan merantau di negara tersebut.

Tak sah, kalau persiapan barangan sebelum bertolak ke luar negara tidak dibekalkan dengan sedikit budu. Emaklah orang yang agak sibuk membungkus botol kecil mengandungi budu untuk dibawa kepada anak tersayang.

Tambahan pula sekarang tidak sukar lagi membawa budu merentasi sempadan negara kerana teknologi baru berjaya menghasilkan budu jenis serbuk.

Sebelum ini mereka yang mahu terbang ke negara asing terpaksa membungkus botol budu dengan agak rapi takut dikesan *scanner* Kastam atau unit keselamatan di *airport*. Namun sekarang tidak perlu lagi bersusah-payah.

Dapatkan paket-paket budu yang berbungkus cantik dan boleh disimpan dalam beg pakaian. Inilah kelebihan yang ada pada budu. Namun awas bagi anda yang mempunyai penyakit darah tinggi. Ingatlah, makan budu berlebihan boleh menyumbang kepada pening kepala. Darah mudah mendidih kerana budu.

Apa rahsianya? Budu bersifat masin kerana banyak garam. Budu dibuat daripada campuran ikan bilis, asam, gula dan paling penting garam. Bilis yang sudah dibersihkan direndam dalam tempayan. Campuran itu dibiarkan sebati dan ditutup di bahagian mulut tempayan. Tempayan dibiarkan begitu dalam tempoh yang lama. Lagi lama disimpan dalam tempayan, lagi enak budu yang akan terhasil.

Kamus Dewan mentakrifkan budu sebagai pekasam ikan. Budu merupakan makanan tradisional rakyat Kelantan yang mana sehingga kini masih menjadi menu utama dalam setiap hidangan. Tanpa budu, sesuatu hidangan dianggap tidak lengkap terutamanya apabila ada ulam-ulaman.

Budu mampu memecahkan selera seseorang, lebih-lebih lagi apabila ditambah dengan tempoyak, cili dan asam limau. Aromanya tambah menggiurkan. Hari ini budu bukan lagi dimonopoli oleh orang Kelantan, namun sudah sekian lama mendapat sambutan di luar Kelantan. Dengan kata lain sudah menjadi makanan orang Malaysia.

Kunita Sri Kemayang

Mengambil kira sambutan budu mendapat permintaan menggalakkan, sekumpulan wanita di Kampung Kemayang, Tawang, Bachok mengusahakan perusahaan membuat budu. Kumpulan wanita seramai 10 orang terdiri daripada suri rumah. Mereka dikenali dengan nama Kunita Sri Kemayang.

Hasil usaha mereka sejak lima tahun lalu berbaloi apabila terpilih memenangi Anugerah Kunita Jaya sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2011 pada September lalu. Semua ahli kumpulan tersebut tinggal sekampung dan mengusahakan perusahaan budu mentah sejak tahun 2006. Ketika peringkat awal berjinak dengan perusahaan itu, pasarannya agak terhad. Budu yang dikeluarkan hanya dipasarkan di sekitar jajahan Bachok sahaja.



Sebelum itu mereka merupakan ahli Persatuan Nelayan Pengkalan Petah. Pada peringkat awal mereka terlibat dengan perusahaan membuat kerepek ubi secara kecil-kecilan. Sesuai dengan keadaan setempat di penempatan perkampungan nelayan, memberi idea kepada ahli kumpulan wanita itu mencuba perusahaan yang lebih berdaya maju.

Membuat budu menjadi pilihan ahli kumpulan berkenaan memandangkan tidak ada masalah untuk mendapatkan bahan mentah. Bermula dengan modal pengkongsian ahli-ahli yang berjumlah RM4,100 mereka memulakan perusahaan membuat budu mentah secara kecil-kecilan.

Walaupun setiap ahli sudah mempunyai pekerjaan sendiri yang mampu menghasilkan pendapatan tetap, namun atas dasar mahu membuktikan keupayaan golongan wanita da-

JENAMA KELANTAN

lam bidang keusahawanan, mereka bekerjasama mengusahakan pengeluaran.

Pada tahun 2007, mereka memulakan langkah setapak lagi dengan mengusahakan pemprosesan budu botol di kawasan tapak kilang yang ada sekarang di kawasan seluas setengah ekar. Budu yang dikeluarkan kilang mereka dikenali dengan nama budu botol Cap Kapal.

Perusahaan tersebut turut mendapat bantuan permulaan sebanyak RM10,000 daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Apabila mendapati projek tersebut semakin menampakkan kemajuan, LKIM memberi peruntukan susulan sebanyak RM20,000 berupa barang-barang keperluan untuk pemprosesan budu botol.

Sehingga sekarang pemantauan masih dilakukan oleh LKIM

bagi memastikan projek ini berjalan lancar. Bercakap mengenai pasaran kata mereka, ia tidak sukar kerana ada inisiatif ahli kumpulan sendiri mencari pasaran untuk produk mereka. Persatuan Nelayan tempatan juga turut membantu memasarkan produk mereka ke kawasan lain melalui rangkaian Persatuan Nelayan.

Sehingga kini, selain pasaran tempatan di seluruh Kelantan, produk Kunita Sri Kemayang sudah menembusi pasaran di Kedah dan Kuala Lumpur. Kini mereka sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran produk bagi menembusi pasaran di negeri Terengganu dan Perak.

Menurut ketua Kunita Sri Kemayang, Maimon Abdullah, usaha untuk meluaskan lagi pasaran sedang giat dijalankan. Katanya, mereka mengintai ruang bagi meluaskan pasaran ke negeri-negeri lain dengan bantuan Persatuan-persatuan Nelayan.

"Walaupun sudah enam tahun menceburi bidang ini, namun beberapa usaha masih kami lakukan untuk memenuhi beberapa keperluan lain bagi meningkatkan pengeluaran produk dan pasaran".

"Bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang pengeluaran dan pemasaran, ahli-ahli sentiasa didedahkan dengan kursus-kursus kemahiran dari semasa ke semasa mengikut keperluan," katanya ketika ditemui di kilangnya baru-baru ini.

Maimon berkata, dari segi keselesaan persekitaran kilang, pihaknya bercadang membina pagar sebagai langkah keselamatan kilang.

"Manakala untuk meningkatkan pengeluaran produk, kami perlukan tapak yang lebih luas untuk menggaul bilis serta tong untuk memerap budu memandangkan tong yang sedia ada tidak lagi dapat menampung keperluan semasa," ujarnya.

Mereka juga merancang membeli van atau lori untuk memudahkan memasarkan sendiri produk terutamanya di kawasan-kawasan berhampiran. Kenderaan sendiri lebih menjimatkan kos berbanding dengan menyewa kenderaan orang lain seperti yang diamalkan sekarang.

Tanpa berselindung, Maimon menjelaskan hasrat untuk meningkatkan peluang-peluang perniagaan pada masa akan datang tidak pernah padam dalam hati setiap ahli Kunita Sri Kemayang.

Oleh itu, dalam masa terdekat mereka bercadang untuk cuba mengeluarkan produk baru seperti cuka dan keropok.

Usaha kumpulan wanita kampung untuk mengubah taraf hidup kini sudah menjadi kenyataan. Mereka mampu membuktikan bahawa kaum wanita juga mampu berjaya. Malah usaha yang mereka lakukan mampu mengatasi kaum lelaki di kampung tersebut.

Berdasarkan kepada pencapaian tersebut, Kunita Sri Kemayang berjaya membolot anugerah tempat ketiga Anugerah Desa Wawasan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2009 Agro-Pelancongan Desa Wawasan Nelayan-LKIM. Selain itu anugerah Kunita Jaya 2010 Sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2011 Peringkat Negeri Kelantan.

Hari ini pendapatan tahunan Kunita Sri Kemayang melalui hasil jualan budu adalah sebanyak RM 50,000 setahun. Ini satu kejayaan yang boleh dibanggakan dengan hanya menjual budu. Biar pun perusahaan mereka baru berusia enam tahun, namun usaha mereka sudah membuahkan hasilnya.

Kejayaan diraih adalah hasil sikap dan semangat setia kawan serta kerjasama yang erat di kalangan ahli-ahli Kunita Sri Kemayang. Mereka sentiasa memikirkan langkah untuk maju ke hadapan. Sememangnya wanita Kelantan mampu membuktikan keupayaan mereka.



ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD
21 - B, Tingkat 1, Bangunan Iktisad Jalan Dato' Pati
1500 Kota Bharu, Kelantan
E-mel: ashhar_travel@yahoo.com
23-1, Jalan Desa Pandan, 55100 Kuala Lumpur
E-mel: ashhartravel@gmail.com



CENDERAHATI PERCUMA DISEDIAKAN!!

Untuk Pertanyaan Lanjut, Sila Hubungi:
Tel (Pejabat KB): 09-743 7050
Tel (Pejabat KL): 03-9200 7050

PENERBANGAN TERUS @ TRANSIT

UMRAH CUTI SEKOLAH MAC / MEI dari **RM5690**

UMRAH BAJET dari **RM4990**

UMRAH FEBRUARI DENGAN PENERBANGAN EMIRATES

TARIKH	TEMPOH	HARGA DARI
22 FEB - 09 MAC	17H	RM 5690
26 FEB - 09 MAC	13H	RM 5550

26 FEB - 09 MAC dari **RM5990**

26 FEB - 09 MAC dari **RM5550**

HOTEL MAKKAH: | **HOTEL MADINAH:**
(Jarak : lebih kurang 350 - 450 meter) | (Jarak : lebih kurang 50 - 100 meter)

* Harga dan tarikh penerbangan tertakluk pada sebarang perubahan

www.ashhartravel.com

A Solitude in Paradise

RM88nett
WEEKDAY ONLY
with breakfast

SUDARA BEACH RESORT & SPA
Managed by PK Ecoresort Sdn Bhd (1030334)

Lot 128, Mukim Telong,
Jalan Tok Bali 16300, Kelantan
Tel: +6012 3190009, +609 7430320
Faks: +609 7478243
www.SudaraBeachResort.com

PROMOTION ROOM RATES 2012

Room Type:

Sea View	RM 170.00
Pool View	RM 150.00
Garden View	RM 125.00
Riverside	RM 150.00
Dorm	RM 230.00

Resort Facilities:

- * Air Conditioning Room
- * Swimming Pool
- * Ample Parking
- * Well Preserved Beach
- * Open Air Coffee House
- * Indoor & Outdoor Activities
- * Banquet & Meeting Room to cater from up to 1000 pax persons
- * Sudara Mosque
- * B' Dara, Hydrotherapy Wellness Spa

*All room rates are inclusive of 6% Government Tax.
*All room rates are inclusive of Breakfast for 2 persons except Dorm for 6 persons.
*Extra Bed @ RM 35.00 per bed (with breakfast)
*Surcharge @ RM 25.00 during Eve Off/School Holiday and Public Holiday

Kelantan

The Cradle of Malay Culture

SAMBUTAN TAHUN MELAWAT KELANTAN 2012
1 Jan

SESI KEMBARA TAHUN MELAWAT KELANTAN 2012
16 - 21 Jan

KELANTAN RIDE 2012
25 - 28 Jan

PERTANDINGAN AYAM SERAMA KEBANGSAAN
4 Feb

PERTANDINGAN AYAM SERAMA ASEAN
8 Sep

PELANCARAN TAHUN MELAWAT KELANTAN 2012
24 - 29 Feb

PESTA JORAN
9 Mac, 16 Jun, 8 Sep

PESTA PANTAI
16 Mac, 3 - 16 Jun, 6 - 10 Sep

PERTANDINGAN SENI SUARA BURUNG KETITIR ANTARABANGSA KELANTAN
7 Apr

KARNIVAL SENI BUDAYA & FESTIVAL BATIK, SONGKET DAN KRAF
27 - 30 Apr

PESTA WAU ANTARABANGSA KELANTAN
5 - 9 Jun

PESTA AIR ANTARABANGSA KELANTAN
29 Jun - 1 Jul

FESTIVAL MAKANAN & BUAH-BUAHAN ANTARABANGSA KELANTAN
1 - 3 Sep

FESTIVAL KEGEMILANGAN EMAS KELANTAN
22 - 24 Sep

ANUGERAH BINTANG SENI
6 - 9 Okt

PAMERAN & PERTANDINGAN FOTOGRAFI SERTA PAMERAN SENI LUKISAN KELANTAN
23 - 27 Nov

PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN NEGERI KELANTAN
Jalan Sultan Ibrahim, 15150 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-748 5534 / 09-748 3543 Fax: 09-748 6652
E-Mail: tic@kelantan.gov.my

facebook: <http://www.facebook.com/tic.kelantan>

Ombak Pelangi Guesthouse
Harga rumah: RM350/hari

Ombak Village Homestay
menyediakan kemudahan sewaan sebuah rumah dan juga bilik yang berkonsepkan "my home".
Harga rumah: RM300/hari
Harga bilik: RM30 - RM70/hari

Untuk Tempahan Hubungi:
Tel : 09-7413060/66
Faks : 09-7413061
E-mel : ombak.inn@gmail.com

facebook: <http://www.facebook.com/ombakinn.hotel>

Takaful Kifaalah Warga Emas

Penyampaian sumbangan di setiap DUN

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya



Biar pun negara sudah merdeka lebih 54 tahun, namun kehidupan rakyat tidak banyak berubah. Apa yang berubah hanya kampung menjadi bandar, dan bandar menjadi kota.

Namun bagi keluarga penduduk miskin mereka tetap kekal dengan kesusahan lama. Bagi yang tidak ada tanah sendiri terpaksa menumpang di penempatan setinggan. Agak bernasib baik kalau ada tanah tol yang dapat disewa secara tahunan dengan Pejabat Tanah dan Jajahan.

Tanpa pelajaran dan pendidikan, jarang sangat yang bernasib baik untuk hidup lebih senang, kecuali mewarisi banyak harta pusaka peninggalan ibu-bapa. Pakcik Meli dan keluarga yang tinggal di tanah tol di Kampung Banggol agak bernasib baik kerana ada sedikit ruang untuk mereka mendirikan rumah.

Namun siapa yang sudi mempedulikan kehidupan Pakcik Meli. Makan pagi kais pagi, makan petang kais petang, hanya mereka sekeluarga yang merasainya. Keadaan menjadi bertambah getir apabila tenaga beliau dan isteri sudah dimamah usia. Anaknya seramai lima orang bersesak-sesak di rumah yang semakin sempit buat mereka. Anak-anak Pakcik Meli tambah dewasa. Anaknya hanya sekadar meneruskan kerja ayah memernak lembu dan menanam jagung, sebagai punca rezeki bagi keperluan keluarga.

Belajar lebih tinggi memerlukan belanja, sedangkan keperluan harian pun seperti tidak tersedia. Tambahan pula Pakcik Meli dan isteri mengidap pelbagai penyakit. Bekalan ubat diperlukan setiap masa. Anaklah tempat mereka bergantung harap.

Namun, nasib baik masih menyebelahi mereka apabila kerajaan negeri di bawah kepimpinan ulama sentiasa mengambil berat bagi memastikan golongan yang tidak mampu dibantu sedaya mungkin. Bagi warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas didaftarkan di bawah Skim Takaful Kifaalah.

Sejak awal lagi mereka disenaraikan di bawah skim tersebut. Akhir tahun lepas, selepas agak lama terlantar sakit, Pakcik Meli dipanggil mengadap Ilahi. Debar anak untuk mengupah menggali kubur, menyediakan kain kapan, dan menghantar jenazah ayahnya ke tanah perkuburan terubat apabila wakil rakyat datang menghulurkan wang berjumlah RM500, manfaat daripada Skim Takaful Kifaalah milik arwah ayahnya.

Anak Meli tidak perlu bersusah-payah berhutang dengan jiran tetangga. Manakala RM1,000 lagi diterima beberapa bulan kemudian. Duit manfaat itulah yang digunakan oleh anak-anak Pakcik Meli untuk mengadakan kenduri tahlil sekali-sekala.

Kisah itu bukan sekadar omongan. Inilah realiti yang berlaku di Kelantan sekarang. Biar pun Kelantan adalah sebuah negeri yang dianggap miskin dan mempunyai sumber hasil yang agak terbatas, namun kebajikan untuk rakyat tidak dilupakan.

Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat mahu kesusahan kehidupan rakyat dikongsi bersama. Maka tercetuslah skim khusus untuk warga emas. Ia dikenali sebagai Skim Warga Emas Tengku Anis atau lebih dikenali sebagai Takaful Kifaalah.

Pelancarannya dibuat pada 19 Muharram 1428H bersamaan 7 Februari 2007. Pada peringkat awal ia dikendalikan di bawah Tabung Amanah Tok Kenali, namun sekarang ia diuruskan oleh Kifaalah Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat kepada agensi kerajaan negeri iaitu Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Peruntukan khas bagi mengendalikan program itu disediakan dalam belanjawan tahun 2007. Benarlah kata orang, Kelantan benar-benar sebuah wilayah berke-bajikan. Ia selaras dengan konsep "Membangun Bersama Islam".

Kifaalah dan Tabung Amanah Tok Kenali berganding bahu menggerakkan pendaftaran warga emas melalui 'Program Turun DUN' yang diadakan di seluruh jajahan.

Kelayakan peserta tidak mengambil kira status seseorang. Syaratnya mesti berusia 60 tahun dan ke atas. Kaum, agama, warna kulit dan ideologi politik tidak diambil kira. Semuanya layak asalkan rakyat negeri Serambi Mekah.

Sinergi paduan kerjasama dua agensi tersebut membuah kejayaan apabila pendaftaran warga emas mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Lebih-lebih lagi kerjasama erat daripada Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Undangan Negeri serta pimpinan di peringkat akar umbi.

Penglibatan penghulu, pegawai Unit Dakwah Halaqat, ahli Majlis Daerah dan jentera Majlis Tindakan DUN merencanakan lagi proses pendaftaran peserta. Manfaat yang diperolehi keluarga warga emas apabila berlaku kematian sebanyak RM1,500 di mana sumbangan awal RM500 disalurkan melalui wakil rakyat. Pengurusan skim berkenaan sebenarnya bukan mudah memandangkan bilangan peserta atau pencaerum sehingga 30 September 2011 adalah seramai 115,363 orang.

Kifaalah Sdn Bhd diketuai oleh Haji Abdul Shakur Sharrie dan dibantu oleh 11 orang kakitangan. Ketika ditemui baru-baru ini, beliau berkata, pihaknya sering turun padang bagi memastikan tiada warga emas yang tercicir. Aktiviti penerangan diadakan melalui Program Turun DUN dan majlis-majlis penyampaian cek Kifaalah. Pegawai dan kakitangan Kifaalah Sdn Bhd juga menyertai program Cakna Rakyat, Pemimpin Bersama Masyarakat atau Program Kifaalah Bersama DUN yang diadakan sepanjang tahun.

Kini setelah enam tahun skim berkebakikan itu dilaksanakan, ada negeri lain juga mengikut jejak langkah Kelantan. Abdul Shakur berkata, program berkebakikan tersebut sudah melebar ke negeri-negeri Pakatan Rakyat selepas Pilihan Raya Umum 2008.

Model yang dilaksanakan di Kelantan menjadi ikutan mereka, cuma diberi nama yang berbeza. Di Selangor dikenali sebagai Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan di Kedah dinamakan Skim Kafalah Kedah, manakala di Pulau

Pinang dikenali sebagai Program Penghargaan Warga Emas (PPWE).

Untuk pembahagian fasa pertama sumbangan yang telah dikeluarkan oleh Kifaalah adalah sebanyak RM1,452,000 yang melibatkan 45 DUN. Cek tersebut telah diserahkan pada 8 Ogos 2011 iaitu semasa Majlis Iftar Jama'ie PMBK 1432H di masjid Kota Darulnaim.

Manakala sumbangan untuk fasa kedua pula adalah sebanyak RM 1,763,000. Cek telah diserahkan kepada wakil DUN mulai 1 hingga 3 November 2011 yang diambil di syarikat Kifaalah Sdn Bhd. Jumlah cek wasi yang telah diserahkan sehingga bulan November adalah sebanyak RM 3,215,000.

Kifaalah Sdn Bhd terus mengorak langkah. Usahanya tidak terhenti setakat mengendalikan takaful warga emas sahaja. Sekarang menawarkan pelbagai perkhidmatan bertekankan Takaful dan perancangan kewangan Islam yang holistik. Kifaalah Sdn Bhd juga menawarkan skim perlindungan Takaful Am, Takaful Keluarga dan produk kewangan Islam. Syarikat milik kerajaan negeri itu juga merupakan agensi korporat Takaful Malaysia dan Takaful Ikhlas.

Lebih membanggakan lagi menjelang Ramadhan 1432H, Kifaalah Sdn Bhd melancarkan Skim Kafaalah Khairatul Ummah untuk peserta berusia antara 18 hingga 65 tahun. Selain itu Skim Takaful Khas untuk kakitangan kerajaan dikenali sebagai Skim Kafaalah Takaful Ikhwan.

5393-E , Taman Hilal, Jalan Telipot, Kota Bharu, Kelantan

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian: 09-7476336
Fax: 09-7476226 atau email:**

khidmat@kifaalah.com.my

website:

http://www.kifaalah.com.my/

STATISTIK TAKAFUL KIFAALAH

1. Jumlah pampasan yang telah dibayar Kifaalah Sdn Bhd kepada wasi sehingga 30 September 2011.

PERKARA	JUMLAH KESELURUHAN (KES KEMATIAN)	SUDAH BAYAR (KES KEMATIAN)	JUMLAH PAMPASAN (RM)	JUMLAH BAYARAN (RM)
POLISI 1	5194	5194	2,500.00	12,985,000.00
POLISI 2	5253	5208	2,500.00	13,020,000.00
POLISI 3	4680	4502	1,500.00	6,753,000.00
POLISI 4	4468	1214	1,500.00	1,821,000.00
POLISI 5	1845	0	1,500.00	-
JUMLAH	21440	16119		34,579,000.00

STATISTIK TAKAFUL KIFAALAH

2. Pencarum Takaful Kifaalah Warga Emas sehingga 30 September 2011 seramai 115,363 orang.

3. Statistik jumlah tuntutan kematian bagi peserta Takaful Kifaalah Warga Emas yang telah dibayar dan belum dibayar oleh pihak Kifaalah Sdn Bhd mengikut DUN.

KOD	NAMA DUN	TUNTUTAN WASI		JUMLAH KESELURUHAN
		SUDAH BAYAR (BIL)	BELUM BAYAR (BIL)	
N01	PENKALAN KUBOR	363	163	526
N02	KELABORAN	479	187	666
N03	PASIR PEKAN	482	240	722
N04	WAKAF BHARU	472	130	602
N05	KIJANG	406	140	546
N06	CHEMPAKA	382	160	542
N07	PANCHOR	332	114	446
N08	TANJONG MAS	367	123	490
N09	KOTA LAMA	358	100	458
N10	BUNUT PAYONG	325	103	428
N11	TENDONG	457	150	607
N12	PENKALAN PASIR	460	139	599
N13	CHETOK	468	180	648
N14	MERANTI	344	154	498
N15	GUAL PERIOK	359	107	466
N16	BUKIT TUKU	329	63	392
N17	SALOR	442	170	612
N18	PASIR TUMBOH	302	60	362
N19	DEMIT	532	184	716
N20	TAWANG	454	105	559
N21	PERUPOK	460	171	631
N22	JELAWAT	459	135	594
N23	MELOR	417	146	563
N24	KADOK	369	135	504
N25	KOK LANAS	335	143	478
N26	BUKIT PANAU	436	191	627
N27	GUAL IPOH	360	138	498
N28	KEMAHANG	249	49	298
N29	SELISING	394	116	510
N30	LIMBONGAN	486	177	663
N31	SEMERAK	326	97	423
N32	GAAL	383	109	492
N33	PULAI CHONDONG	404	105	509
N34	TEMANGAN	368	161	529
N35	KEMUNING	377	113	490
N36	BUKIT BUNGA	304	62	366
N37	AYER LANAS	237	44	281
N38	KUALA BALAH	213	59	272
N39	MENGKEBANG	348	115	463
N40	GUCHIL	281	117	398
N41	MANEK URAI	254	71	325
N42	DABONG	210	41	251
N43	NENGGIRI	95	24	119
N44	PALOH	98	19	117
N45	GALAS	142	12	154
JUMLAH KESELURUHAN		16118	5322	21440



Melor



Gua Musang



Machang



Pengkalan Kubor



Wakaf Bharu

TOURISM MALAYSIA

Pakej Umrah
Tiket Penerbangan
Pelancongan Dalam Negara
Pelancongan Luar Negara
Penginapan Hotel

No. Tel Hotel: 09-747 8989
Faks Hotel: 09-747 7666
Tel. Bimbit: 013-923 7000

al Quds TRAVEL SDN BHD

Wisma Al Quds, 650, Jln Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim
Tel: 09-747 9999 Faks: 09-747 5105
Tel. bimbit: 013-339 9000
Laman Web: <http://alquds.com.my>

Peta ke Al Quds Travel

North is RED in the Shed

AirAsia
Now Everyone Can Fly

AirAsia Travel Service Centre. Kini Dibuka...





PROF. MADYA DATO' DR. MOHAMMAD AGUS YUSOFF

Oleh Nazri Abdullah

Ketua Program Sains Politik
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

QIADAH: Assalamualaikum Dato'. Pertama sekali warga QIADAH mengucapkan tahniah kepada Dato' di atas penganugerahan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (Al-Ibrahimi II) (D.P.S.K) oleh Sultan Kelantan baru-baru ini.

Boleh Dato' kongsi sedikit latar belakang Dato' kepada pembaca QIADAH?

Dato' Dr Mohammad Agus: Saya dilahirkan di Machang, Kelantan. Pada awalnya saya menerima pendidikan rendah dan menengah di Sekolah Hamzah, Machang sehingga tamat tingkatan lima. Selepas itu saya menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan diterima masuk ke Universiti Malaya. Setelah tamat pengajian Ijazah pertama di Universiti Malaya, saya melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Ph.D di University of Manchester, England dalam bidang Sains Politik atas tajaan JPA dan UKM.

Dalam kerjaya saya sebagai pensyarah, saya

telah menulis puluhan buku dan artikel ilmiah dalam bidang Sains Politik dan telah membentangkan kertas kerja di ratusan seminar antarabangsa dan tempatan. Dalam konteks antarabangsa, saya telah membentangkan hasil kajian saya di 31 buah negara iaitu Kanada, China, England, Jerman, Sepanyol, Jepun, India, Mauritius, Australia, Turki, Itali, Amerika Syarikat, Taiwan, New Zealand, Hong Kong, Netherlands, Korea Selatan, Chile, Costa Rica, Mexico, Indonesia, Thailand, Singapura, Laos, Brunei, Afrika Selatan, Argentina, Bhutan, Ghana dan Portugal. Insya-Allah, jika tiada aral saya juga akan ke Jamaica, Rusia dan Sweden untuk membentangkan kertas dalam persidangan di negara berkenaan.

Saya juga banyak memberikan komentar politik dalam media tempatan dan luar negara, sering juga menulis dalam akhbar dan majalah tempatan, di samping banyak terlibat dalam memberi ceramah motivasi dan kemasyarakatan. Sekarang ini saya memegang jawatan sebagai Ketua Program Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Q: Bagaimana pula dengan keluarga Dato'?

Dato': Saya berkahwin dan mempunyai empat orang cahaya mata. Dua orang anak saya masih lagi belajar di Sekolah Menengah Jalan Empat, Bandar Baru Bangi dan dua orang lagi sedang mengikuti kursus Perubatan di luar negara.

Isteri saya juga adalah seorang pendidik dan kami sudah lama berpindah ke Kuala Lumpur. Saya ke KL sejak tahun 1979 lagi, manakala isteri saya sejak memasuki universiti pada tahun 1983. Biarpun kami sudah menetap di Bandar Baru Bangi, namun kami selalu balik ke Kota Bharu melawat ibu dan keluarga. Kedua-dua ayah kami telah lama pergi mengadap Ilahi.

Q: Tema QIADAH untuk edisi kali ini ialah 'Negeri Berkebijakan'. Pada pandangan Dato', apa yang dimaksudkan dengan Negeri/negara Berkebijakan?

Dato': Negara Berkebijakan ini tidak boleh kita samakan dengan definisi *welfare state* seperti di negara-negara Barat. Misalnya, *welfare state* di England merujuk kepada bantuan kerajaan kepada rakyat. Misalnya, jika rakyatnya tidak bekerja, maka kerajaan memberikan pelbagai bantuan hidup kepada rakyatnya seperti bantuan pengangguran, makanan, perumahan, susu anak dan lain-lain. Itu negara kebajikan dalam konteks Barat. Akibatnya kerajaan terpaksa mengenakan cukai yang tinggi kepada rakyatnya. Akibatnya juga rakyat menjadi malas dan tidak produktif.



INSPIRASI KELANTAN



Q: Jadi apa maksud sebenar "Negara Berkebijakan" dalam konteks kita di Malaysia ini Dato'?

Dato': Pertamanya kita kena bezakan negara kebajikan dengan negara berkebijakan. Di Barat apa yang mereka amalkan ialah negara kebajikan. Seperti yang saya katakan tadi, negara kebajikan di Barat menyebabkan kerajaan mengenakan cukai yang tinggi kepada rakyat mereka untuk membolehkan kerajaan mempunyai wang bagi membiayai kos kebajikan yang diberikan kepada rakyatnya yang tidak bekerja dan menghadapi kesulitan hidup.

Kita di sini, kalau kerajaan buat konsep negara kebajikan seperti di Barat dengan memotong gaji untuk mengambil cukai pendapatan, saya pasti rakyat marah. Sebab itu, negara kebajikan dalam konteks Malaysia tidak sesuai kerana kerajaan tidak boleh kutip cukai yang banyak daripada rakyat. Jika kerajaan buat begitu, pasti ramai rakyat yang merungut. Justeru itulah kita di sini tidak bercakap tentang negara kebajikan, tetapi tentang negara berkebijakan.

Q: Apa maksudnya?

Dato': Negara berkebijakan ini membawa maksud kerajaan mengambil berat kesejahteraan hidup rakyatnya dari segi untuk memastikan rakyat dapat memenuhi keperluan asas seperti makanan, perumahan, kesihatan dan juga pendidikan. Inilah negara berkebijakan iaitu kerajaan menjaga kesempurnaan asas yang diperlukan oleh rakyat.

Negara berkebijakan ini tidak hanya tertakluk kepada kerajaan negeri sahaja, tetapi juga kepada kerajaan Pusat. Saya fikir semua kerajaan baik negeri atau Pusat berperanan dan bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan rakyat ini.

Kalau kita hendak juga negara kebajikan sebagaimana di Barat, maka mesti bersedia untuk kerajaan mencukaikan rakyat. Apakah kita bersedia?. Kerajaan kata kita nak buat GST (Goods and Services Tax) pun, sudah ramai yang bangkang. Jika begitu bagaimana kita hendak melaksanakan negara kebajikan? Dalam konteks itulah, saya fikir kita tidak perlukan negara kebajikan seperti itu. Kita kekalkan sistem yang kita ada kerana itu cara kita. Cuma yang mustahak pada hemat saya ialah kita kena menjadikan negara kita sebagai *workfare state*.



Q: Apa pula maksud *workfare state* itu Dato'?

Dato': *Workfare state* ini ialah keadaan kerajaan menggalakkan rakyat bekerja, tidak meletakkan cukai yang tinggi kepada rakyat, dan kerajaan hanya mengenakan cukai kepada mereka yang mempunyai pendapatan yang tinggi sahaja.

Bagi rakyat yang mempunyai pendapatan sedikit dan memerlukan bantuan kerajaan pula, kerajaan akan bantu untuk menampung keperluan hidup mereka.

Inilah negara *workfare state*, iaitu menggalakkan rakyat bekerja dan bagi rakyat miskin yang mempunyai pendapatan yang sedikit kerajaan bantu untuk meringankan beban mereka. Itu tentunya lebih baik daripada kita menggalakkan rakyat hidup malas.



Q: Sebagai anak Kelantan, pada pemerhatian Dato', apakah konsep Negeri Berkebijakan ini ada pada kerajaan Kelantan hari ini?

Dato': Pertamanya, saya ingin tegaskan bahawa semua kerajaan yang memerintah, baik kerajaan Kelantan mahupun Pusat mengamalkan konsep negara berkebijakan. Itu tanggungjawab moral kerajaan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Dalam konteks politik Malaysia, kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan masing-masing menjaga kebajikan rakyat, cuma mekanisme penjagaan itu sahaja yang berbeza.

Kerajaan Kelantan menonjolkan imej menjaga kebajikan rakyat itu dengan cara menonjolkan imej bersih sebagai kerajaan yang bebas rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Dan hal ini mudah dilakukan kerana kepimpinan Tok Guru memang bersih dan ini meletakkan kerajaan Kelantan itu lain daripada yang lain. Sedangkan bagi kerajaan Pusat pula, menonjolkan imej bersih dari kaca mata rakyat itu sukar kerana banyak contoh yang boleh diberi. Inilah kehebatan kerajaan PAS Kelantan *framing* isu-isu yang ada.

Bukannya saya hendak katakan kerajaan Kelantan itu tidak ada kelemahan. Kelemahan memang ada. Misalnya dalam isu air, memang airnya keluar perlahan, airnya kotor jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, tetapi itu tidak menjadi isu besar bagi rakyat Kelantan.

Mengapa demikian? Ini kerana kerajaan Kelantan ada satu tiang besar dan kukuh yang sukar digoncang, iaitu kepimpinan Tok Guru dan ketelusan pentadbiran sehingga rakyat faham kerajaan negeri tidak boleh menyediakan prasarana yang baik kerana tidak ada wang disebabkan oleh tiada bantuan dari kerajaan Pusat.



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Q: Pada hemat Dato', apakah kekangan yang ada pada Kelantan untuk terus memperluaskan amalan Negara Berkebijakan kepada rakyat negeri itu?

Dato': Bagi saya kekangannya ialah Kelantan tidak mempunyai hasil wang yang banyak dan tidak ada bantuan sepatutnya dari kerajaan Pusat kerana kerajaan Kelantan diperintah oleh parti yang berbeza dengan kerajaan di peringkat Pusat. Saya fikir kalau kerajaan Pusat membantu kerajaan negeri seperti mana ia membantu negeri-negeri lain tanpa sebarang unsur diskriminasi, Kelantan akan dapat menjadi contoh negeri berkebijakan yang lebih baik dari negeri-negeri lain.

Dalam keadaan tertekan seperti sekarang ini pun Kelantan sukar digugat oleh kerajaan Pusat dari segi sokongan rakyat kepadanya. Kenapa? Ini kerana kerajaan Kelantan mempunyai darjah integriti, ketelusan dan kejujuran politik yang tinggi.

Q: Andai kata suatu hari nanti Dato' diberi peluang mentadbir Kelantan, apa yang akan Dato' lakukan untuk menjadikan Kelantan sebuah negeri berkebijakan?

Dato': Saya akan tingkatkan ekonomi rakyat dan tingkatkan pendapatan negeri. Saya akan pastikan supaya rakyat Kelantan mempunyai tapak untuk buat rumah, saya akan menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan Pusat, dan saya akan menarik pelabur datang ke Kelantan.



Prof. Madya Dato' Dr Mohd Agus Yusoff bersama Prof. Dr. H. Mukhtar, M.Pd (Rektor IAIN STS Jambi)

QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

INSPIRASI KELANTAN

Persoalan yang kita perlu tanya ialah bagaimana kita nak tingkatkan ekonomi negeri? Saya akan giatkan promosi *ecotourism* di Kelantan, meningkatkan aktiviti pelancongan di sepanjang pinggir sungai Kelantan, membangunkan tempat sejarah seperti tempat Tok Janggut digantung atau tempat Cik Siti Wan Kembang di Bukit Marak. Pada hemat saya itu mudah dibuat.

Selain itu, saya akan bangunkan tanah pertanian kepada industri dan perumahan, bangunkan industri perikanan untuk kesejahteraan hidup nelayan, kilang simen, kilang gelatin halal, kilang kayu, kilang perabot dan banyak lagi (ketawa).

Ini boleh dilakukan kerana Kelantan kaya dengan sumber alam dan juga modal insan. Malaysia ini pun banyak bergantung kepada sumber modal insan dari Kelantan. Begitulah!

Q: Terima kasih Dato' kerana sudi menjadi tetamu QIADAH untuk kali ini dan sudi berkongsi pandangan dengan pembaca QIADAH. Semoga kita berpeluang untuk bertemu lagi di lain masa.

KIFAALAH SDN BHD: Bukti Kelantan Negeri Berkebijakan

Kifaalah Agensi Pengendali Skim Takaful Kifaalah Warga Emas

Firman Allah SWT," Maksudnya, "Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda, yang mana Allah telah menjadikan kamu sebagai wakil dalam menguasai dan menguruskannya. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu, serta membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah), mereka tetap beroleh pahala yang besar." (Surah al-Hadid, ayat 7).

Skim Takaful Kifaalah Warga Emas yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Kifaalah Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah memasuki tahun kelima pelaksanaannya semenjak ia dilaksanakan sejak tahun 2007.

Program Skim Takaful Kifaalah Warga Emas ini yang telah dilancarkan pada 19 Muharram 1428H bersamaan 7 Februari 2007 merupakan cetusan idea daripada Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar sendiri sejajar dengan peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan Sejahtera 2007 oleh kerajaan

negeri. Ianya menjadi mercu tanda kejayaan Bajet 2007 dan nukilan kelangsungan program berkebijakan Kerajaan Negeri Kelantan dengan konsep "Membangun Bersama Islam".

Hasilnya, Kifaalah Sdn Bhd ditubuhkan untuk mengendalikan program ini dengan tapak operasinya di pejabat Tabung Amanah Tok Kenali. Kifaalah dan Tabung Amanah Tok Kenali saling berganding bahu menggerakkan pendaftaran warga emas dengan "Program Turun DUN" dengan memacu pendaftaran yang agresif dan taklimat ke seluruh pelusuk negeri.

Sinergi paduan kerjasama dua agensi ini mengorak kejayaan Program Takaful Kifaalah Warga Emas di peringkat awal bersama gandingan ampuh dan erat dari Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) beserta pimpinan akar umbi di DUN iaitu para penghulu, pegawai halaqat dan jentera Majlis Tindakan DUN masing-masing di seluruh negeri.



Oleh Jabatan Pemasaran, Kifaalah Sdn Bhd

Kini, kebanggaan program ini merupakan lambang kejayaan program Kelantan Negeri Berkebijakan, dimana lebih 80 peratus warga Emas di Kelantan telah mendaftar dengan sejumlah 115,133 peserta sehingga 31 Ogos 2011.

Jumlah yang telah dibayar melebihi RM42 juta dengan memanfaatkan 21,087 wasi yang telah menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri melalui Kifaalah.

Sebahagian peserta termasuk peserta bukan Islam memilih untuk menyalurkan sumbangan yang diterima untuk dikhairatkan sebagai amal jariah mereka dengan diderma atau diinfakkan kepada Badan Amal & Kebajikan, NGO, masjid, institusi Tahfiz dan lain-lain.

Cetusan idea Tuan Guru Menteri Besar melalui program ini telah melebar ke negeri Pakatan Rakyat selepas Pilihan Raya Umum 2008 di mana program seumpamanya telah dilaksanakan di Selangor, Kedah dan Pulau Pinang. Ianya merupakan di antara ratusan perubahan yang telah dilaksanakan bagi meneguhkan agenda negeri berkebijakan di Kelantan sejak 21 tahun yang lalu berasaskan pentadbiran Membangun Bersama Islam.

Semua rakyat Kelantan dan pemastautin yang menjadi pengundi di Kelantan layak menyertai skim ini termasuk anak Kelantan di perantauan yang terus setia berduyun-duyun untuk pulang ke kampung halaman dalam menunaikan tanggungjawab semasa pilihan raya.

Manfaat yang diperolehi oleh ahli keluarga warga emas sekiranya berlaku kematian ialah sebanyak RM 1,500, di mana sumbangan awal RM500 disalurkan oleh ADUN sama ada di hari kematian atau tempoh terdekat berdasarkan pengurusan di pihak pejabat ADUN/Wakil Rakyat.

Pendaftaran dijalankan secara berterusan sepanjang tahun yang digerakkan melalui penghulu dan pejabat Pusat Khidmat Masyarakat ADUN / Wakil Rakyat atau pendaftaran terus melalui pejabat Kifaalah.

Dalam menggerakkan operasinya, Kifaalah berkembang dan memacu operasinya dalam menawarkan pelbagai perkhidmatan berteraskan Takaful dan perancangan kewangan Islam yang holistik. Kini selain daripada Skim Takaful Kifaalah Warga Emas, Kifaalah Sdn Bhd juga menawarkan skim perlindungan Takaful Am, Takaful Keluarga dan produk kewangan Islam yang lain. Kifaalah Sdn Bhd juga merupakan agensi korporat Takaful Malaysia dan Takaful Ikhlas.

Apapun, sumbangan wang ringgit ini bukanlah harga sebenar kepada suatu kematian. Cuma ia suatu kaedah



pendekatan berkebijakan Kerajaan Kepimpinan Ulama yang meletakkan dasar "Membangun Bersama Islam" yang amat prihatin dalam aspek kebajikan rakyat. Ia sebagai bukti Kelantan adalah negeri berkebijakan.

Kifaalah Sdn Bhd: Agensi Perancangan Kewangan dan Takaful Kerajaan Negeri

Skim Takaful Khairatul Ummah

Menyentuh konsep takaful iaitu "Golongan ramai yang bernasib baik membantu golongan yang tidak bernasib baik". Ia adalah satu konsep yang telah diiktiraf oleh Islam dan dalam konteks operasi takaful pula, setiap peserta yang ingin mendapatkan perlindungan tersebut mestilah hadir dengan niat yang ikhlas ketika menyumbang (At-Tabarru'at).

Kini Kifaalah Sdn Bhd bukan sahaja mengendalikan Skim khas untuk warga emas tetapi juga telah memperkenalkan Skim Takaful Khairatul Ummah yang disediakan khas untuk rakyat negeri Kelantan yang berumur 18 hingga 59 tahun.



Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa masih terdapat lagi rakyat yang belum mempunyai perlindungan takaful khususnya khairat kematian, oleh yang demikian dengan sedikit bayaran serendah RM30 rakyat negeri Kelantan kini boleh mencarum dengan skim terbaru yang dikelolakan oleh Kifaalah Sdn Bhd dengan mendapat manfaat Khairat Kematian sebanyak RM 3,000 dan Badal Haji.



Dengan pengenalan konsep ini bermakna seluruh rakyat dalam negeri Kelantan kini mempunyai perlindungan yang akan dimanfaatkan oleh waris sekiranya peserta meninggal dunia, disamping boleh membantu waris dalam ekonomi keluarga, si mati juga mendapat manfaat apabila Kifaalah akan menguruskan badal haji si mati.

Salah satu matlamat pelaksanaan perlindungan berbentuk badal haji yang diperkenalkan adalah untuk merealisasikan kesempurnaan rukun Islam bagi semua rakyat di bawah pimpinan Tuan Guru Menteri Besar Kelantan. Maka dengan ini, Kifaalah bertanggungjawab menyempurnakannya dengan melantik secara khusus syarikat-syarikat urusan haji bagi melaksanakan upah haji kepada si mati.



Kini, konsep kebajikan yang dicanangkan oleh kerajaan negeri telah lengkap dengan pengenalan skim terbaru ini. Kerajaan Negeri boleh berbangga dengan pelbagai konsep kebajikan yang dilaksanakan termasuk dari segi perancangan kewangan yang berlandaskan Islam.

Agensi Kerajaan Negeri turut amalkan konsep Berkebakjikan

Jika merujuk kepada pengalaman Negeri Kelantan yang telah ditadbir selama 21 tahun berpandukan dasar Membangun Bersama Islam, maka boleh dikatakan Negeri Kelantan adalah mini model untuk Negara



Berkebakjikan yang wujud masa kini.

Meskipun berlaku kekangan kewangan dan hak royalti petroleum dinafikan, namun sedaya upaya pelbagai dasar yang mesra syariat dan memberikan kebajikan kepada rakyat Kelantan telah berjaya dilaksanakan.

Di Kelantan, telah diperkenalkan Skim kebajikan berpandukan syara' telah diperkenalkan di Kelantan seperti Pinjaman Perumahan, Kenderaan dan Komputer tanpa dikenakan sebarang faedah.

Konsep berkebakjikan ini turut dirasai oleh agensi Kerajaan Negeri seperti :

- Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan anak anak syarikat,
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
- Urusetia-urusetia Kerajaan Negeri
- Agensi Kerajaan Negeri berkaitan

Di mana keseluruhan agensi kerajaan yang bernaung di bawah kerajaan negeri kini perlu memiliki perlindungan Takaful yang diurus selia oleh Kifaalah Sdn Bhd yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan negeri sebagai perunding takaful. Perlindungan bagi kesemua aset yang dimiliki oleh agensi kerajaan termasuk :

- Perlindungan Takaful motor bagi kenderaan
- Perlindungan Takaful kebakaran bagi bangunan kediaman
- Perlindungan Takaful tanggungan awam bagi kawasan naungan agensi berkaitan.

Namun ianya bukan khas untuk aset sahaja, tetapi meliputi keseluruhan kakitangan agensi kerajaan negeri yang kini merasai konsep kebajikan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Hampir keseluruhan kakitangan agensi kerajaan negeri kini menikmati perlindungan Takaful dari segi:

- Skim Takaful Hospital dan Pembedahan
- Skim Takaful Khairat Kematian
- Skim Takaful Kemalangan Diri

Seandainya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini kepada kakitangan berkenaan, waris atau keluarga kakitangan berkenaan akan terbela dengan skim-skim yang telah pun dimiliki oleh kakitangan agensi kerajaan negeri yang mana ianya ditanggung penuh oleh agensi yang berkaitan.

Selain daripada memberi manfaat kepada kakitangan kerajaan negeri dan waris kakitangan, rakyat Kelantan turut sama menikmati manfaatnya. Sumbangan takaful yang dicarum oleh agensi kerajaan negeri Kelantan juga menjadi dana yang disalurkan kepada perjalanan Program Skim Takaful Kifaalah Warga Emas Negeri Kelantan.

Kesemua agensi kerajaan negeri Kelantan yang mendapatkan perkhidmatan takaful melalui Kifaalah Sdn Bhd telah melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada seluruh rakyat Kelantan. Ia jelas membuktikan konsep negeri berkebakjikan yang diwar-warkan selama ini dilaksanakan dengan jayanya di Negeri Kelantan.

Apa yang penting kita kembali kepada asas mentadbir negeri dengan adil dan menunaikan hak rakyat. Seperti firman Allah SWT: **"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebajikan serta menunaikan hak kaum kerabatnya dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya"**. (Surah An-Nahl: ayat 90)

Dan sabda Nabi SAW pula, bermaksud, "Barang siapa yang ada kelebihan tanggungan, maka hendaklah membantu yang tiada dan barang siapa yang mempunyai bekalan lebih, maka hendaklah membantu yang tidak punya bekal".



FARIS ILHAM NIAGA

AR-RAHN
Sistem Gadaian Syariah



PERMODALAN KELANTAN BERHAD
Kerjasama dengan

KOPERASI PERMODALAN KELANTAN BERHAD (D-5-0228)
(Program Francais)

KOPERASI RAKYAT KELANTAN BERHAD (D-4-0527)
(Program Usahasama)

KEANGGOTAAN DAN PELABURAN KINI DIBUKA

"Dan Rakyat Kepada Rakyat"

www.krk.com.my | Koperasi Rakyat Kelantan Krkb | LOT PT 448, TINGKAT 2, JALAN KUALA KRAI BATU 3, WAKAF CHE YEH 15150 KOTA BHARU KELANTAN
09-741 4332 / 743 2281 | 09-743 2280

MAJAARI SERVICES
ماجاري سروييس سنديرين برحد
MAJAARI SERVICES SDN BHD
SYARIKAT PENGURUSAN PEMBETUNGAN NEGERI KELANTAN

Lot 188A, Seksyen 21, Jalan Tengku Ismail Off Jalan Telipot,
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-743 0055 Faks: 09-747 2223
E-mel: majaari@kumh.com.my

SUDAHKAH ANDA MENGOSONGKAN TANGKI SEPTIK DI PREMIS ANDA?

- ▶ **Perkhidmatan** Pengosongan Tangki Septik
- ▶ **Perkhidmatan** Membersihkan Sumbatan
- ▶ **Perkhidmatan** Penyelenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Awam dan Persendirian

TALIAN PENGGUNA
09-747 0005



Akaun Simpanan-i
Hadiah-hadiah melebihi
RM100,000
setiap tahun untuk dimenangi!

Simpan RM10 je boleh menang? Iyee.. tunggu ape lagi!



Kontrak	Mudharabah
Jenis Akaun	• Kanak-Kanak - Untuk pendeposit yang berumur 13 tahun ke bawah. Anak tersebut akan menjadi pemegang utama. • Remaja - Untuk pendeposit yang berusia di antara 13 hingga 18 tahun. • Pendeposit berusia 15 tahun ke atas layak untuk memohon Kad Debit-i.
Minimum Deposit Permulaan	RM10.00
Nisbah Kadar Keuntungan	98 (Bank) : 2 (Pelanggan)
Kekerapan Undian	Bulanan
Kelayakan Undian	• 30 hari dari tarikh akhir kelayakan undian. • Setiap RM10 mewakili 1 unit
Pertukaran Status	Setelah pelanggan mencapai usia 18 tahun, sistem secara automatik akan menukarkan Akaun Simpanan-i Al-Awfar Junior ke Akaun Simpanan-i Al-Awfar

09-747 9313
www.bankislam.com.my

BANK ISLAM

B.INGGERIS & PROGRAM MUSIM CUTI



TUITION PROGRAMME	COMPUTER COURSE
TUITION: ENGLISH & MATHS STANDARD 1 - 6 & FORM 1 - 3 TIME: 9.00 AM - 12.30 PM DAY: FRI - SAT	✓ MS WORD ✓ MS EXCEL ✓ MS P.POINT ✓ TYPING & WORD PROCESSING
ENGLISH COURSE FOR SCHOOL LEAVERS	BOOK KEEPING & ACCOUNTS
✓ SPEAKING ✓ WRITING ✓ LISTENING ✓ READING DURATION: 2 MONTHS CERTIFICATION FROM: UNITED KINGDOM (UK)	MORNING DAY: SUN - WED TIME: 10.00 AM - 12.30 PM
MORNING/EVENING CLASS	NIGHT DAY: MON & WED TIME: 7.30 PM - 9.30 PM
DAY: SUN-WED TIME: 9.00 AM - 11.00 AM 11.00 AM - 1.00PM 2.00 PM - 4.00 PM FEE: RM 200 PER MONTH	PRINSIP AKAUN (TING 4 & 5) DAY: SUN - WED TIME: 3.00 PM - 5.30 PM
NIGHT CLASS	SPEAKING MANDARIN COURSE (ADULTS)
DAY: MON & WED TIME: 8.00 PM - 9.30 PM FEE: RM 100 PER MONTH	MORNING/NIGHT/ WEEKEND

SEKOLAH PERDAGANGAN DIAN
4262-S, TINGKAT 2, JLN KEBUN SULTAN, 15350 KOTA BHARU, KELANTAN
(KT 0189782-K) TEL : 09-747 4233/231 FAX : 09-747 4230

KPKB
كوموقوان قرانين كلانتن برحد
KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (No. 342122-U)
Lot 1809, Bangunan KPKB, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
Tel : 09-7474353 / 09-7444351 Faks : 09-7485787 Email : kpkb@streamyx.com Web : www.kpkb.com.my / www.kpkb.biz

"Bertani Satu Ibadat"
Anak Syarikat :-

KPKB LIVESTOCK SDN BHD	MMSB MURNI MARKETING SDN. BHD.
 - Menyediakan pusat jualan lembu untuk tujuan akikah, korban dan kenduri. - Menjual makanan ternakan berkualiti dan murah. Hubungi : 012-9222965 (En. Hakimi)	 Hubungi : 019-9614716 (En. Rosmadi)
DAMAI DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD.	
- Meneruskan pembangunan ladang rakyat dengan konsep baru - Ladang Gaharu. - Beragit dalam pembangunan pertanian bersepadu. - Meneroka bidang perusahaan ternakan walit. - Menjalankan bisnes landkap dan yang berkaitan nursery. Hubungi : 012-9082181 (En. Hassan)	



PMBK SAWIT SDN. BHD.
فمبرك ساويت سنديرين برحد
Peneraju industri peladangan di Negeri Kelantan

Firman Allah S.W.T:
...Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi mataair -mataair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanam-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanam-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna...

(Az -Zumar : ayat 21)

PENGURUS BESAR: Hj. Fauzi Mohamad	IBU PEJABAT: Tingkat 1, PT7813, Taman Mesra, Jalan Persiaran Jaya, 18300 Gua Musang, Kelantan TEL: 09-912 0710 FAKS: 09-912 0711	PEJABAT KORPORAT: Tingkat 1, Jalan Kota Darulnaim, 15100 Kota Bharu, Kelantan TEL: 09-747 1908 FAKS: 09-746 1908
---	--	--

Majlis Perasmian Pembukaan Butik Kesihatan & Kecantikan Nutrifera

Oleh Mohd Ezani Idris



MENYERLAHKAN KECANTIKAN SEMULAJADI. Nutrifera yakin dan percaya semua orang lahir dengan kecantikan semulajadi yang tersendiri. Namun begitu, seringkali kecantikan semulajadi ini dirosakkan tanpa sedar oleh kosmetik dan produk penjagaan diri yang mengandungi bahan kimia berbahaya, atau bahan yang diragui status pemrosesannya.

Kecantikan semulajadi memerlukan kita menjaga dan mengurus anugerah asal ciptaan Ilahi. Penjagaan diri sebegini bermula dari kesihatan dalaman seterusnya kepada pengurusan kecantikan semulajadi mengikut *nature* dan menggunakan segala intipati kandungan alam yang penuh manfaat ini.

Dengan adanya Butik Kesihatan & Kecantikan Nutrifera yang pertama di Lot A111 & A112 Bazar Tok Guru, ia bakal menjadi pusat jualan produk Nutrifera dan khidmat pelanggan kepada para pedagang serta pengguna.



Upacara memotong riben sebagai simbolik pembukaan cawangan pertama Butik Nutrifera telah

disempurnakan oleh Datin Bentara Setia Hjh Tuan Sabariah Tuan Ishak. Majlis ini telah diadakan pada 12 Syawal 1432H bersamaan 10 September 2011 di mercu tanda pusat perniagaan baru iaitu Bazar Tok Guru, Kota Bharu.

Di antara jemputan yang turut hadir ialah isteri kepada Dato' Paduka Hj Husam Musa, isteri kepada Ketua Pegawai Operasi PMBK dan Zamakhshari Muhamad, Pengarah Eksekutif Nutrifera Marketing merangkap Pengurus Besar, Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB).

Penghasilan produk Nutrifera bermula sekitar tahun 2007-2008 secara pembuatan tangan (hand made) menerusi penyelidikan yang dijalankan oleh KBCSB. Jenama Nutrifera diperkenalkan dan dipasarkan di program jualan dan acara khas di sekitar Kelantan pada mulanya.

Seterusnya, Nutrifera mengorak langkah dengan menjalankan kerjasama kontrak pengeluaran (contract manufacturing) dengan kilang-kilang berdaftar untuk penghasilan produk-produk berasaskan Minyak Kelapa Dara (Virgin Coconut Oil - VCO).

Bermula pada tahun 2010, produk Nutrifera dikilangkan di kilang milik penuh KBCSB yang terletak di Machang. Produk Nutrifera mula di edarkan kepada ejen-ejen jualan di dalam dan di luar Kelantan, dan Nutrifera semakin giat aktif menyertai program jualan dan promosi untuk memperkenalkan jenamanya di seluruh Malaysia.

Kini pada tahun 2011, Nutrifera maju selangkah lagi dengan memperkenalkan beberapa produk baru di samping meningkatkan p e m b u n g k u s a n (packaging) produk.



Datin Bentara Setia mencuba Beauty Analyzer

Nutrifera juga telah banyak terlibat dalam program keusahawanan dan perniagaan dengan masyarakat. Antara aktiviti berkait rapat ialah kerjasama dengan Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan Negeri Kelantan (UPWKK).

Selain itu juga, Nutrifera merintis program rakan niaga di kampus-kampus melalui para siswa yang berminat dalam perniagaan produk-produk penjagaan diri sebegini. Dengan modal serendah RM50, Nutrifera membekalkan produk dan servis untuk para rakan niaga di kampus. Dan sehingga kini usahawan-usahawan siswa Nutrifera berada di hampir semua IPTA dan IPTS seluruh Malaysia untuk memperkukuhkan jenama dan penggunaan produk meliputi kumpulan yang telah disasarkan.

Seterusnya, pihak Nutrifera sentiasa mengalu-alukan sebarang undangan untuk kerjasama dalam pembangunan dan pemasaran produk serta program niaga dan keusahawanan bersama mana-mana pihak mahupun organisasi yang berminat dalam bidang kesihatan dan penjagaan diri.

Sehingga hari ini, rangkaian produk Nutrifera merangkumi 3 kategori iaitu Penjagaan Kesihatan, Penjagaan Rambut dan Penjagaan Kulit. Kesemua 10 produk sudah bertapak di pasaran Kelantan dan sedang mengorak langkah untuk menjadi siulan pengguna di luar Kelantan.

Dua produk terbaru diperkenalkan buat pertama kalinya kepada para pelanggan yang sentiasa menyokong Nutrifera di Butik Kesihatan & Kecantikan sempena majlis perasmian dan sebagai penghargaan buat para pengguna setia Nutrifera, tawaran foto-



ngan harga istimewa serendah 30 peratus bagi setiap produk diberikan. Selain itu juga, Nutrifera menawarkan pakej untuk ejen jualan baru serendah RM100 sahaja.

Majlis perasmian tersebut disudahi dengan jamuan ringkas untuk semua tetamu dan warga Bazar Tok Guru.



Butik Nutrifera di Bazar Tok Guru



Penyampaian cenderahati oleh Ketua Pegawai Operasi PMBK

SAMBUTAN HARI RAYA PMBK 2011

Oleh Jabatan Komunikasi Korporat

Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan yang dirayakan oleh umat Islam di seluruh dunia tidak kira bangsa sama ada Melayu, India, Cina dan lain-lain bangsa di seluruh dunia yang beragama Islam bagi menandakan berakhirnya bulan Ramadhan yang mana umat Islam telah menjalani ibadat puasa dengan tekun selama sebulan.

Dikeempatan ini, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) mengambil peluang mengadakan rumah terbuka atau 'pejabat terbuka' bagi meraikan kakitangan PMBK dan Kumpulan.

Penuh kesederhanaan. Itulah yang diterapkan oleh PMBK ketika mengadakan sambutan majlis Hari Raya Aidilfitri pada 28 Syawal 1432H bersamaan 26 September 2011 lalu. Majlis hari raya disambut dengan begitu sederhana pada tahun ini berseesuaian dengan firman Allah dalam Surah al-Furqan, ayat 67:

"Dan mereka yang apabila membelanjakan harta mereka tidak melampaui batas (tidak boros) dan tidak pula bakhil, tetapi (sebaliknya) perbelanjaan mereka dalam keadaan betul dan sederhana antara kedua-dua cara (boros dan kedekut)".

Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud: "Allah memberikan rahmat kepada seseorang yang berusaha mencari harta dengan jalan yang halal dan membelanjakannya dengan cara sederhana dan berhemat dan menabung kelebihannya untuk hari susah dan hajatnya." Riwayat al-Ibn an-Najjar.

Majlis tersebut diadakan dengan cukup sederhana di mana lebih kurang 200 orang hadir yang melibatkan kakitangan dari anak-anak syarikat dan Bank Muamalat yang dijemput. Di antara menu pada hari tersebut ialah nasi Bukhari, sate, soto, lontong, dan pelbagai pencuci mulut. Tidak dilupakan ketupat, lemang dan tapai yang menjadi hidangan rutin pada hari raya.

Dengan adanya majlis seumpama ini, ia dapat mengeratkan lagi silaturahim yang sedia terjalin dikalangan kakitangan disamping meraikan hari raya Aidilfitri bersama-sama. Semangat kekitaan dapat diterap dan dipupuk dikalangan warga PMBK dan Kumpulan.



Oleh Jabatan Komunikasi Korporat

Program Hari Keluarga PMBK 2011 telah bermula pada hari Khamis, 8 Disember 2011 di Tok Aman Bali Beach Resort di mana PMBK merupakan organisasi pertama yang mengadakan Hari Keluarga di resort ini. Para kakitangan dan keluarga telah mula tiba di resort seawal jam 3 petang. Keindahan resort yang bercirikan senibina Bali dan suasana pantai yang dijalinkan dengan suara deruan ombak amat mendamaikan. Kepenatan kami bekerja terasa hilang ditiup angin pantai yang kadangkala tenang tetapi terkadang agak kencang di tengah-tengah musim tengkujuh sekarang ini.

Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini telah dihadiri hampir 200 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Pengurus-pengurus anak syarikat, serta keluarga masing-masing.

Sempena dengan bulan Muharram, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK mencadangkan agar diadakan acara membuat bubur asyura. Para kakitangan telah bergotong-royong bagi menjayakan program ini yang telah bermula dengan persiapan awal bagi menyediakan rempah-ratus dan bahan-bahan yang diperlukan untuk memasak bubur asyura pada malam sebelumnya sehingga lewat malam.

Setelah usai mengerjakan solat Subuh berjemaah, kebanyakan para peserta muslimin telah bersiap sedia untuk memulakan acara memasak bubur asyura. Hampir pukul 9.00 pagi, kami sama-sama menuju ke lokasi memasak bubur Asyura dan bermulalah acara memasak yang diketuai oleh Azamam Hassan dan penjagaannya adalah secara bergilir-gilir.

Aktiviti wajib untuk Hari Keluarga iaitu sukaneka juga telah diadakan pada hari Jumaat, 9 Disember 2011. Pertandingan untuk golongan dewasa ialah acara berjalan di atas bata manakala bagi kanak-kanak ialah *Musical Chair* dan tiup belon sampai pecah.

Setelah hampir tengahari, tetamu yang sangat dinanti iaitu Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi PMBK telah tiba. Tok Guru terus singgah di tempat memasak bubur asyura dan meluangkan sedikit masa mengacau bubur tersebut. Selepas itu beliau berehat sebentar kemudian bersiap sedia untuk menunaikan solat Jumaat di masjid berhampiran di Kampung Dalam Rhu, Semerak.

Ketika ini, kaum muslimat mengambil alih tugas kaum muslimin mengacau asyura yang telah pekat dan sememangnya ia pengalaman yang manis buat kami semua terutama sekali generasi muda yang tidak



biasa dengan bubur asyura.

Setelah kaum muslimin selesai menunaikan solat Jumaat, para peserta berkumpul di dewan makan bagi menikmati jamuan makan tengahari bersama dengan Tok Guru. Peluang sebegini sememangnya tidak dilepaskan oleh para peserta yang hadir. Suasana nyaman kawasan resort tambah berseri dengan kehadiran para peserta program yang memakai baju hijau sempena tema Hari Keluarga PMBK pada tahun ini.

Dalam ucapan perasmian beliau, Tok Guru melahirkan rasa penghargaan kepada pemilik resort tersebut yang sama-sama berusaha membangunkan negeri Kelantan dalam industri pelancongan. Paluan gong sebanyak tiga kali oleh Tok Guru menandakan telah sempurnanya majlis perasmian Hari Keluarga PMBK pada tahun ini. Para peserta meneruskan makan tengahari sebelum bersurai menuju ke lokasi memasak asyura, kemudiannya meneruskan acara sukaneka untuk kanak-kanak. Dua acara dipertandingkan iaitu cari gula-gula dalam tepung dan isi air dalam botol.

Setelah semua acara sukaneka selesai dijalankan, para peserta telah mengambil peluang untuk menunaikan solat Asar secara berjemaah dengan Tok Guru yang turut disertai tazkirah ringkas. Selepas itu, Tok Guru terus menuju ke lobi untuk sesi bergambar bersama para peserta program Hari Keluarga PMBK 2011. Setelah semuanya selesai, Tok Guru berangkat

pulang bagi menunaikan tanggungjawab yang lain pula. Yang pasti, kehadiran beliau memberi seribu makna buat kami semua.

Tepat jam 8.30 malam, para peserta berkumpul di dewan makan bagi menikmati makan malam dan *barbeque*. Pelbagai hidangan disajikan termasuklah makanan laut yang tampak begitu segar. Acara malam ini tambah lebih ceria apabila majlis penyampaian hadiah kepada pemenang sukaneka dijalankan, dan acara cabutan bertuah lebih menggamatkan suasana apabila masing-masing berharap akan menjadi peserta bertuah pada malam ini. Pelbagai hadiah menarik ditawarkan kepada para peserta yang bertuah. Yang pasti, keceriaan jelas terpancar pada wajah peserta-peserta yang bertuah.

Pada keesokan harinya, tiada aktiviti yang disusun bagi membolehkan para kakitangan untuk meluangkan masa bersama keluarga masing-masing. Sementara kanak-kanak sedang 'ralit' bermandi-manda di kolam renang, golongan bapa mempunyai cara tersendiri untuk berhibur iaitu dengan mengadakan perlawanan polo air sesama mereka. Hilai tawa kanak-kanak disulami dengan deraian ketawa para bapa cukup menggambarkan kemeriahan Hari Keluarga pada kali ini. Kenangan indah telah terakam bersama kami di sepanjang program ini berlangsung untuk dibawa pulang.



MAJLIS PERASMIAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN AWAM, PERUMAHAN JPN PADANG TEMBAK, PENKALAN CHEPA DAN HARI BERSAMA PELANGGAN

Oleh Pauzi Mohamed
Foto Ahmad Nai'me Muhammad



Tarikh 9 Oktober 2011 merupakan titik bersejarah di mana buat julung kalinya fungsi loji ini bermula setelah dibaikpulih, dinaiktaraf dan dirasmikan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan.

Maka, bermulalah lembaran baru sistem pembetungan di negeri Kelantan yang lebih moden dan mematuhi piawaian yang ditetapkan. Majlis tersebut telah dihadiri oleh ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Dewan Rakyat, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, wakil Indah Water Konsortium (IWK), wakil SPAN, Pegawai-pegawai kerajaan dan penduduk-penduduk kawasan sekitarnya dengan anggaran 300 orang.

Menurut Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan, aspek penjagaan kebersihan merupakan salah satu aspek yang sangat dititikberatkan oleh Allah SWT. Bahkan menjadi syarat untuk menjadi seorang mukmin yang diiktiraf oleh Allah SWT agar menjadi seorang yang suci dari segi zahir dan batin. Batin disucikan dengan zikir, taubat, munajat serta istighfar manakala zahir disucikan dengan segala peraturan bersuci yang ditetapkan oleh Islam termasuklah bersuci, berwuduk, mandi hadas dan sebagainya. Apabila seorang mukmin itu suci zahir dan batin, ia layak untuk termasuk di dalam golongan yang dicintai oleh Allah SWT.

Menurut beliau lagi, kerja-kerja melaksanakan pembetungan dan menyelia kumbahan awam adalah merupakan salah satu daripada agenda untuk menjaga kebersihan. Jika seorang individu muslim diwajibkan untuk bersih, demikian juga negeri atau negara juga perlu bersih, alam semesta dan suasana sekitar juga disyaratkan untuk bersih agar menepati piawaian seorang Muslim seperti yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Jika dahulu, isu pembetungan dan kumbahan awam tidak timbul memandangkan bilangan manusia yang kecil. Manusia membuang air besar di luar kawasan kediaman tanpa sebarang pembetungan dan kumbahan seperti hari ini. Bagaimanapun, ia mula menjadi persoalan apabila bilangan manusia semakin bertambah. Di Malaysia, sistem pembetungan hanya wujud pada sekitar tahun 1950-an dan hanya terdapat di bandar-bandar besar, manakala di kampung-kampung pula kaedah lama



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE



dan tradisional masih lagi digunakan sehingga akhir tahun 1970-an.

Melalui tinjauan yang dilakukan semasa perasmian tersebut, didapati tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat di negeri ini amat rendah yang mana tidak tahu apa itu loji kumbahan atau sistem pembetungan yang sistematik.

Kebanyakannya menganggap loji kumbahan itu adalah hanya dalam bentuk kolam najis dan berbau busuk. Mereka sama sekali tidak menyangka bahawa sistem pembetungan sekarang ini mempunyai satu cara yang lebih sistematik yang diproses secara mekanikal sepenuhnya berbanding cara konvensional.

Program ini juga dapat mewujudkan kesedaran kepada seluruh penduduk negeri ini bahawa pembetungan perlu diambil berat dan sedikit kos perlu dikeluarkan bagi menikmati pengurusan pembetungan yang moden, terancang dan efisien.



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Adalah diharapkan dengan pembukaan loji rawatan kumbahan ini yang telah dibaik pulih dan dinaiktaraf nanti dapat memberi banyak manfaat terutama sekali kepada rakyat di Negeri Kelantan serta membantu memelihara dan memulihara alam sekitar khususnya sumber air kita. Ia merupakan titik permulaan kepada tranformasi pembangunan pembetungan dan pengurusan yang lebih sistematik.

Loji rawatan kumbahan awam yang siap tersebut boleh menjadi contoh atau model bagi pemaju, perunding dan pihak-pihak berkenaan di negeri Kelantan yang sebelum ini kurang mengambil berat tentang keperluan utiliti asas ini.

Di samping itu juga diharapkan agar seluruh masyarakat khususnya pengguna dapat menikmati perkhidmatan yang lebih baik agar bersama-sama menyokong sebarang usaha perancangan atau pembangunan pembetungan di negeri Kelantan.

Berikut adalah loji-loji yang sedang dibaikpulih dan dinaiktaraf:

1. Taman Desa Kemumin, Pengkalan Chepa
2. Taman Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh
3. Perumahan JPN, Padang Tembak, Pengkalan Chepa
4. Taman Kurnia Jaya, Pengkalan Chepa
5. Perumahan Taman Bendahara, Pengkalan Chepa
6. Kasjaria, Bandar Baru Kubang Kerian
7. Taman Tanjung Chat
8. Flat Buluh Kubu, Kota Bharu
9. Rumah Kedai Buluh Kubu, Kota Bharu



Sehari di PANTAI SURI

Oleh Jabatan Komunikasi Korporat

Walaupun kepenatan bekerja seharian di pejabat, ia bukanlah penghalang kepada kakitangan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) untuk turun padang menyelami kehidupan penduduk kampung. Kunjungan lebih kurang 100 orang kakitangan PMBK dan Kumpulan serta Kelab Muslimat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (CEMPAKA) ke Pantai Suri, Tumpat

baru-baru ini sedikit sebanyak dapat membantu kerajaan negeri menyebarkan maklumat terus kepada rakyat. Rombongan ini turut disertai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dan Persatuan Perubatan Islam Ibnu Sina Cawangan Kelantan (PAPISMA).



Persiapan sebelum berangkat

Menikmati sarapan di Pangkalan Kok Majid

Tiba di jeti Pantai Suri



Tiba di Pantai Suri

Penduduk kampung 'bekwoh' menyiapkan hidangan

Mengecat surau

Ikuti rentetan perjalanan kami disepanjang program ini...

8.00 pagi: Kami berkumpul di perkarangan PMBK bagi mendengar taklimat sebelum berangkat ke pangkalan Kok Majid. Alatan dan perkakas yang diperlukan dibawa bersama dengan semangat kerjasama antara peserta rombongan.

9.00 pagi: Kami tiba di Pangkalan Kok Majid dan menikmati sarapan nasi bungkus yang disediakan oleh Setiausaha DUN dan Penghulu Kampung Pantai Suri.

10.00 pagi: Rombongan kami yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Ir Hj Mustafa Salleh tiba di Pantai Suri. Kami disambut oleh penduduk kampung dengan penuh keceriaan dan diiringi pembawa bunga manggar. Turut hadir ialah isteri Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datin Siti Zubaidah Hamid dan Ketua Pegawai Operasi

PMBK, Sanusi Hj Othman.

10.30 pagi: Acara gotong-royong 'sembelih lembu' yang disumbangkan oleh PMBK sedang dijalankan oleh penduduk kampung dan dibantu oleh peserta program yang terdiri daripada kakitangan PMBK dan Kumpulan serta ahli CEMPAKA. Ziarah ke rumah penduduk kampung yang terlibat juga diadakan.

11.00 pagi: Peserta muslimin bekerjasama membersihkan dan mengecat semula surau yang kelihatan sedikit uzur.

1.00 petang: Peserta muslimin bersiap untuk ke masjid Mukim Teluk Rajuna bagi menunaikan Solat Jumaat yang diimamkan sendiri oleh Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan yang juga merupakan ADUN Pasir Pekan, Dato' Ahmad Yakob. Memang menjadi

rutin penduduk kampung Pantai Suri menunaikan Solat Jumaat di kampung berhampiran kerana ketiadaan masjid yang sesuai untuk Solat Jumaat. Peserta perlu menaiki bot untuk ke masjid tersebut.

2.00 petang: Acara jamuan rakyat diadakan setelah kaum muslimin pulang dari menunaikan Solat Jumaat. Para peserta dan penduduk kampung seakan-akan 'bekwoh' pada petang tersebut.

2.30 petang: Beberapa acara berlangsung serentak pada petang ini memandangkan masa yang agak singkat:

1) Ceramah kesihatan dan kecantikan wanita dijalankan oleh Nutrifera Marketing yang dibawakan khas oleh Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd iaitu salah satu anak syarikat PMBK.

2) Demontrasi membuat sejenis makanan ringan iaitu kerepek gulung dan kerepek lipat telah diadakan oleh penduduk kampung bagi memberi pendedahan kepada peserta rombongan tentang proses membuat kerepek tersebut.

3) Pertandingan mewarna bagi kanak-kanak telah dijalankan oleh salah satu anak syarikat PMBK iaitu Darul Digital Multimedia Solution Sdn Bhd yang merupakan syarikat pelopor industri multimedia di negeri ini.

4) Acara kemuncak ialah Sukan Rakyat iaitu per-



Ucapan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK

Ziarah mahabbah ke rumah penduduk kampung

Pemberian sumbangan

Pertandingan mewarna



Demo membuat kerepek

Pertandingan sepak raga bulatan

Pertandingan beruk panjat pokok kelapa

Pertandingan 'tolak tali'

Walaupun kepenatan, keceriaan jelas terpancar di wajah setiap peserta program. Pihak PMBK mengucapkan ribuan terima kasih kepada para kakitangan yang turut sama menyertai program ini termasuk kakitangan daripada Tunjong Development Corporation Sdn Bhd, Kifaalah Sdn Bhd, Air Kelantan Sdn Bhd, Darul Digital Multimedia Solution Sdn Bhd, Majaari

Services Sdn Bhd, PMBK Sawit Sdn Bhd, Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd dan Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd. Semoga dengan adanya program seumpama ini, ia dapat membantu kerajaan negeri mengenali dan mendekati penduduk setempat dengan lebih mesra.

AKTIVITI PMBK

tandingan sepak takraw bulatan dijalankan bagi golongan dewasa, disusuli pula pertandingan beruk panjat pokok kelapa yang diketuai oleh pemilik haiwan istimewa tersebut. Selepas itu pertandingan 'tolak tali' antara peserta dan penduduk tempatan.

4.00 petang: Sejumlah RM2500 telah disumbangkan oleh Ketua Pegawai Operasi PMBK dan pengurus-pengurus PMBK kepada warga emas dan golongan armalah sebagai menghargai mereka yang telah sama-sama meraikan rombongan sehari PMBK itu.

4.15 petang: Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Operasi PMBK termasuk kipas sebagai sumbangan kepada surau tersebut. Para pemenang berterima kasih kepada pihak PMBK dengan pemberian saguhati tersebut dan disusuli dengan acara cabutan bertuah.


4.45 petang: Ucapan penutup telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi PMBK. Beliau melahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada penduduk kampung yang telah memberikan kerjasama yang padu sehingga program ini berlangsung dengan jayanya.

5.00 petang: Kami bertolak pulang dengan menaiki bot yang mengambil masa 25 minit perjalanan untuk sampai ke Pangkalan Kok Majid.

TEROWONG MASA

Time Tunnel

Dulu...



Pejabat dan Balai Polis Kelantan bertempat di tepi sungai Kelantan (di kawasan Jabatan Kastam dan Eksais D'Raja). Gambar diambil pada tahun 1905.

The Police Station and Headquarters located near the Kelantan riverbank (near Royal Customs and Exsais Department)

Kini...



Jabatan Kastam dan Eksais D'Raja yang dibina di atas tapak Pejabat & Balai Polis Kelantan.

The Royal Customs and Exsais Department built on the exact location of Kelantan Police Station and Headquarters.

KELANTAN ENCYCLOPEDIA

Beng (Van, Lorry, Ice/Cold)

Refers to van/lorry/small truck with open pick up beds used as light transportation or motor vehicles (usually covered) used to carry sick patients from/to hospitals. Also refers to cold beverages with ice. Pronounced 'baynk'.



Bedil (Pistol)

Refers to a handgun with a chamber that is integral with the barrel, shot using one hand. It is available in different sizes and types according to usage. It is mostly used by law enforcement officers. Pronounced 'bur-day'.



Blanar (A Lot)

Refers to a big quantity of things, the double rhyme for blanar is blanar kokna which means, a lot. Pronounced 'bla-nar'.

Belengah (Sticky)

The sticky and clammy feelings when something like glue, sugar syrup etc touches your skin. Pronounced 'bur- lur-ngah'.

Ghohok (Hard)

A complicated or hard situation to do something. Pronounced 'ghoar-hawk'.

Gubak (Last place)

Last or final place during a competition or test. Pronounced 'goo-bark'.

Kore nyor (Coconut Grater)

A special machine used to grate the flesh of the coconut from the shell. Pronounced 'core-ghare- nyor'.



Jo ong (Cloudy)

A cloudy (due to dark cloud) or shady (due to clouds covering the sun) weather showing signs of rain. Pronounced 'joe-own'.



Jughuh (Polite/Decent)

Honest, polite, sincere, decent, respectful to the elderly. Pronounced 'joo-ghuh'.

Kloghek (Stingy)

Unwilling to spend or give, refuse to donate or use any money. Pronounced 'claw-ghek'.

Kelaghing (Smudgy/Smearly)

The stain on our skin or clothes caused by liquids like glue or mucus that are already dried up. Pronounced 'cur-la-ghing'.



Gegey (Noisy)

Making loud or constant noise from speaking, actions, machineries etc, affecting the ears. Pronounced 'gae-gae'.

Nyakyor (Sympathise)

Expressing grief and compassion towards others' hardships. Pronounced 'nyark-nyor'.

Plakar (Thunderstorm/Lightning)

Thunder is a loud, explosive, resounding noise produced by the explosive expansion of air heated by a lightning discharge. Lightning is a brilliant electric spark discharge in the atmosphere, occurring within a thundercloud, between clouds or between cloud and the ground. Pronounced 'pla-car'.



Soyok (Tear/Snag/Ragged)

To pull apart or in pieces by force, especially so as to leave ragged or irregular edges. Refers to clothes, paper, plastic and other thin items. Pronounced 'soar-york'.



Sadak (Sickle)

A sickle is a hand-held agricultural tool with a variously curved blade typically used for harvesting grain crops or cutting succulent forages chiefly for livestock feeding purposes, either in fresh green state or as hay. The diversity of sickles that have been used around the globe is staggering. Between the dawn of the Iron Age and present, hundreds of region-specific variants of this basic forage-cutting tool were forged of iron, later steel. Pronounced 'sar-duck'.



Tebolah (Clumsy)

Awkward in movement or action; without skill or grace. Pronounced 'ter-boar-lah'.

Tohor (Shallow)

Not deep (level of river, pond, sea etc - refers to liquid level). Pronounced 'tore-hoar'.



Siya (Healed)

To make healthy, whole, or sound; restore to health; free from ailment. Pronounced 'see-ya'.

Puyey (Season)

One of the periods of the year, beginning astronomically at an equinox or solstice but geographically at different dates in different climates. Also refers to fruit season, drought and monsoon season in Malaysia / Kelantan. Pronounced 'poo-yea'.



Lecoh (Squelchy/Sloppy)

Muddy and very wet. Splashed or soiled with liquid. Pronounced 'lur-coh'.

NEGERI BERKEBAJIKAN

Tok, apakah makna "Negeri Berkebajikan"?

Makna Negeri Berkebajikan ialah negeri yang melaksanakan segala tanggungjawab sosial kepada rakyat.

Amin faham?

Tak berapa sangat la Tok, boleh Tok jelaskan apa pelaksanaan konsep itu?

Tabung Serambi Mekah
Untuk kegunaan membantu rakyat yang mendapat kesusahan terutama ditimpa bencana. Selain itu memberi peluang orang ramai menyumbang melalui tabung tersebut sebagai sedekah untuk diagihkan kepada yang sangat memerlukan.

Skim Takaful Kifaalah
Merupakan skim khairat kematian di mana warga emas Kelantan yang berusia 60 tahun layak untuk diberikan sumbangan RM500 pada hari kematian untuk perbelanjaan menguruskan jenazah, baki RM1000 akan diberikan kemudian hari.

Gerbang Az-Ziwaaj
Merupakan bantuan kepada pasangan yang kurang berkemampuan untuk berkahwin dan berpendapatan kurang dari RM700, akan menerima sumbangan RM1000 melalui skim ini.

Rumah Dhuafat
Membantu rakyat yang termiskin yang tidak mampu memiliki rumah.

Skim Al-It'am
Beras percuma 10kg bagi setiap keluarga miskin tegar setiap bulan dengan bajet kerajaan negeri yang bernilai RM 1.5 juta.

Ladang Rakyat
Membantu dan meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengeluarkan dari garis kemiskinan melalui sektor perladangan, selain itu bagi mengurangkan penerokaan tanah secara haram.

Kini kerajaan negeri Kelantan sedang giat memperkasakan aktiviti berbentuk kebajikan kepada rakyat bagi merealisasikan negeri Kelantan sebagai Negeri Berkebajikan.

Alhamdulillah!



PERUMAHAN **WADI IMAN** FASA II
MUKIM MAHANG WEST, DAERAH KOK LANAS



- * Berdekatan dengan Kolej Komuniti dan Politeknik cawangan Kok Lanas
- * Kemudahan awam tersedia ada seperti sekolah dan kedai-kedai
- * Menawarkan rekabentuk moden dan luas

10% DISKAUN UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI

Wiam

RUMAH TERES SETINGKAT

dari **RM 115,000**
hingga **RM 157,000**

Baki **12 unit** SAHAJA



Dzurroh

RUMAH TERES 2 TING. (JENIS A)

dari **RM 170,000**
hingga **RM 205,000**

Baki **7 unit** SAHAJA



09- 747 4545
013-907 3209
014-507 9001

UNTUK KETERANGAN LANJUT,
SILA HUBUNGI:

